

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 61

Khamis

27 Oktober 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 10, B.11 dan B. 12

(Halaman 23)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P.10 dan P.70

(Halaman 23)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 27 Oktober 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah impak kekurangan tenaga kerja yang kita hadapi dalam sektor perkhidmatan seperti pembantu rumah, pembinaan dan perladangan. Adakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa sektor pembinaan, perladangan dan pembantu rumah merupakan antara sektor yang terlalu bergantung kepada tenaga pekerja asing. Bagi pembinaan dan perladangan kekurangan tenaga kerja akan memberi kesan secara langsung pada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Manakala pembantu rumah asing amat diperlukan bagi membolehkan lebih ramai wanita memasuki pasaran pekerjaan.

Pelbagai tindakan telah dan sedang diambil bagi mempercepatkan proses pengambilan pekerja asing termasuk pengambilan pekerja-pekerja asing daripada negara sumber lain seperti Pakistan. Walau bagaimanapun, negara tidak harus terlalu bergantung kepada mereka pekerja asing untuk jangka masa panjang. Sehubungan itu, kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (UPE) dengan kerjasama kementerian ini sedang merangka dasar jangka panjang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengurangkan kadar pergantungan terhadap pekerja asing kepada suatu tahap yang optimum tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja khasnya pekerja asing, pihak majikan digalakkan mengautomasikan operasi pengeluaran mereka dengan menggunakan mesin atau menggunakan teknologi moden yang tidak lagi perlu menggunakan banyak tenaga manusia. Sebagai contoh sektor pembinaan menggunakan bahan pasang siap atau *industrialize building system* (IBS), manakala di sektor pertanian mekanikal *buffalo* digunakan untuk memotong buah kelapa sawit.

Bagi meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam pasaran pekerjaan, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan membina beberapa pusat asuhan kanak-kanak komuniti sebagai projek perintis bagi memenuhi keperluan para pekerja wanita untuk menempatkan anak-anak mereka semasa mereka bekerja. Tuan Yang di-Pertua,

sebagai langkah jangka pendek kementerian ini juga telah bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengetatkan lagi syarat-syarat kemasukan pekerja asing ke negara ini. Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut –

- (i) diwajibkan mendaftarkan kekosongan jawatan dengan Jabatan Tenaga Kera di bawah Seksyen 63 Akta Kerja 1955;
- (ii) diwajibkan mendaftar dengan *job clearing system* (JCS) di bawah kementerian ini supaya jawatan tersebut dibuka terlebih dahulu kepada rakyat tempatan dan seterusnya perlu mendapatkan surat pengesahan ataupun perakuan daripada Jabatan Tenaga Kerja selepas 30 hari bahawa usaha mereka untuk mendapatkan pekerja tempatan tidak berjaya;
- (iii) diwajibkan mendaftarkan bilangan pekerja asing yang sedia ada kepada Jabatan Tenaga Kerja mengikut Seksyen 60(k) Akta Kerja 1955;
- (iv) pekerja asing diwajibkan lulus kursus induksi yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) kecuali pekerja dari Indonesia sebelum diberi visa;
- (v) diwajibkan menyediakan perlindungan insurans bagi setiap orang pekerja di bawah Akta Pampas Pekerja 1952;
- (vi) mensyaratkan nisbah (*ratio*) tertentu pengajian pekerja asing kepada pekerja tempatan;
- (vii) menaikkan kadar levi pekerja asing bagi sektor tertentu, misalnya sektor perkhidmatan kepada RM1,800 setahun dan sektor pembuatan dan pembinaan kepada RM1,200 setahun. Dan seterusnya diwajibkan membayar levi dalam tempoh 24 jam selepas kelulusan diberi.

Pengenaan syarat-syarat tersebut telah berjaya mengurangkan kadar penggunaan pekerja asing yang diterima daripada majikan dan hanya majikan yang tulen (*genuine employer*) sahaja akan tampil ke hadapan. Ia juga bertujuan menggalakkan majikan sama ada beralih kepada mekanisasi, automasi atau mengutamakan pengambilan pekerja tempatan. Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut –

- (i) menyediakan peluang secara besar-besaran bagi majikan di pelbagai sektor tersebut yang memerlukan pekerja menemukan pencari pekerja tempatan yang berminat melalui Karnival Pekerjaan anjuran Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) membuat pengumuman kekosongan jawatan berkenaan melalui siaran radio tempatan untuk memberi peluang kepada pencari kerja yang berminat agar menghubungi terus majikan berkenaan;

- (iii) memaklumkan jawatan yang terdapat di pasaran melalui sesi ceramah kerjaya sama ada anjuran jabatan atau melalui jemputan dari mana-mana pihak;
- iii) menggalakkan aktiviti mobiliti di mana Jabatan Tenaga Kera terlibat di dalam memindahkan tenaga kerja tempatan dari lokasi yang mempunyai lebihan tenaga kerja ke tempat yang memerlukan dan akhirnya;
- iv) menggalakkan kerjasama bersepadu antara Jabatan Tenaga Kerja, agensi pekerjaan swasta dan majikan yang berkenaan di dalam usaha mendapatkan tenaga kerja tempatan. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu teliti. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita dapati bahawa kekurangan tenaga kerja ini boleh menjejaskan ekonomi kita, dan pada masa sekarang kita begitu bergantung ataupun bergantung kepada pekerja asing. Adakah pihak kementerian mempunyai cara-cara alternatif yang boleh mengatasi masalah supaya keadaan ekonomi tidak terjejas, kalau ada pihak tertentu yang misalan hendak *blackmail* kerana terlalu banyak kita bergantung kepada mereka? Adakah rancangan ataupun cara atau alternatif kalau perkara itu berlaku? Apakah levi-levi yang telah dikenakan oleh kerajaan kepada tenaga asing ini, dan apakah sumbangannya kepada negara kita? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Antara cara-cara alternatif yang telah, sedang dan terus dibuat oleh pihak kementerian iaitu menyediakan tenaga-tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh pelbagai sektor di dalam negara kita ini. Di samping itu juga, kita turut mengesyorkan serta meminta majikan-majikan untuk mengutamakan pekerja-pekerja tempatan dengan memberikan pelbagai insentif ataupun galakan.

Mengenai dengan levi yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing ini, kalau pembantu rumah dikenakan levi di antara RM360 untuk pembantu yang pertama dan pembantu kedua RM540, begitu juga pembantu yang ketiga. Untuk pekerja binaan, levi yang dikenakan ialah sebanyak RM1,200, manakala pekerja ladang sebanyak RM540. Keseluruhan yang kerajaan perolehi daripada pungutan levi adalah dalam lingkungan RM1.8 bilion, tetapi untuk 2004 levi yang diperolehi oleh pihak kerajaan ialah sebanyak RM1.9 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sumbangan yang telah diberikan oleh pekerja asing dalam bentuk Keluaran Dalam Negara Kasar ini ialah sebanyak RM17 bilion. Kita tidak dapat nafikan bahawa pekerja asing juga membawa pulang wang daripada negara ini ke luar negara iaitu lebih kurang RM5.4 bilion. Jadi keseluruhannya kerajaan masih lagi mempunyai keuntungan yang lebih dari segi pungutan levi dan juga sumbangan kepada ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dapati sekarang pekerja-pekerja asing ini kita lihat di mana-mana. Naik sahaja hotel, kita nampak pekerja asing. Hendak bercakap dengan kita, mungkin susah kerana mereka tidak pandai bahasa Melayu dan setengahnya mungkin sebahagiannya bahasa Inggeris. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya siapa yang bertanggungjawab mengambil pekerja asing, sama ada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun Kementerian Sumber Manusia yang menyebabkan ramai daripada orang-orang kita tidak bekerja dan ramai pekerja asing yang datang? Bolehkah tidak jelaskan kepada kita di dalam Dewan ini, berapakah jumlah pekerja-pekerja asing dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi, termasuk pembantu rumah, pekerja binaan, ladang ataupun sektor-sektor lain jika ada, dan daripada negara manakah mereka ini datang? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Sebenarnya, yang membenarkan atau untuk mengambil pekerja asing ini ialah di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebab utama diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah melibatkan soal-soal keselamatan dan pihak Kementerian Sumber Manusia melihat dari segi aspek penggajian seperti gaji, kebajikan, khidmat mereka dan masalah-masalah yang terbabit apabila mereka sudah diterima menjadi pekerja.

Mengenai dengan jumlah pekerja-pekerja asing dalam tiga sektor adalah seperti berikut:

- Pembantu rumah - 301,000 orang;
- Pekerja binaan - 250,000 orang; dan
- Pekerja ladang - 434,000 orang.

Mengenai dengan negara-negara mana yang diambil bagi:

Pembantu Rumah

Indonesia	– 290,000
Filipina	– 8,000
Cambodia	– 2,000
Sri Lanka	– 750
Thai	– 450
India	– 36
Bangladesh	– 11
Vietnam	– 3
China	– 2

Pekerja Binaan

Indonesia	– 204,000
Vietnam	– 15,000
Bangladesh	– 9,800
Myanmar	– 9,400
India	– 4,000
Nepal	– 3,900

Pekerja ladang

Indonesia	– 395,000
India	– 21,000
Filipina	– 7,000
Nepal	– 5,500
Bangladesh	– 2,508

Banyak lagi negara-negara lain tetapi sekadar untuk diberikan contoh. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu apakah sebab, walaupun kita ada yang mana satu situasi kekurangan pekerja di semua sektor. Walhal, kerajaan tidak ingin mengadakan satu undang-undang gaji minimum untuk semua pihak supaya ia akan memastikan bukan sahaja pihak yang datang dari luar negeri dibayar satu gaji yang sesuai, tetapi dalam negara di mana ramai pekerja ingin bekerja di beberapa tempat yang dikatakan seperti di pembinaan dan perladangan. Tetapi gaji yang diberikan oleh majikan di negara ini sangat kurang. Kita pun ada situasi di mana ramai di antaranya yang terpaksa ke luar negara untuk bekerja, dan ini adalah semua disebabkan kerana kerajaan tidak mengiktiraf bahawa masa telah datang untuk mengadakan satu gaji minimum.

Negara-negara yang mundur yang baru seperti East Timor ada *minimum wage policy*. Kenapakah pula kita tidak ada? Mengenai pengambilan pekerja-pekerja dari Pakistan, baru-baru ini satu delegasi dengan Tan Sri Speaker sebagai Ketua telah pergi ke Pakistan. Bila berjumpa dengan *high commissioner* di sana, mereka kata, bahawa pengambilan pekerja-pekerja ke Malaysia, tidak langsung di *scrutinize*, tidak langsung apa-apa kena-mengena dengan *high commissioner* tersebut. Mereka kata adalah satu perkara bebas di antara agen di sana dan agen di sini. Apakah ini dibenarkan kerana kita kluatir pihak-pihak yang tidak diingini mungkin masuk ke negara ini bekerja dan membawa masalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Terlalu banyak soalan dalam satu soalan. Ingin saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kementerian Sumber Manusia tidak berhasrat untuk mengenakan gaji minimum kerana apabila kita kenakan gaji minimum, maka ianya tidak terikat kepada pasaran terbuka yang lebih baik dan kebanyakan negara-negara maju memang tidak mengenakan gaji minimum. East Timor itu adalah negara yang baru merdeka, tidak berapa maju lagi. Dia tidak tahu ragam tentang gaji minimum di peringkat dunia ini.

Saya juga hendak sebutkan di sini bahawa kita juga tertakluk kepada kemampuan majikan. Jadi kalau dikenakan gaji yang tertentu, mungkin banyak majikan tidak bersaing dan juga tidak mampu. Saya juga memang begitu sensitif mengenai dengan gaji yang dikatakan rendah. Memang saya perakui bahawa gaji terutama pekerja-pekerja ladang di Sabah dan

Sarawak memang rendah. Ada dibayar RM7 dan RM12 sehari. Tetapi saya ingin menjelaskan bahawa terdapat *piece rate* kepada tambahan gaji berkenaan.

Contohnya, kalau gaji orang yang bekerja di ladang sawit RM12 satu hari, tetapi *piece rate* juga dikenakan untuk tan. Umpamanya satu tan ditambah lagi RM18kah, RM20. Jadi kalau dia dapat dua tan, dia dapat lagi. Kalau 18 kali dua, campur dengan gaji minimum RM12 itu. Jadi ianya tidak bersifat menindas kalau diambil kepada *piece rate* dan boleh dikatakan semua majikan memberikan *piece rate* ini kepada pekerja-pekerja ladang dan juga sektor-sektor yang lain. Maka, tidaklah dikatakan kita menganiayai pekerja-pekerja yang ada di Sabah khususnya dan juga Sarawak.

Mengenai dengan pekerja-pekerja Pakistan, sebenarnya rundingan-rundingan yang lebih kemas sedang diatur bagi memastikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku, dan tidak merugikan khususnya negara-negara kedua-dua ini dan juga pekerja-pekerja itu sendiri.

2. **Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tujuan utama penubuhan EAS (East Asia Summit) yang akan dilancarkan pada bulan Disember di Malaysia dan apakah manfaat yang akan diperolehi oleh negara melalui penubuhan sidang kemuncak ini.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak yang ingin tahu berkenaan Sidang Kemuncak Asia Timur ataupun dengan izin, East Asia Summit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perwujudan proses ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Di sini suka saya menyorot kepada sejarah. Jika, Yang Berhormat ingat pembentukan kumpulan Asia Timur itu telah pun ditimbulkan pada tahun 1990-an.

Mula-mulanya bekas Perdana Menteri mencadangkan supaya dilahirkan East Asia Economic Group, dengan izin, ia mendapat tentangan dan oleh itu ditukarkan pula kepada East Asia Economic Caucus. Ia juga tidak mendapat restu oleh golongan yang sama, kerana itu ia tidak terbentuk sehinggalah satu formula baru yang dipanggil ASEAN+3 tercetus dan mendapat penerimaan dari semua negara campur tiga. Mesyuarat secara tidak rasminya telah diadakan pada tahun 1997 pada bulan Disember.

Bertolak dari situlah maka bangkit kehendak untuk melahirkan masyarakat Asia Timur berasaskan syor-syor oleh East Asia Study Group dan East Asia Vision Group, dengan izin. Bila ia mula kelihatan mendapat penerimaan, kita mula mengesyorkan semula pembentukan kumpulan Asia Timur kerana kerjasama dalam semua bidang di antara negara-negara ASEAN dan Asia Timur boleh membawa manfaat dan ia mula menyerlah dan dilihat sebagai sesuatu realiti yang diperlukan.

Begitulah, Yang Berhormat latar sejarahnya apabila kita mencadangkan supaya diadakan satu sidang kemuncak Asia Timur. Namun, negara-negara ASEAN dan rakan-rakan kongsinya mahukan supaya ianya tidak dihadkan kepada negara Asia Timur sahaja tapi dibuka kepada negara lain di Asia dengan syarat-syarat tertentu. Oleh itu, sidang kemuncak Asia Timur yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 12 hingga 14 Disember ini akan disertai oleh ASEAN+3 bersama India, Australia serta New Zealand.

Manfaat yang dapat kita perolehi adalah kerjasama yang lebih mendalam dan erat, merangkumi ekonomi, perdagangan, pelaburan, sosiobudaya serta bidang pendidikan dan ilmu untuk membina upaya negara-negara di rantau kita. Pasarannya juga akan menjadi lebih luas dengan penduduk lebih daripada 3 bilion. Ia juga akan menjadi satu kumpulan yang dapat bersaing secara berkesan dengan rantau lain.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, yang pertama saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar kerana keras Kerajaan Malaysia, akhirnya pada bulan Disember ini akan tertubuhnya East Asia Summit ini.

Yang ingin saya tanyakan ialah:

- (i) adakah dengan penubuhan East Asia Summit ini, ASEAN+3 iaitu ASEAN berserta dengan negara China, Jepun dan Korea Selatan tidak lagi menjadi relevan;
- (ii) saya juga ingin bertanya adakah cadangan bahawa East Asia Summit ini juga ingin memasukkan negara-negara kumpulan lain seperti European Union atau Rusia; dan

Dan, satu lagi perkara yang menjadi platform di Asia ini iaitu Asian Regional Forum, yang mana banyak membincangkan soal-soal yang berkaitan dengan *terrorisme* dan juga bencana alam (*disaster*). Kita dapati bahawa persidangan tahun ini tidak dihadiri oleh menteri-menteri luar negara-negara utama seperti US, China, India dan Jepun. Adakah ini menunjukkan bahawa persepakatan ini sudah menjadi kurang kukuh ataupun tidak lagi menjadi kukuh.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ucapan baik yang telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan sebenarnya konsep dan prinsip ASEAN+3 adalah hasil dari penonjolan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau menjadi Menteri Luar apabila beliau cadangkan kepada Perdana Menteri kita ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sidang kemuncak ataupun untuk mengadakan sidang kemuncak Asia Timur, ia tidak menjadikan sidang kemuncak ASEAN+3 tidak relevan oleh kerana ASEAN+3 telah tertubuh dengan lebih lama dan mempunyai kekuatannya yang tersendiri dan mempunyai pengalaman yang cukup dalam bidang kerjasama yang merangkumi pelbagai aspek ekonomi, pelaburan dan bina upaya di antara negara ASEAN dan negara campur tiga.

Sidang kemuncak Asia Timur pula dapat membincangkan perkara-perkara yang melampau ASEAN+3. Di dalam ASEAN+3 kita akan menumpukan kepada soal-soal yang mendatangkan kepentingan atau mempunyai impak kepada negara-negara di dalam ASEAN+3 tetapi di dalam perbincangan di sidang kemuncak Asia Timur ini diharapkan ianya dapat merangkumi soal-soal strategik yang impak negara luar ke atas rantau Asia Timur. Jadi, oleh itu ia mendatangkan banyak manfaat dan ianya harus dilaksanakan secara selari, tidak semestinya apabila diwujudkan satu, lagi satu menjadi tidak relevan, kedua-duanya boleh memainkan peranan untuk tujuan memperkukuh dan memperkuat ASEAN. Oleh kerana ASEAN mengambil keputusan supaya kita di *driver sit* ataupun kita yang akan memandunya.

Berkenaan dengan sama ada kita akan menjemput negara-negara lain untuk menjadi ahli ataupun pemerhati di dalam sidang kemuncak Asia Timur ini, soalnya pada masa ini, oleh kerana ini mesyuarat pertama tidak timbul lagi kerana kita mahu ianya terbentuk, *modality*nya terang, metodologinya jelas, mekanisme dan hala tuju hendak kita tentukan, maka soal ini kita tidak menjemput negara-negara dari apa yang telah kita tentukan.

EU, kalau ia hendak hadir, dia hendaklah hadir sebagai pemerhati. Kerana ini mesyuarat pertama kita melihat tidak perlu ada pemerhati. Rusia, dia mahu hadir tetapi kita telah memberikan syarat, negara-negara yang hendak hadir mestilah mempunyai kedudukan sebagai rakan kongsi negara ASEAN, telah menandatangani *treaty* persahabatan dan persefahaman dengan ASEAN dan juga mempunyai hubungan yang substantif dengan negara ASEAN. Di ketika ini, pihak Rusia walaupun berminat tidak ada konsensus di kalangan negara-negara ASEAN untuk menjemput Rusia.

Berkenaan ARF, ARF adalah memang satu forum untuk membincangkan soal keselamatan dan strategik isu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang melibatkan kesan-kesan keselamatan ataupun keamanan dunia. Pada kali ini bukan kerana mesyuaratnya tidak penting, US, India tidak hadir, tetapi India akan hadir di dalam sidang kemuncak ASEAN+India dan juga sidang kemuncak Asia Timur. Dan, Jepun akan hadir di dalam mesyuarat ASEAN+3. US tidak hadir oleh kerana memang dalam mesyuarat sidang kemuncak tidak ada rakan kongsi kita yang hadir melainkan negara-negara dalam Asean+3, yang hadir dalam soal ini semasa mesyuarat menteri-menteri luar pada bulan Julai. Jadi, soal tidak hadir, tidak timbul. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, tiga hari dahulu, 24 hari bulan genap 10 tahun penahanan Aung San Suu Kyi di penjara atau *house arrest*. Dan, baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa isu demokrasi Burma tidak akan ada di dalam agenda Sidang Kemuncak ASEAN, menyebabkan reaksi yang negatif dan tentu akan mempengaruhi persepsi mengenai kejayaan kemuncak East Asia ini. Memandangkan perkembangan ini, adakah Malaysia akan cadang bahawa antara agenda kemuncak East Asia pun berbincang isu Burma, khasnya cadangan yang dibuat oleh satu laporan oleh *Vaclav Havel*, bekas presiden

Czechoslovakia dan *Archbishop Desmond Tutu* bahawa *Nobel Peace Prize Laureate - Aung San Suu Kyi*, isu ini dan Burma patutlah ditangani oleh Security Council United Nations. Adakah ini diketengahkan supaya dapat sokongan? Dan, supaya reaksi negatif yang ada didapati oleh kerana kenyataan Yang Berhormat Menteri tidak ada agenda ini dalam ASEAN Summit boleh mengatasi.

Akhirnya, semacam dalam editorial di *Bangkok Post* semalam. Saya percaya Yang Berhormat Menteri tahu di mana dia membuat harapan bahawa, dengan izin, *it is not too late for ASEAN to place the issue of Burma on its agenda. In doing so it can show the world that it is facing up to its moral obligation and responsibility to address the suffering and exploitation incurring in his member nation.*

Datuk Seri Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang telah bercakap berkenaan Aung San Suu Kyi. Saya fikir kalau kita teliti pendirian negara-negara ASEAN secara keseluruhan, daripada awal-awal lagi kita mahu proses rekonsiliasi (*reconciliation*) itu berkesan dan Aung San Suu Kyi dibebaskan dengan secepat mungkin. Tetapi tindakan untuk membebaskannya ada di dalam penguasaan dan kawalan Myanmar sendiri. Soal sama ada Myanmar yang saya mengatakan tidak menjadi sebahagian daripada agenda telah membawa kesan negatif kepada sidang kemuncak ini, saya dengar daripada Yang Berhormat sahaja, daripada orang lain tidak ada cakap macam itu. *[Tepuk]*

Sidang kemuncak ini, kalau Yang Berhormat sedar bahawa ketua-ketua kerajaan mempunyai hak di dalam membincangkan perkara-perkara untuk membincang apa pun persoalan, sebahagian daripada tunggak di dalam ASEAN yang telah kita luluskan di Bali Concorde II ialah untuk menegakkan satu masyarakat politik dan keselamatan. Dalam masyarakat keselamatan dan politik kita mahu melihat negara-negara ASEAN mengamalkan demokrasi dan sistem yang berteraskan undang-undang. Oleh itu, Myanmar akhirnya kena mengikut apa yang dikehendaki oleh negara-negara ASEAN untuk menjadi ahli yang bermakna di dalam kumpulan ASEAN. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

3. **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) apakah status terkini "Projek Pendigitalan" yang telah dilaksanakan oleh kementerian; dan
- (b) apakah peranan jangka panjang projek tersebut dalam memodenkan industri penyiaran di Malaysia.

Menteri Penerangan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, status terkini projek pendigitalan adalah seperti berikut:-

- (i) kajian teknikal dan bukan teknikal projek pendigitalan RTM telah dibuat pada tahun 2003 dan ini menghasilkan sebuah *master plan* untuk tujuan pelaksanaan di seluruh negara. Kajian ini dibuat bagi kementerian oleh perunding AJZ Sdn. Bhd. iaitu sebuah pakar perunding dalam bidang tersebut dan ia dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi Malaysia;
- (ii) tender terbuka bagi projek printis pendigitalan di Lembah Klang pula telah pun ditawarkan kepada syarikat KUB Tel Bhd. dengan harga lebih kurang RM73 juta pada 6 Mei 2005. Projek ini dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2006 dan ini merupakan fasa 1 pelaksanaan projek pendigitalan;
- (iii) projek printis ini merangkumi penggantian peralatan pusat siaran (*transmission operation centre*) dengan izin, yang sedia ada, pusat penerbitan yang sedia ada, *production operation centre*, dengan izin serta *multiplexer centre*, peralatan pemancar TV digital, peralatan pembangunan kandungan digital dan kajian projek printis (*pilot studies*); dan
- (iv) fasa 2 dan fasa 3 pula merupakan pelaksanaan cara berperingkat-peringkat ke seluruh negara di mana penyiaran di Malaysia dijangka akan beroperasi secara digital sepenuhnya menjelang tahun 2015. Fasa 2 dan fasa 3 dijangka akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh.

Mengenai soalan (b) pula, adalah dimaklumkan bahawa dari segi keperluan jangka panjang projek pendigitalan ini merupakan satu keperluan bidang penyiaran yang tidak dapat dielakkan. Ini adalah kerana dalam tempoh 10 hingga 15 tahun yang akan datang, bidang penyiaran global akan beralih kepada teknologi digital sepenuhnya. Negara-negara yang tidak berhijrah daripada sistem penyiaran analog kepada teknologi digital akan terpinggir secara langsung kerana kebanyakan aspek penyiaran akan bertukar kepada digital. Pada masa itu alat ganti peralatan untuk sistem analog juga akan mengalami kekurangan dan akan menjadi terlalu mahal.

Pendigitalan ini juga secara langsung dapat memenuhi tuntutan industri penyiaran untuk bersaing di peringkat global. Teknologi digital akan membuka ruang yang luas kepada bidang penerbitan penyiaran moden di mana kualiti visual akan bertambah baik di samping pelbagai potensi akan wujud ekoran elemen-elemen *interactive* yang boleh didapati melalui siaran digital.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat menyambut hari raya, Tuan Yang di-Pertua dan juga semuanya termasuk Menteri Penerangan. Tidak tahulah raya ini hendak main gambar apa. *[Ketawa]*

Saya mengalu-alukan ke arah mendigitalkan Kementerian Penerangan. Bila Yang Berhormat menjawab soalan itu saya teringat, kalau didigitalkan benda ini bermakna orang kampung, orang tua-tua pun boleh menggunakan sistem komputer ini kerana dia hanya beli CPU dan *keyboard*. Monitor dia sudah ada, di TV skrin itu sudah ada. Di seluruh kampung kita, bolehkah sistem yang Yang Berhormat Menteri akan anjurkan ini digunakan oleh masyarakat kita, menumpang pendigital RTM supaya masyarakat desa kita boleh menggunakan sistem ini. Hendak tanya yang ini sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua - Peraturan 36(11). Semalam dulu, *the day before yesterday*, Yang Berhormat bagi Jerai telah menggunakan satu perkataan menghinakan[*Dewan riuh*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *Eh, eh...*

Tuan M. Kula Segaran: Biar saya habiskan dahulu. *Point of order...*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Eh, itu kelmarin sudah selesailah.

Tuan M. Kula Segaran: Biar saya habis. Suruh dia duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sudah selesailah itu. Apalah!

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan selesai. Bukan selesai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya sudah tarik balik semua. Lagi mahu gaduh apa pasal?

Tuan M. Kula Segaran: Ini bukan kali pertama. Pada 21 April 1998, perkara yang sama.....

Seorang Ahli: Sudah tarik baliklah. Duduklah.

Tuan M. Kula Segaran: Dia menghina masyarakat India. Saya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tidak menghina Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap...sekejap....

Tuan M. Kula Segaran: Biar saya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia ini tidak faham. Bangsa tidak faham ini.

Tuan M. Kula Segaran: Dia tidak faham itu masalah lain. Jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik saya sudah faham.

Tuan M. Kula Segaran: Ini adalah satu *seditionous issue*, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa *seditionous*? Bukan saya suruh gaduh. [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran: Saya harap tindakan akan diambil dan dia dirujuk kepada *Privileges Committee*. Untuk tindakan diambil. Bukan tarik balik, bukan. Niat dia tidak baik. Ini bukan kali pertama.

Semalam saya pergi ke *Hansard*, saya tengok ini satu perkara yang selalu dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Faham. Faham. Saya ada di sini.

Tuan M. Kula Segaran: Saya harap bukan sahaja setakat menarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk. Yang Berhormat sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran: *Special seditious issue*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara ini - perkataan-perkataan yang dihujahkan dalam Dewan ini, setiap Ahli Yang Berhormat bercakap begitu banyak sekali, kadang-kadang terlanjur dan sebagainya. Akan tetapi kalau ada satu dua perkataan yang mungkin menimbulkan sensitiviti kepada sesuatu kaum/perseorangan, tetapi pada peraturan dalam Dewan ini juga, jikalau sudah ditarik balik bermakna perkara ini sudah selesai. [*Tepuk*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini sensitif.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cameron Highlands, *you how many time already*, cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak. Saya rasa benda ini perlu kita sensitif. Fasal apa, kalau kita selalu menggunakannya tidak berapa sesuai, bukan saya hendak isukan. Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, benda ini kita sesama sendiri perlu menghormati antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, faham tu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya mintalah jasa baik Ahli-ahli Parlimen supaya sensitif benda ini. Itu saja.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cameron Highlands, takkan *you* mahu saya sembah *you* punya kaki?

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, bukan. Saya rasa ini.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak, saya tidak minta supaya disembah.

Tuan M. Kula Segaran: Ini adalah satu perangai dia. Kalau ini kali pertama.....[*Dewan semakin riuh*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta untuk sembah kaki....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tetapi saya rasa benda ini perlu juga kita sama-sama

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita faham semua itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudahlah you [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini soal penting, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau macam ini, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands hantar surat kepada Kerajaan Negeri Melaka supaya ubah "Tanjong ... " yang saya tak hendak sebut itu letakkan "Tanjung India".

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak. Yang Berhormat bagi Jasin tidak faham. Bila kita kata sesuatu, Tuan Yang di-Pertua, kita kena - katakan kita kata dalam niat yang baik, kita faham. Tetapi kalau selalu diperli-perli tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Soalnya Yang Berhormat bagi Jasin cerita - salah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sengaja. Benda itu tidak sengaja dan saya tarik balik. You hendak... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat. Duduk. Duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan.

Tuan M. Kula Segaran: Ramai orang yang memanggil saya, Tuan Yang di-Pertua. Ini menjadi satu masalah

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk gaduh di sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Depa jangan politik di sini. Saya tidak hendak dia orang politikkan di sini. Bukan niat saya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tapi saya melafazkan perasaan masyarakat India seluruh Malaysia. Saya dapat macam-macam SMS, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk, Sila duduk. Semua duduk.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ada *Hansard* 21 April.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dulu. Semua duduk. Perkataan itu disebutkan oleh Yang Berhormat secara sepintas lalu. Tidak bolehlah mendalami sama ada dia mempunyai hasrat buruk atau tidak buruk - sepintas lalu macam itu. Beliau pun kalau ada niat ataupun sebagainya sudah ditarik balik, sudah habislah perkara itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran: Masyarakat umum, saya ingat tidak berapa terima

Tuan Yang di-Pertua: Siapa tadi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu, Tuan Yang di-Pertua. Jawab soalan. Yang Berhormat bagi Jerai sudah habis jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Belum jawab lagi?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang sedang dijalankan oleh RTM sekarang ini adalah merupakan projek perintis sahaja iaitu untuk Lembah Klang. Jadi projek perintis ini, insya-Allah mulai bulan, tak apa *steady* la (*Ketawa*), nampaknya gelabah, ok mulai bulan Januari ini, insya-Allah projek perintis ini akan mula kita *experiment* di kalangan rakyat, di mana kita sediakan dua ribu lebih kurang *accepted box* untuk diedarkan kepada orang-orang tertentu di Lembah Klang sahaja. Dan insya-Allah mulai bulan Ogos 2006, kita akan melancarkannya kepada orang ramai tapi hanya di Lembah Klang dahulu, di Lembah Klang dia bolehlah untuk menikmati faedah ini tetapi dia kena beli *accepted box* yang mungkin ketika ini harganya lebih kurang sebuah RM500, mungkin masa depan lebih murah. Lepas itu kita akan pergi ke fasa kedua dan ketiga. Fasa kedua, mulanya kita akan pergi kepada semua bandar-bandar utama di negara kita dan fasa ketiga barulah kita pergi ke seluruh negara.

Jumlah yang kita perlu, biaya yang kita perlu untuk 'mendigitalise' seluruh negara kita ini, kita perlu lebih kurang RM1.9 bilion, tetapi ini adalah suatu perbelanjaan yang akhirnya kita tidak dapat elak. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dapat melihat bahawa apa yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam jangka masa sepuluh tahun, RTM akan ketinggalan, jika RTM tidak mengorak langkah yang besar ini untuk mendigitalkan semua perkhidmatan yang ada dalam RTM hari ini. Yang Berhormat Menteri, saya kira tak payah tunggu sepuluh tahun, hari ini pun kita dapat melihat RTM telah hampir dipinggirkan oleh kerana sistem *analog* yang masih digunakan, berbanding dengan stesen-stesen TV yang lain.

Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini stesen Astro telah menunjukkan kepincangan di dalam perkhidmatannya, walau pun mereka telah berada di dalam era digital. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah RTM telah mengambil kira masalah-masalah yang timbul oleh stesen-stesen TV yang telah pun mengorak langkah di dalam sistem digital pada hari ini supaya tidak berlaku pembaziran di dalam pengurusan peruntukan yang bakal dihadapi oleh RTM pada masa hadapan.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah kalau bolehnya kita hendak buat secepat mungkin, tapi itu banyak bergantung pada biaya yang akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kita sedang memujuk mereka supaya dipercepatkan proses ini, Insya-Allah. Keduanya, kementerian sendiri, RTM sendiri tidak mempunyai kepakaran yang begitu tinggi, yang perlukan untuk kerja-kerja pendigitalan. Maka itulah sebabnya kita telah berunding dengan EPU dan EPU telah pun melantik sebuah syarikat

yang merupakan pakar dalam bidang ini dan syarikat ini merupakan syarikat konsortium dengan pakar-pakar antarabangsa juga iaitu syarikat AJZ Sdn. Bhd.. Jadi hasil dari kajian inilah maka kita, supaya kita tidak buat kesilapan yang besar, maka kita hanya mengadakan dulu projek perintis, kita *try* dulu di satu kawasan yang kecil iaitu di Lembah Klang dulu. Insya-Allah dengan itu kita dapat mengelakkan kesilapan-kesilapan yang besar kemudian kelak. Terima kasih.

4. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sama ada terdapat sebarang usaha untuk mengenal pasti tanaman asing yang boleh diperkenal dan ditanamkan di negara kita sebagai tambahan kepada sawit, tembakau, getah, lada dan padi yang mampu diusahakan sebagai tanaman kontan utama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @Ng Lip Sat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian saya sentiasa mengkaji dan mengenal pasti tanaman baru untuk mempelbagaikan tanaman yang sedia ada seperti kelapa sawit, getah, koko dan lada hitam supaya menjamin pendapatan negara dan membantu pekebun kecil. Sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan telah mengenal pasti, kenaf sebagai salah satu tanaman asing yang berpotensi di tanam di negara kita dan boleh dijadikan sebagai tanaman tambahan kepada tanaman komersial yang sedia ada. Kenaf dengan nama saintifiknya 'hibiscus cannabiness' sesuai di tanam sebagai dengan izin *rotation crop* dan sangat sesuai diintegrasikan dengan tanaman-tanaman komoditi lain seperti kelapa sawit, getah dan tembakau. Penanaman kenaf dapat mengoptimumkan penggunaan tanah dan menjana pendapatan tambahan bagi penanam khususnya pekebun kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaf boleh digunakan untuk berbagai-bagai produk antaranya seperti makanan haiwan, pembuatan panel untuk bahan binaan, komponen perabot atau komponen dalaman kenderaan. Pada masa ini, agensi-agensi di bawah kementerian saya seperti *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Tembakau Nasional (LTN) dan MTIB (*Malaysian Timber Industry Board*) telah memulakan kajian mengenai penanaman kenaf untuk tujuan mengenal pasti kesesuaian atau dengan izin *viability* tanamannya dan juga berusaha dengan industri lain dalam usaha pemrosesannya.

Di samping kenaf, tanaman-tanaman asing lain yang telah ditanam secara komersial di negara asing telah didapati berpotensi untuk dibangunkan di Malaysia ialah tanaman kacang, seperti kacang soya, kacang dal, kacang hijau dan kacang tanah dan juga 'pastries' dan 'sogon'.

Kajian MOPB menunjukkan bahawa tanaman-tanaman ini sesuai ditanam di kawasan di antara baris sawit, dengan izin *double avenue planting*, membentuk tanaman integrasi yang berdaya maju dan tidak menjejaskan pertumbuhan atau pengeluaran sawit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari tanaman-tanaman asing yang tersebut di atas, terdapat juga beberapa jenis tanaman kontan tempatan yang sesuai diintegrasikan

bersama tanaman komoditi, antaranya adalah seperti pisang, nanas, tebu kuning, tembikai dan jagung manis yang sesuai diintegrasikan dengan tanaman sawit, manakala rempah ratus seperti halia, kunyit dan serai sesuai ditanam bersama tanaman ladang. Hasil dari kajian MOPB, Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) telah menunjukkan bahawa semua tanaman tersebut berupaya menjana pendapatan tambahan kepada penanamnya. Sekian, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada lagi satu tanaman daripada Australia yang dinamakan 'Tea Tree' di mana minyak-minyak 'Tea Tree' ini amat berguna

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Dr. James Dawos Mamit: 'Tea Tree', pokok tehlah, tapi dia bukan pokok teh, dia 'Tea Tree' nama dia. 'Tea Tree' yang mempunyai minyak yang amat berguna untuk menyembuh pelbagai penyakit. Ini adalah paling sesuai juga di negara kita. Ada pengusaha di Miri sudah menanam 'Tea Tree' ini.

Tuan Ng Lip Yong @Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya sedar bahawa 'Tea Tree' ada ditanam di negara kita ini, di Teluk Intan ada sebuah syarikat ada mengeluarkan minyak 'Tea Tree' yang nilainya sangat tinggi tetapi mereka menghadapi sedikit masalah sebab untuk digunakan kena didaftarkan dan proses pendaftaran masih belum diselesaikan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit soalan tambahan tentang tanaman buah-buahan. Saya tahu ini dalam bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memperkasakan lagi tanaman-tanaman buah-buahan *temperate* seperti oren secara besar-besaran, ciku, epall dan sebagainya. Walau pun ini telah dilaksanakan di Cameron Highlands. Pada hari Sabtu yang lalu saya telah pergi ke Cameron Highlands, saya telah melawat beberapa bidang yang mengusaha secara komersial strawberi dan ini hanya satu ekar, dua ekar sahaja secara kecil-kecilan.

Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memperkasakan lagi seperti tanaman kacang soya dan sebagainya.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Kementerian saya menjaga perladangan dan oleh sebab itu kita gunakan tanaman-tanaman lain untuk mengintegrasikan ladang-ladang sahaja. Kalau tanaman buah-buahan ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kita sentiasa bekerjasama dengan MARDI supaya kita boleh mengenal pasti tanaman lain yang boleh memberi hasil yang tinggi untuk pekebun kecil.

5. **Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa tertinggi yang tetap untuk menangani masalah berulang di antara Malaysia dan Indonesia seperti kejadian jerebu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa tertinggi bagi menangani masalah jerebu peringkat ASEAN telah pun wujud yang meliputi:

- (i) kerjasama melalui mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN mengenai jerebu;
- (ii) kerjasama melalui Pasukan Petugas Teknikal mengenai jerebu atau dengan izin *Haze Technical Task Force* yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan alam sekitar semua negara anggota ASEAN; dan
- (iii) kumpulan kerja bagi penyelarasan pencegahan kebakaran atau *Sub Regional Fire Fighting Arrangement* bagi Borneo dan Sumatera yang dianggotai oleh Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Apa yang lebih penting di dalam forum-forum tersebut adalah persediaan pertemuan dua hala di peringkat tertinggi dan Menteri-menteri boleh diatur secara serta-merta apabila tiba keperluan untuk menangani masalah jerebu tersebut. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pulaui.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi peluang kepada saya dahulu, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Susah hendak tanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pulaui dahulu, cepat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini masalah jerebu berlaku sekali lagi. Tindakan yang diambil oleh kementerian lambat dan lebih bersifat *reactive*, tidak bersepadu dan tidak terancang.

Masalah jerebu yang membahayakan manusia dan alam sekitar berulang kerap kali pada waktu yang sama iaitu pada musim panas yang seiring dengan aktiviti pembakaran untuk membersihkan kawasan ladang untuk tanaman semula. Masalah ini sebenarnya boleh ditangani dengan perancangan dan koordinasi yang baik di antara kedua Kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Pada masa sebelum ini, kita boleh menangani masalah berulang ini dengan mudah tanpa melalui saluran rasmi diplomatik kerana kita mempunyai Menteri-menteri yang mempunyai

hubungan *personal* yang baik dengan Menteri-menteri di Indonesia yang membolehkan masalah tersebut diselesaikan secara informal dan cepat. Sebagai contoh, Malaysia pernah menghantar Pasukan Bomba ke Sumatera untuk membantu memadamkan kebakaran di sana dengan segera yang sebenarnya boleh dianggap sebagai tindakan mencabul negara asing oleh kerana hubungan yang baik ini.

Kita sedia maklum bahawa kerajaan dan Menteri sering bertukar dan kita tidak mempunyai Menteri yang ada kaitan rapat dengan Indonesia. Oleh kerana itu, perhubungan informal ini semakin jauh. Perhubungan dua hala Malaysia dan Indonesia amat penting dan masalah kedua-dua negara sering dipermainkan dan akan terus dipermainkan oleh media terutamanya di Indonesia selagi ia tidak diselesaikan dan menyentuh isu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Isu sensitif lain seperti Ambalat, penyeludupan makanan haram, pendatang tanpa izin dan sebagainya. Berlatarbelakangkan masalah yang telah saya sebutkan di atas, pada pandangan saya Jawatankuasa Tertinggi Tetap Dua Hala ini perlu ditubuhkan dan diberi kuasa untuk bertindak.

Soalan tambahan saya, pertama sekali saya ingin bertanya mengapakah Kerajaan Indonesia masih belum menandatangani Perjanjian Anti Pembakaran Terbuka di antara Malaysia dan ASEAN.

Kedua, dalam ketiadaan Jawatankuasa Tertinggi Dua Hala ini sekarang, apakah tindakan bersepadu dalam negara yang diambil oleh kementerian dan agensi kerajaan yang lain seperti Jawatankuasa Bencana Alam di bawah Majlis Keselamatan Negara dan juga Kementerian Luar Negeri untuk menangani masalah berulang di antara kedua negara ini. Sekian, terima kasih. .

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak betul soalan tentang jerebu, kalau pun soalan bocor tetapi ingin saya nyatakan di sini sebenarnya Perjanjian ASEAN *Agreement on Trans Boundary Haze Pollution*, dengan izin, yang ditangani oleh Menteri-menteri ASEAN pada Jun 2002 belum diratifikasikan oleh Kerajaan Indonesia. Alasan yang diberikan kepada kita ialah kerana mereka masih menunggu keputusan Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia untuk meratifikasikan perjanjian tersebut.

Setakat tahun ini, masih belum dilakukan dan kita berharap perwakilan rakyat Indonesia akan meratifikasikan dengan secepat yang mungkin. Ini adalah di antara masalah yang kita hadapi apabila kita mempunyai permasalahan jerebu dan tambahan pula dengan isu-isu lain yang melibatkan di antara dua negara telah pun menyebabkan hubungan di antara kita tidak begitu mesra seperti dahulu.

Walau bagaimanapun, kita baru-baru ini memang telah pun menghantar Pasukan Bomba dan juga menghantar pasukan membuat pembenihan awan di Sumatera dan juga Borneo dan saya rasa untuk masa akan datang, insya-Allah kita akan membuat persiapan awal kerana larangan pembakaran terbuka di dalam negara kita juga dan juga meminta kerjasama Indonesia supaya membuat persiapan *Zero Burning Policy* dikuatkuasakan di negara tersebut. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat masalah jerebu merupakan masalah tahunan yang berlaku dan setiap kali jerebu berlaku ita akan dimaklumkan tentang pertemuan dan forum di antara Malaysia dengan Indonesia. Saya ingin tahu apakah kelemahan forum dan pertemuan di antara kedua negara ini yang tidak boleh mencapai suatu pencapaian penyelesaian masalah yang kekal terhadap masalah jerebu.

Kerajaan harus melihat *beyond* pertemuan dan forum, mungkin isu ini harus ditangani di peringkat ASEAN umpamanya. Apakah cadangan kementerian terhadap perkara ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Pertama sekali, sebagaimana kita tidak boleh berhenti berjumpa dan berbincang berkenaan dengan masalah di antara kedua-dua negara walau pun kita tidak nampak banyak perubahan dari segi keadaan jerebu dan sebagainya.

Tetapi ini terpaksa juga dilakukan kerana ia melibatkan tradisi. Yang pertama, tradisi oleh penduduk dan juga petani di Indonesia iaitu secara pembakaan terbuka dan apabila musim menuai dan sebagainya, itu adalah kehidupan harian mereka. Kita tidak boleh menyekat sesebuah negara tersebut untuk memberitahu bahawasanya supaya buat benda ini, buat benda itu cara lebih baik dan sebagai sebab keadaan ekonomi dan juga sosioekonomi di sesebuah negara tersebut berlainan dengan negara kita.

Saya rasa perbincangan adalah antara yang terbaik yang kita boleh lakukan buat masa sekarang ini. Terima kasih.

6. **Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah kementerian mempunyai perancangan untuk membeli peralatan untuk mengkaji kedudukan angin bagi menangani dan mengurangkan kemalangan udara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian melalui agensinya Jabatan Meteorologi Malaysia (Kaji cuaca) sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan selaras dengan misi jabatan yang sentiasa komited untuk membekalkan perkhidmatan yang berkesan bagi meningkatkan kualiti hidup dan pertumbuhan ekonomi yang mapan serta memperbaiki perlindungan hayat, harta benda dan memelihara persekitaran yang segar di samping sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap keselamatan sama ada di darat, laut ataupun udara.

Di samping itu, Jabatan Meteorologi Malaysia juga telah berusaha keras untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan ramalan cuaca harian dan ramalan cuaca penerbangan dengan meningkatkan keupayaan alat-alat pencerapan yang diguna pakai serta mengembangkan rangkaian stesen-stesen pencerapan di seluruh negara dengan memberi tumpuan kepada penyediaan dan pengumpulan data-data di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan yang agak terpencil serta memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan agensinya, Jabatan Metrologi Malaysia bercadang untuk mendirikan beberapa stesen pencerapan baru di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bertujuan untuk menyediakan satu perkhidmatan yang berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan dan keperluan semasa di kawasan-kawasan berkenaan.

Di samping itu, jabatan juga akan memastikan semua peralatan sama ada yang sedang diguna pakai di stesen-stesen pencerapan yang sedia ada dan yang akan digunakan di stesen-stesen baru nanti mematuhi piawaian antarabangsa dan selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat di Lebuhraya Utara Selatan misalnya, kita ada tanda amaran berkaitan dengan angin lintang dan juga ada petanda menunjukkan arah angin. Begitu juga laut, sering kali kita akan mendengar pengumuman tentang amaran-amaran bahaya ombak besar dan angin kuat bagi kapal-kapal kecil. Jadi di udara kalau kita lihat di Sarawak sahaja, kemalangan udara sering berlaku dalam bulan Julai ke September dan berlaku di sepanjang banjaran antara Kalimantan dan juga Sarawak iaitu di Ba'kelalan dalam bulan Julai, di Ulu Balik juga dalam bulan Julai, Ogos di Long Seridan dan September dahulu di Nangar Gat.

Jadi sebab utama kalau kita lihat melalui salah satu kemalangan di mana ada seorang yang terselamat ialah putaran angin dan angin kencang yang menyebabkan helikopter atau kapal terbang kecil tidak dapat dikawal. Jadi saya ingin mengetahui setakat ini apakah usaha kita ke arah kajian tersebut dan adakah kita sudah mempunyai peralatan di tempat-tempat yang sering berlakunya kemalangan ini supaya amaran awal dapat diberikan. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Seperti yang dinyatakan tadi memang itu adalah merupakan kawasan-kawasan yang selalu berlaku putaran angin serta-merta. Oleh itu, pihak kerajaan baru-baru ini melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah menggazet ada tujuh kawasan di Sarawak yang diberikan sebagai *no fly zone* oleh kerana akibat angin kencang dan berbahaya.

Ini adalah merupakan satu tindakan cara jangka pendek dan cara jangka panjangnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan lebih banyak stesen pencerap cuaca akan dibina contohnya di Sarawak akan diadakan di Mukah, Bario, Kapit dan Lawas. Ada empat stesen baru yang akan dibina di Sarawak dan di Sabah ada tiga stesen baru iaitu Keningau, Lahad Datu dan Stesen Kaji Cuaca Ranau.

7 **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Mentrei Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan memandangkan terdapat orang kurang siaman dan kutu rayau yang merayau di bandar dan belum ada jabatan tertentu yang dipertanggungjawab untuk menempatkan golongan ini. Apakah polisi kementerian untuk menangani masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia adalah bertanggungjawab menangani masalah pengemis dan kutu rayau seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Papa 1977.

Tindakan yang diambil bagi menangani masalah ini ialah melalui:

- (i) penguatkuasaan Akta Orang Papa 1977;
- (ii) menyediakan institusi perlindungan dan pemulihan iaitu pusat pemulihan pengemis dikenali sebagai desa bina diri yang menempatkan orang papa berumur 60 tahun ke bawah dan rumah orang tua iaitu warga emas atau dikenali sebagai rumah Sri Kenangan bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas;
- (iii) menyediakan program-program pemulihan serta seliaan dan pengawasan oleh pegawai Kebajikan Masyarakat kepada mereka yang telah dibebaskan dari institusi perlindungan dan pemulihan; dan

- (iv) menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan secara bersepadu dalam menjalankan operasi atau serbuan terhadap pengemis yang dijalankan secara berkala.

Ini merupakan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen. Operasi atau serbuan secara bersepadu dan berkala yang dijalankan juga menangani kes-kes orang siuman yang berkeliaran. Kes-kes yang tidak serius akan dikendalikan mengikut peruntukan Akta Orang Papa 1977 dan mereka akan ditempatkan di Desa Bina Diri Mersing dan Desa Bina Diri Jerantut, Pahang yang merupakan institusi baru dan akan beroperasi tidak berapa lama lagi.

Bilangan pengemis atau kutu rayau yang telah dikenal pasti sebagai pesakit jiwa yang ditempatkan di Desa Bina Diri Mersing pada tahun 2001 hingga 2004 adalah seperti berikut:

Tahun 2001	-	149
Tahun 2002	-	164
Tahun 2003	-	192
Tahun 2004	-	281

Bagi kes-kes tidak siuman yang serius dan agresif ia akan dikendalikan oleh pihak polis di mana mereka akan dirujuk kepada pihak hospital bagi tindakan lanjut. Sekian terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini di kawasan saya ada seorang yang terbiar dan kita anggap sebagai kurang siuman duduk berhari-hari di stesen bas di tempat yang begitu strategik di mana di kawasan Ampang ini kita panggil *little Korea* di mana ramai *ekspatriat* Korea tinggal di situ. Apabila saya membuat aduan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Gombak dua kali, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat telah turun padang dan beliau mengatakan bahawa tidak ada apa-apa tindakan yang boleh dibuat kerana orang ini tidak mengganggu ketenteraman awam. Jadi saya mahu tahu apakah garis panduan untuk membolehkan orang-orang seumpama ini diletakkan di tempat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebutkan tadi.

Puan Chew Mei Fun: Rasanya kes yang sebegini pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan, mereka akan ambil tindakan supaya mereka dimasukkan ke Desa Bina Diri Mersing atau ke Rumah Sri Kenangan seperti apa yang telah saya maklumkan. Kalau boleh saya minta Yang Berhormat supaya bagi *details* kepada saya, saya akan tanya mengapa mereka tidak dapat ambil tindakan dan saya hendak tahu apakah sebabnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja masa untuk sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Keempat]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual]

Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Yang di-Pertua: Kepala Bekalan B.10 hingga B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan. Sila, Ipoh Timur.

11.10 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya sebut B.11 mengenai Perkhidmatan Kewangan. Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua pada hari Isnin dalam satu jawapan bertulis semasa penggulungan perbahasan bajet bahawa tindakan akan diambil ke atas mereka yang terlibat dalam skandal perbankan yang terbaru ialah kerugian RM700 juta Bank Islam, tetapi Parlimen dan negara tidak diberitahu tentang maklumat-maklumat terperinci kerugian ini dan tindakan apakah yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab sama ada di Bank Islam atau Bank Negara, sama ada untuk jenayah atau pecah amanah atau kelalaian profesional.

Adalah jelas bahawa kerajaan belum lagi mengambil skandal Bank Islam yang terbaru ini dengan serius ataupun akan terdapatnya satu Kertas Putih yang lengkap yang dibentangkan di Parlimen berkenaan dengan *betrayed* Bank Islam ini. Saya masih ingat dengan jelas kemarahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn pada 1979 ke atas skandal Bank Rakyat yang melibatkan kerugian RM65 juta sahaja dan beliau mengarahkan keseluruhan siasatan terhadap pengkhianatan dan rakyat untuk dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini dalam bentuk satu Kertas Putih yang mana ianya juga mengandungi laporan Price

Water House terhadap skandal Bank Rakyat iaitu satu kejadian penyelewengan, kesilapan pengurusan dan penyalahgunaan kepercayaan, *breech of trust* tabung awam yang teruk.

Betrayed Bank Islam yang melibatkan kerugian RM700 juta ialah 12 kali ganda daripada jumlah *betrayed* Bank Rakyat 30 tahun yang lalu, mengapakah tiada satu Kertas Putih untuk memberitahu Parlimen dan negara ini, maklumat-maklumat yang penuh dan keputusan siasatan yang *independent* terhadap skandal Bank Islam ini. Dalam jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menyatakan bahawa kerugian Bank Islam merupakan akibat daripada pinjaman kepada pihak-pihak yang tidak relevan. Siapakah pihak-pihak yang tidak relevan ini? Bilakah dan berapa banyak amaun dan siapa yang membuat keputusan untuk pinjaman yang tidak relevan ini? Bilakah kerugian RM700 juta Bank Islam ini akan pertama kali dipulihkan?

Betrayed Bank Islam sebanyak RM700 juta ini ialah mahu membawa kepada perbankan Malaysia secara amnya ataupun perbankan Islam secara khususnya dan seluruh negara adalah satu perkara yang memalukan. Malu sebegini serta ketidakbanggaan ini mestilah ditebus dengan tindakan yang tegas dan tanpa kompromi terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap *betrayed* Bank Islam dan bukanlah terus memalukan negara dan pihak-pihak kewangan dan perbankan dengan sebarang percubaan untuk menutup skandal Bank Islam ini.

Semasa perbahasan di Parlimen ke atas skandal Bank Rakyat pada tahun 1979, saya telah meminta untuk mengetahui apakah tindakan yang telah diambil terhadap juruaudit-juruaudit Bank Rakyat. Semasa itu ialah *Kassim Chan and Company* yang mana kelalaian profesionalnya telah menyebabkan kerugian Bank Rakyat. Siapakah juruaudit-juruaudit untuk Bank Islam dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka ke atas mana-mana kelalaian profesional dalam skandal RM700 juta Bank Islam ini?

Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa Bank Islam telah dipantau oleh Bank Negara dan juruaudit sepatutnya mengetahui perkara ini jauh lebih awal. Mengapakah Bank Negara dan juruaudit gagal? Siapakah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka? Parlimen berhak untuk mengetahui kenyataan-kenyataan penuh tanpa sebarang penutupan walau apa pun jua keadaan.

Apabila kita berkata tentang kerugian RM700 juta oleh Bank Islam, kami juga berkata tentang keuntungan sebanyak RM700 juta kepada *beneficiaries* *beneficier* tertentu ke atas kerugian Bank Islam. Siapakah mereka yang telah mengaut keuntungan sebanyak RM700 juta ke atas kerugian Bank Islam? Apabila kita berkata tentang kerugian RM700 juta oleh Bank Islam, kita bukan sahaja sebut mengenai satu institusi korporat yang impersonal tetapi juga melibatkan kepentingan rakyat Malaysia yang biasa kerana pemegang-pemegang saham Bank Islam merangkumi Permodalan Nasional Berhad dengan 32%, Tabung Haji 30%, KWSP 6% dan LTAT 5%.

Satu Kertas Putih terhadap kerugian terhadap RM700 juta Bank Islam haruslah dibentangkan di Parlimen bersama-sama dengan satu laporan berkenaan dengan tindakan-

tindakan jenayah dan profesional yang telah diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab ke atas kerugian sama ada Bank Islam, Bank Negara atau juruaudit-juruaudit profesional. Kertas Putih berkenaan dengan kerugian RM700 juta Bank Islam perlu dibentangkan di Parlimen pada hari yang pertama selepas kita menyambung semula sidang mesyuarat selepas cuti "Deepa Raya" pada 14 November supaya ianya dapat dibahaskan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Bank Islam mengalami *free tax losses* RM700 juta tetapi *after tax* ialah RM456 juta. Untuk tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 2005 apabila dibandingkan dengan RM85.7 juta keuntungan tahun lalu. Ini menunjukkan dengan izin, satu *distinctive pattern poor corporate performance* dan *declaiming economic growth* yang tidak pun membayangkan bahawa profesionalisme Bank Negara. Apa kesilapan Bank Negara sehingga kapasiti *supervisory* ini mengenai *non performing loan* Bank Islam itu teruk dan mempertingkatkan 150% kepada RM2.2 bilion daripada RM900 juta tahun lalu.

Ini adalah satu *loan part, non performing loan* yang begitu ketara yang tentulah memperkukuhkan *argument*, bukan sahaja Bank Islam perlu di "revamp" tetapi Bank Negara pun perlu di "revamp". Kita dapati bahawa Bank Islam ada mengesahkan kerugian *bad loan* ini bukan sahaja di Sarajevo dan Afrika Selatan, khasnya terbanyak di Labuan yang menunjukkan bahawa kawalan di Labuan ialah *offshore finance facility* kita yang tidak ada reputasi yang baik dan ini mustahak.

Kedua, mengenai EPF yang di dalam kawalan Kementerian Kewangan, masa sudah sampai di mana kita perlu satu *accountability, transparency* dan *good corporate governance* yang baru, yang ditunjuk oleh KWSP dan dengan cara melantik seorang wakil daripada MTUC kepada *EPF Investment Panel*. MTUC mewakili pekerja-pekerja, sungguh pun ada *nominee* di Lembaga EPF tetapi tidak ada *nominee* di *EPF Investment Panel* dan ini adalah mustahak oleh kerana wang beratus bilion ringgit digunakan untuk pelaburan dan akan menentukan dividen dan akhirnya untuk pekerja-pekerja mengenai tabung wang mereka di KWSP.

Oleh kerana baru-baru ini, dividen ialah 4.75% tahun lalu, ditambah sahaja 0.25% apabila berbanding dengan tahun depan apabila *economic growth* adalah sudah ada naik 2%, kenapa dividen baru sahaja naik 0.25% dan ini satu perkara yang membawa keyakinan kepada pekerja-pekerja yang dipaksa supaya menyimpan *savings* mereka dalam EPF dan ini mustahak supaya kawalan Kementerian Kewangan khasnya mengenai KWSP akan ada peringkat yang lebih tinggi oleh kerana kita tidak mahu melihat kerugian yang dialami oleh pekerja-pekerja melalui *savings* mereka dalam KWSP.

Tentulah satu isu, satu sebab yang utama kenapa KWSP mengalami kerugian yang begitu besar ialah oleh kerana pelaburan dan prestasi kewangan yang buruk dalam *Malaysia*

Building Society Berhad (MBSB) dan MBSB adalah bukan sahaja projek-projek yang sangat *questionable* adalah pinjaman-pinjaman yang lapuk sehingga boleh kata 63% MBSB yang dipunyai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Gulung? Baru dua isu sahaja, masih ada lagi 10 isu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini Kementerian Kewangan begitu mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu, saya tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ok, saya cepat, saya cepat dan saya harap MPSB *Non Performing Loan* ini boleh dikurangkan supaya boleh dilihat daripada dividen yang lebih tinggi dan bukan rugi berbilion-bilion ringgit. Dan satu perkara lagi ialah mengenai, saya mahu tanya Kementerian Kewangan kenapa mengenai *Financial Services Resources Center (FRSC)* yang perlu belanja RM320 juta untuk membina *Financial Services Resources Center* satu *money museum* sahaja dan diberi kepada satu syarikat yang tidak diketahui - HNI Niaga.

Apabila kontrak-kontrak yang lebih termasyhur tidak dapat sama ada Ahmad Zaki Resources Bhd., PECD, UEM Builders, Ranhill Bhd. kita mahu transparensi dan Bank Negara kalau tidak boleh tunjuk transparensi bagaimana boleh memastikan semua kementerian *transparent* dalam pemberian kontrak dan khasnya dalam perkara ini, syarikat ini yang dipunyai oleh dua orang Amiruddin Ismail ada RM2 juta saham, Ismail Mohamad Hashim RM3 juta saham, *a little known company* dan mereka pun tidak ada *fail profit and loss* akaun dengan Suruhanjaya Syarikat semenjak 2002. Dengan latar belakang macam ini dengan *net profit* sahaja RM14,500 kenapa diberi kontrak pembinaan RM320 juta untuk *Financial Services Resources Center*. Apabila ada begitu harta benda *property* yang begitu banyak yang kosong kenapa tidak boleh membeli *existing property*, *refurbish* tentulah harga yang lebih murah dalam perkara ini.

Akhirnya bahawa saya mahu tanya apa yang sudah berlaku kepada siasatan yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada *Securities Commission* mengenai apa yang disebutkan sebagai manipulasi dalam *shares market* oleh Hong Leong, masa itu bulan Jun ada keluar satu arahan satu bulan diberi kepada *Securities Commission* oleh kerana kita tidak mahu sesiapa untuk memanipulasikan *shares market* oleh kerana tidak mahu beri pinjaman margin dan mengakibatkan kejatuhan *shares market*. Saya rasa ini kenapa selepas satu bulan senyap? Kalau ada berlaku, kalau ada kesalahan dibuat kita mahu satu laporan, kalau ini satu tuduhan yang tidak betul pun perlulah satu kenyataan supaya kita semua tahu dan *justice is done* untuk semua orang.

Dan akhirnya saya harap bahawa GLC. Bagaimana *performances* indeks sudah lebih satu tahun nampaknya tidak ada apa-apa hasil dalam GLC. Kita masih tunggu pelantikan CEO yang mengikut merit.

Kenapa kita tidak boleh ada pelantikan CEO mengikut merit oleh kerana syarikat GLC ini syarikat orang Malaysia, bukan syarikat satu kaum, kenapa kita perlu CEO tidak kira kaum orang Melayu, orang India, orang Cina rakyat Malaysia kalau ada bakat, kalau ada kelayakan patut lantik mereka. Kenapa sampai sekarang tidak ada CEO, GLC yang bukan Melayu? Adakah tidak orang bukan Melayu yang layak untuk mengetuai GLC? Adakah GLC syarikat Malaysia atau adakah syarikat GLC syarikat orang Melayu? Ini kita perlu satu global *mind* supaya orang yang terbaik sekali boleh mengetuai syarikat-syarikat. Sebenarnya orang asing (*foreigner*) kita pun perlu kalau tidak ada orang Malaysia yang layak kita mengupah seorang *foreigner* untuk mengetuai GLC. Kita perlu global jangan *narrow, nationalistic, xenophobic*.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang:yang lebih teruknya *racist* mengenai isu itu. Okey, sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Belud.

11.24 pg.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan dua perkara sahaja. Perkara pertama ialah B.11, Butiran 021500 – Pembayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais Atas Barangan Petroleum Kepada Negeri Sabah dan Sarawak. Saya ingin tahu sedikit di sini oleh kerana berdasarkan anggaran yang berkaitan dengan bayaran pemansuhan duti import dan eksais atas barangan petroleum kepada negeri Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2005 anggarannya ialah RM570 juta dan pada tahun 2006 pula RM150 juta.

Saya ingin tahu sama ada, ada perjanjian antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dalam hal ini dan jika ada perjanjian berapakah minimum yang seharusnya diberi kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak kerana satu ketika dahulu duti ini dipungut oleh kerajaan negeri Sabah dan Sarawak kerana jangkaan saya ia sekurang-kurangnya RM200 juta setahun bagi setiap negeri dan jika itu betul maka sudah tentulah anggaran ini tersilap dan nanti dalam *supplementary budget* kita akan simpan lagi perkara ini. Kedua, saya juga ingin tahu apakah kaedah perkiraan pengagihan kepada Sabah dan Sarawak dalam hal ini. Ini perlu dijelaskanlah supaya kita boleh faham.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah B.11, Butiran 022700 - Penebusan Semula Bond-Bond Danaharta Urus Sdn. Bhd. Danaharta telah dibentuk pada Jun 1998 bagi membantu menyelesaikan masalah *Non Performing Loans* (NPL) dalam sistem perbankan Malaysia memaksimumkan pendapatan semula dari NPL dalam portfolio pelbagai bank.

Sehingga Jun 30 tahun 2004, Danaharta Hartanah telah memperolehi 259 hartanah dengan nilai sejumlah RM792.68 juta dan telah menjual RM227 atau 87.64% dari hartanah

dengan jumlah bernilai RM617.59 juta. Jumlah pertimbangan jualan yang diterima ialah RM441.95 juta yang merupakan 71.56% kadar pemulihan. Mengenai RM52.44 bilion NPL Portfolio Danaharta meletakkan sasaran untuk memperoleh RM31 bilion atau kadar pemulihan sebanyak 59.12%. Dari jumlah RM52.44 bilion, RM21.94 bilion adalah NPL yang telah dibeli dari institusi kewangan dan Danaharta telah membayar RM8.96 bilion berdasarkan purata diskaun sebanyak 54.6%. Baki RM30.5 bilion adalah NPL dari Kumpulan Sime Bank Berhad dan Kumpulan Bank Bumiputera Malaysia Berhad yang telah diberikan oleh kerajaan pada Danaharta untuk menguruskannya. Sehingga 30 Jun 2004 Danaharta telah mendapat semula RM24.7 bilion atau 79.68% dari sasarannya RM31 bilion. Kita dengar khabar bahawa pada hujung tahun ini kemungkinan Danaharta akan ditutup dan akan diambil oleh Khazanah Holdings.

Saya ingin tahu sama ada perkara ini benar ataupun tidak? Jika benar saya ingin tahu apakah status baki dari iaitu RM6.3 bilion yang perlu dikutip dan siapakah yang akan bertanggungjawab? Itu sahaja perkara, dua butir yang ingin saya bahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

11.28 pg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B.10, Butiran 020000 - Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber, 020200 - Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari, dan 020300 - Pengurusan Penganalisan Ekonomi.

Berhubung dengan pasaran kewangan dan juga Bank Negara saya ingin ambil kesempatan ini untuk kita sama-sama merakamkan ucapan setinggi penghargaan terima kasih di atas kejayaan Tan Sri Dr. Zetty Aktar Aziz yang telah terpilih sebagai Gabenor Bank Pusat Terbaik Dunia dan ini adalah merupakan satu pengakuan peringkat antarabangsa di mana majalah *Euro Money* telah memberi pengesahan kepada profesionalisme yang telah ditunjukkan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia dengan satu kenyataan yang saya ingin hendak baca kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, majalah antarabangsa Eropah itu menyebut bahawa "Profesionalisme Tan Sri Dr. Zetty ini adalah sebagai satu simbol baka baru pentadbir Bank Pusat Dunia. Maka ini adalah merupakan satu kejayaan yang cukup cemerlang sekali dan saya kira peranan yang dimainkan oleh Tan Sri Dr. Zetty ini adalah dalam peralihan, *the pegging* dan juga pengapungan *the currency* ataupun mata wang Malaysia ini.

Satu perkara yang hendak saya timbulkan di sini adalah apakah yang telah dibawa oleh Tan Sri Dr. Zetty ini adalah sesuatu yang akan membawa keadaan kewangan Malaysia terdedah kepada *globalization*, *free trade* dan juga *capitalization*, dengan izin. Sebab ini adalah merupakan satu perkara yang baru. Yang barang kali menarik perhatian analisis, peringkat

antarabangsa itu. Apakah Malaysia sekarang ini ataupun di bawah kepimpinan bank, Gabenor Bank negara Malaysia ini telah membawa peranjakan kepada pemikiran yang dikatakan sebagai *nationalistic mentality* itu kepada global mentality ataupun pemikiran global ini. Maka ini adalah merupakan satu kejayaan, dan kita tidak dapat menidakkan. Tetapi ancaman-ancaman yang harus difikirkan dalam konteks ini adalah apabila berada dalam konteks global ini, Kementerian Kewangan harus mengambil fikir tentang agenda global yang tidak mengambil kira tentang keadaan negara-negara yang berbeza dari segi kedudukannya. *The treat the unequally - equally [Disampuk] [ketawa]*. Ertinya tindakan-tindakan yang dibuat itu adalah sama rata.

Apakah kita dapat bersaing dalam kedudukan dunia global yang penuh dengan kerencaman dan ancaman-ancaman ini. Lebih-lebih lagi, dunia sekarang ini dunia global itu berpegang pada konsep dengan izin *might is right*. Dalam konteks ini saya ingin tarik perhatian Kementerian Kewangan khususnya, dari segi ancaman-ancaman apa yang disebut sebagai ancaman daripada *money traders* yang pernah kita mengalami masalahnya, di sekitar tahun 1998, dan apabila perdagangan mata wang ini telah menimbulkan kesan-kesan yang buruk dan satu ketika dahulu, nilai mata wang Malaysia ini telah merosot sehingga 40%. Yang ini disebut sebagai *devaluation* atau *Malaysian currency* ketika mana *Asean Economic Crisis* melanda Malaysia ini.

Dalam konteks ini, saya nak tanya apakah strategi-strategi yang dibuat oleh Kementerian Kewangan, dalam konteks pasaran - kewangan ini untuk memastikan sejarah yang lalu itu tidak berulang lagi.

Lebih-lebih lagi sekarang ini wang dilihat sebagai satu komoditi yang boleh diperniagakan. Dan penyangak-penyangak kewangan telah menimbulkan akibat yang buruk dengan mengambil kesempatan daripada kadar pertukaran duit kita di mana ketika mana perubahan kadar mata wang ini ketika rendah mereka membeli dan ketika tinggi mereka menjual. Dan pembelian penjualan dalam konteks dalam keadaan yang begitu banyak sekali boleh menimbulkan kesan-kesan yang buruk dari segi ekonomi. Apakah strategi dan tindakan supaya perkara yang sama tidak berulang lagi, lebih-lebih lagi sekarang ini kita sudah mengorak langkah untuk menceburkan diri sepenuhnya dalam konteks *free trade*, perdagangan bebas, dalam konteks *capitalization* dan *globalization* ini.

Satu perkara yang saya nak tarik perhatian Kementerian Kewangan adalah dari segi *depegging* dengan izin ataupun tambatan kewangan yang telahpun dilepaskan, yang telahpun diapung kan sekarang ini iaitu bermula daripada 21 Julai yang lalu. Meskipun *depegging*, tambatan ringgit itu telahpun dilaksanakan sekarang ini, namun dia tidak dapat menunjukkan prestasi yang begitu segera dan menimbulkan kesan-kesan yang segera kepada ekonomi negara.

Dia cuma membawa kepada sedikit *appreciation* ataupun kenaikan nilai mata wang ini kepada 0.3% sahaja berbanding dengan nilai Yuen China, iaitu meningkat kepada 2.1%. Dalam

konteks ini, apakah implikasi-implikasinya, apakah kesan-kesannya kepada pasaran mata wang ataupun pasaran kewangan kita. Siapakah yang untung daripada *depegging* ataupun mengangkat tambatan ringgit yang telah dilakukan ini. Siapa pula yang menghadapi masalah-masalah kemerosotan ataupun masalah-masalah berhubung dengan isu baru yang dibangkitkan dalam sektor kewangan apabila tambatan ringgit sudah diangkat. Sekian, saya menyokong dan memohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut. Larut! [*Ketawa*]

11.34 pagi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi kepada B.10, B.12 di bawah Butiran 01000, 06000, 11000, 03000.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua kosong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya sekali lagi nak menyentuh soal akauntabiliti, rasa tanggungjawab ke atas mereka yang bertanggungjawab yang diwakilkan oleh kementerian ini menduduki agensi-agensi kerajaan. Satu, agensi milik kerajaan, agensi *government link company* dan juga agensi yang kerajaan ada pelaburannya. Soalnya, sejauhmanakah pelantikan mereka ini terutamanya apakah mereka ini kerana ada hubungan yang rapat dengan seseorang mereka dapat kedudukan pelantikan sebagai Ketua Eksekutif dan sebagainya.

Bagi saya, saya melihat sejak kebelakangan ini, oleh kerana masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ini, kalau syarikat ini berniaga di atas kerugian syarikat, tak mengapa kita boleh maafkan. Kerana sosial *obligation*, dengan izin, pertolongan bantuan kepada fakir-fakir miskin, mereka yang memerlukan bantuan kita boleh maafkan. Tetapi janganlah disebabkan peri laku mereka sendiri menyebabkan berlaku kerugian ke atas agensi-agensi yang kita sebutkan tadi.

Sebagaimana yang kita lihat, Bank Islam, terutamanya ia merupakan milik kerajaan. Oleh itu saya ingin menyarankan kepada kerajaan kalau boleh lantiklah mereka yang ada *wisdom* dengan izin. Mereka yang ada pengalaman. Mereka yang baru ini, jika pun nak dilantik, bagilah di tempat yang di bawah sikit. Di bawah CEO, Ketua Eksekutif dan sebagainya. Sekurang-kurangnya mereka menimba pengalaman dulu. Maka selepas itu, barulah mereka boleh menjadi pemandu ke atas agensi-agensi tersebut yang merupakan amanah kepada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hari akhir sebelum kita bercuti. Saya ingin penjelasan daripada Larut. Saya lihat reaksi, reaksi secara umum, kerugian Bank Islam ini macam seolah-olah tak ada perkara lah! Macam seolah-olah perkara kecil lah. Macam seolah-olah perkara yang tak berapa penting lah. Apa dah jadi sebenarnya? Ini satu kesalahan yang besar. Saya kalau bank Samudera lah katakan, [*Ketawa*], bank Bank Hong Kong lah katakan, Bank China lah katakan, Bank Taiwan lah katakan, saya tak

berapa terasa Tuan Pengerusi. Jadi, itu sebab jangan sewenang-wenang menggunakan Islam. Apabila sewenang-wenang menggunakan Islam dan apabila berlaku kecurangan, kegagalan dan sebagainya, imej Islam itu sendiri akan runtuh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan ini sebenarnya bukan salah Islam! Salah orang yang mengendalikan. Saya berharap apakah pendapat Larut? Apakah Larut pun bersependapat dengan saya? Orang yang cuai yang melakukan kesalahan, kecurangan yang menyebabkan kerugian RM700 juta lebih harus dihukum dengan hukuman yang seberat-beratnya! Apa pendapat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, ya. Terima kasih Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi membenarkan saya mencelah perkara yang begitu penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bukan mencelah, Yang Berhormat berucap! *[Ketawa]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Sri Gading. Tadi saya dah kata dah. Kalau agensi ini menanggung kerugian kerana *social obligation*, membantu rakyat miskin. Kerana masalah kemiskinan kita nak bantu. Kita bagi bantuan, tak mengapa. Tapi jangan kerana perilaku tangan mereka sendiri. Kerana ini adalah merupakan milik kerajaan. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan, menyarankan kepada kerajaan, kalau di sektor awam, biar saya habis jelaskan dulu. Kalau di sektor awam, mereka yang terlibat dalam perbuatan seperti ini akan dikenakan dengan *surcaj* dengan izin. Didenda dipotong gaji dan sebagainya.

Oleh itu, saya ingin melihat supaya, sedikit lagi. Tabung Haji sebagai contoh, semalam saya bangkit dua hari sudah. Tentang kuota, jemaah Haji yang nak ke Mekah. Yang dianggarkan seramai 50 ribu orang jemaah. Tiba-tiba tahun ini tak dapat 50 ribu. Hotel penginapan sudah kita buat tempahan. Kita menanggung kerugian, sedangkan kita sudah mengalami pengalaman ini sejak tahun 2003 lagi. Kenapa mereka yang bertanggungjawab tidak belajar dari kesilapan yang lalu? Kenapa buat tempahan yang begitu besar?

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sehingga terpaksa menanggung kerugian berjuta-juta ringgit. Oleh itu saya juga melihat perkara ini dan berharap..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..*surcaj* juga mesti dikenakan ke atas mereka yang bertanggungjawab menyebabkan berlakunya kerugian ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat mengapa hendak pinjam songkok Sri Gading?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memandangkan ini persidangan hari yang terakhir untuk sesi ini sebelum Hari Raya, ini imej hari rayalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kongsilah, inilah kongsi songkok.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia punya kepala satu saiz ke itu?
[Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat ini serius sedikit. Apakah Yang Berhormat menyedari bahawa hakikat kerajaan melantik CEO-CEO daripada mereka yang tidak berpengalaman ini telah mengakibatkan kerajaan, syarikat kerajaan itu kerugian? Dan Bank Islam ini pada satu ketika dahulu telah diwar-warkan modal dia begitu baik, kebanyakan negara-negara Islam dan bukan Islam datang ke negara kita untuk mempelajari bagaimana modus operandi Bank Islam ini, tetapi tiba-tiba oleh kerana mungkin terlalu jauh pandangan, meminjam dana asing dan sebagainya dan sekarang kita kerugian. Siapakah yang menanggung kerugian ini? Apakah kerajaan kena *bail out* lagi dalam soal sebegini ataupun apakah kita kena menjual Bank Islam ini kepada dana luar? Sudah ada ura-ura tiga syarikat telah dikenal pasti, jadi kalau ini berlaku bermakna misi operasi negara-negara besar telah berjaya melumpuhkan ekonomi kita dan kerajaan harus mengambil kira mereka yang bertanggungjawab ini perlu dipilih di kalangan mereka yang terbaik. Minta komen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih kepada Kinabatangan, saya amat setuju. Macam saya katakan lebih awal tadi cuma saya tidak setuju dengan pandangan Ketua Pembangkang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pulau.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita bukan cakap soal perkauman, yang penting ialah mereka ada *vision*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat lebih elok gulunglah masa cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya saya hendak gulung lepas itu saya hendak bagi. Jadi memang ini yang kita harapkan ini *accountability*. Kita bukan marah jangan salah faham

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pulau bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:kami berada di sini, kami tidak marah langsung, cuma kami hendak menegur daripada pembangkang tegur, baik kami tegur. Kerana pembangkang dia menanggung di air yang keroh, kami secara telus. Jadi saya berharap supaya.....

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pulai, Jasin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:kerajaan sebab apa Tuan Pengerusi, kalau berlaku kerugian yang menanggung derita ialah kerajaan. Jadi saya sekali lagi harap.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dengan izin Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagilah Pulai dahulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Larut. Ini Tuan Pengerusi saya hendak tanya kerana Larut ini mantan Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi kebanyakan kerugian-kerugian Tabung Haji kemungkinan berlaku zaman sahabat saya Yang Berhormat Larut. *[Ketawa]* Saya hendak tanya beliau berkenaan dengan kes penjualan tanah Tabung Haji di Kinrara, yang mana saya difahamkan bahawa beberapa orang pegawai kanan Tabung Haji yang mengambil kesempatan membeli tanah ini daripada anak syarikat Tabung Haji. Jadi saya hendak tahu daripada Larut bagaimana keadaan tanah tersebut?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya rasa tidak perlu saya jawab di sini, kerana memerlukan masa yang begitu panjang, ya. Biarlah satu masa yang panjang.....

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pulai bangun, Yang Berhormat Pulai bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: kita boleh bincang. Sila Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Larut, tadi Yang Berhormat Larut menimbulkan mengenai kurang kecekapan pegawai yang dilantik oleh kerajaan untuk mengetuai GLC. Dan tadi Yang Berhormat Jasin telah menyebut perkara-perkara dan masalah-masalah berlaku pada zaman sebelum ini, sebelum kerajaan mengadakan rombakan semula GLC, dan juga memilih profesional untuk mengetuai syarikat-syarikat GLC ini dan usaha ini baru dilakukan selama satu setengah tahun.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat satu, adakah langkah daripada GLC ini nampaknya tidak berjaya kerana mereka masih memilih CEO yang tidak sesuai, yang tidak ada ijazah, tidak profesional dan sebagainya. Dan keduanya, bagaimanakah kerajaan boleh melaksanakan surcaj yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kerana lantikan yang baru diambil oleh GLC adalah berdasarkan kontrak, maknanya mereka yang dilantik, profesion yang

dilantik ada had kontraknya dan sekiranya mereka tidak *perform* mereka akan ditamatkan kontrak mereka. Kalau di jabatan kerajaan mereka tidak ada sistem kontrak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya faham sudah. Macam saya katakan tadi mesti ada *wisdom*, *wisdom* maknanya dia tidak ada kepentingan, tidak apa syarikat itu. Telekom umpamanya, Yang Berhormat adalah bukan Lembaga Pengarah Telekom, rugi kerana membantu rakyat, rugi kerana masalah hendak mengatasi kemiskinan kita terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup, masa cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya sedikit lagi Tuan Pengerusi masa *injury*. Jadi saya melihat perkara ini begitu serius bukan kerana kita marah - tidak, jangan anggap sedemikian rupa kita mahu mereka ada *wisdom*. Kerana kalau apa-apa berlaku ke atas agensi ini yang hendak kena ialah kerajaan siapa itu kerajaan? Kitalah, kita ada *accountability*.

Yang akhir Tuan Pengerusi saya hendak bertanya kepada kementerian iaitu Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini yang RM90 juta. Alhamdulillah kita mengalu-alukan sekurang-kurangnya ada tabung ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi atlet dan ahli sukan negara. Cuma saya hendak tanya untuk kumpulan wang tabung yang bernilai RM700 ribu ini, kenapa sedikit sangat? Tidak bolehkah kalau kita tambahkan lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, kalau kita benar-benar hendak mempertingkatkan prestasi atlet dan ahli sukan negara sebagaimana di negara-negara maju yang lain. Dengan itu saya menyokong terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

11.46 pagi.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu B.11 Butiran 021800 tentang Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Syarikat Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM) di halaman 191. Di daerah Johor Bahru cara pengurusan sisa pepejal digunakan oleh Syarikat SWM ialah *sanitary landfill*. Tetapi *lifespan* untuk *sanitary landfill* hanya 20 tahun dan tidak lama lagi Johor Bahru perlu mencari tapak *landfill* yang baru.

Saya cadangkan kerajaan menimbangkan secara seriusnya penggunaan *incinerator* untuk menggantikan cara yang digunakan sekarang iaitu *sanitary landfill*. Saya difahamkan bagi sistem *incinerator to be viable*, dengan izin kuantiti sisa pepejal yang diperlukan ialah 1000 metrik tan sehari. Pada masa ini tanah *reserved* seluas 100 ekar telah *direserved* di Silong daerah Johor Bahru untuk tapak *incinerator*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat atas mana satu butiran?

Tuan Teng Boon Soon: Butiran 021800 - Pengurusan Sisa Pepejal. Pada masa ini tanah *reserved* seluas 100 ekar telah *reserved* di Silong daerah Johor Bahru untuk tapak *incinerator*, dan di daerah Johor Bahru atau termasuk kawasan pentadbiran MPJB, MPJBT dan MP Kulai. Setiap hari sisa pepejal yang diwujudkan ialah 1100 metrik tan, tetapi daerah Johor Bahru belum lagi disenaraikan sebagai salah satu tempat dalam cadangan penggunaan *incinerator* di dalam Bajet 2006.

Saya meminta kerajaan mengadakan *feasibility* atau *viability study* tentang penggunaan *incinerator* di Silong Johor Bahru untuk menguruskan masalah sisa pepejal di daerah Johor Bahru, memandangkan penggunaan *incinerator* akan membantu kempen kitar semula yang selama ini telah dipromosikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di seluruh negara. Itu sahaja terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

11.49 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama yang ingin saya bangkitkan di bawah kepala B.22, B.12 minta maaf dan Butiran 060000. Yang pertama saya ingin melanjutkan tentang perbincangan mengenai Bank Islam.

Tuan Pengerusi negara telah menyaksikan bagaimana berlakunya beberapa insiden yang memalukan dan juga insiden yang sangat serius, yang berlaku dalam sejarah perbankan dalam negara kita. Kita tentu tidak lupa kepada peristiwa yang berlaku 20 tahun yang lalu, bagaimana skandal BMF yang terpaksa mengorbankan seorang wira negara Abdul Jalil Ibrahim yang kematiannya sampai ke hari ini masih lagi sangat diragukan. Kerugian BMF ini ialah merupakan satu pencemaran, suatu perkara yang sangat serius yang melibatkan bagaimana maruah negara kita dan maruah bangsa kita telah tercalar akibat daripada kerakusan satu kelompok yang kecil, yang ingin mendapatkan keuntungan bagi pihak peribadi mereka sendiri.

Peristiwa Bank Rakyat dan hari ini kita membicarakan tentang Bank Islam, sebelum ini Tabung Haji dan juga agensi-agensinya yang melibatkan milik bumiputera ini mestilah kita anggap satu perkara yang sangat mendukacitakan. Saya rasa semua ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa siapa juga yang cuba mengganggu-gugat, yang cuba untuk mencalar imej Tabung Haji, Bank Islam dan mana-mana yang menjadi kebanggaan bumiputera kita anggap sebagai pengkhianat kepada bangsa sendiri. Tuan Pengerusi, saya mengharapkan Bank Islam skandal ini mesti dibongkar.

Saya mengharapkan supaya Perdana Menteri mesti campur tangan dan menyiasat sampai ke akar umbi bagaimana Bank Islam ini boleh rugi dalam perniagaan *offshorenya* yang

bernilai RM700 juta. Yang kedua Tuan Pengerusi, tentang penjualan Saham UDA yang kita amat bimbang ini akan juga mengkhianati satu lagi institusi yang amat dibanggakan oleh orang Melayu khususnya, dan dengan sendirinya perkara ini telah menjadi suatu yang melanggar dan mencabul hasrat murni Kongres Ekonomi Bumiputera.

Saya mendesak dengan penuh hormat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menyiasat pengambilalihan UDA Holding. Berhad oleh pihak pengurusan, MBO sebelum dijual kepada MRCB. Orang-orang yang terlibat seramai lapan orang yang terlibat dalam MBO ini dikatakan mendapat semuanya dibuat secara *flash*, dengan izin, dan diluluskan oleh peringkat atasan serta tidak boleh dibincangkan sama sekali. Saya sangat ragu adakah benar Menteri Kewangan meluluskan MBO itu kerana perkara ini dikatakan berlaku tanpa mengikut prosedur.

Saya ingin mempersoalkan, benarkah tiada jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk membincangkan MBO itu dan seterusnya mencadangkan kepada Lembaga Pengarah dan benarkah dakwaan bahawa Lembaga Pengarah bukan sahaja tidak tahu, malah tidak diberi saham dalam MBO itu. Ini sangat mencurigakan dan jika ini benar berlaku, hanya 9 orang sahaja yang menerima faedah dari MBO itu sehingga pihak-pihak yang sepatutnya mendapat manfaat seperti koperasi UDA juga dikatakan tidak menerima walaupun satu sen pun saham ini.

Jika perkara ini benar-benar berlaku, MBO itu hakikatnya adalah penjualan 24.9% harta kerajaan di dalam UDA Holdings kerana ia adalah syarikat GLC kerajaan. Kalau MBO boleh berlaku dalam GLC, kita juga mempertikaikan mengapa tidak berlaku dalam MBO dalam GLC lain seperti TNB, Telekom Malaysia ataupun MARA. Jika benar berlakunya MBO itu, rakyat berhak untuk tahu berapakah keuntungan percuma yang diperolehi oleh sembilan orang yang dikatakan mendapat manfaat dalam MBO itu apabila 24.9% saham UDA Holdings dijual kepada MRCB dengan harga RM2.50 satu unit oleh mereka.

Jika benar MRCB membeli dengan harga setinggi itu, penjelasan yang setelus-telusnya perlu dibuat mengapa 9 orang yang terlibat dalam MBO itu mendapat harga yang begitu tinggi sedangkan harga IPO hanya RM1.50 sahaja dan sehingga kini, harga pasaran UDA Holdings hanya setakat RM2.25 sahaja. Ini buktinya data Tuan Pengerusi, dalam mana-mana skandal kita tidak mahu ada pengkhianat di kalangan bumiputera yang ingin menghancurkan syarikat-syarikat GLC ini. Tuan Pengerusi, perkara yang seterusnya pada tahun 1999, syarikat MRCB ini kemudiannya mengambil alih 24.93% pegangan dalam UDA Holdings yang dikatakan berlaku selepas apa yang disebut sebagai MBO yang penuh rahsia, yang tidak boleh dipersoalkan dengan alasan kononnya ia adalah mendapat restu daripada pihak Kementerian Kewangan.

Satu perkara yang saya perlu dedahkan di sini Tuan Pengerusi, ialah antara pemegang saham MRCB adalah Great Eastern Life Insurance, Alliance Bank, Hwang-DBS Select Opportunity Fund, kemudian Prudential Insurance, Hwang-DBS Select Small Caps Fund, Hwa Kim Soon, Hong Leong Bank Berhad, UNIEM Fernost Teknologi Sdn. Bhd. Ini semua Tuan Pengerusi, adalah bertentangan sama sekali dengan Kongres dengan hasrat ataupun matlamat

kongres ekonomi bumiputera. Tuan Pengerusi, saya mengharapkan supaya apa yang berlaku ini disiasat sampai ke akar umbi.

Kita tidak mahu satu lagi GLC kerajaan, satu lagi syarikat milik bumiputera ini menjadi mangsa kepada kebuasan ataupun menjadi mangsa kepada sikap tidak bertanggungjawab golongan tertentu yang sama sekali melanggar akauntabiliti mereka terhadap pembangunan bumiputera dalam negara kita.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, izinkan saya bertanya kepada pihak kementerian tentang status Petronas. Petronas kita sedar memberikan suatu sumbangan yang sangat besar kepada negara, sampai ke hari ini, Dewan Rakyat ini kita sebagai Yang Berhormat di dalam Dewan ini, tidak diberitahu apakah sebenarnya status Petronas.

Siapa menteri yang menjaga Petronas, aliran keluar masuk wang Petronas, siapa yang mengauditnya, siapa juru audit dalamannya, siapa juru audit luarnya, ke manakah duit yang bernilai berbilion ringgit Malaysia ini dibelanjakan. Siapakah yang bertanggungjawab, menteri manakah yang bertanggungjawab dan siapakah yang hanya berhak melihat akaun Petronas? Saya rasa jangan Petronas juga jadi macam BMF, jangan Petronas juga jadi seperti UDA Holding dan saya mengharapkan penjelasan yang sejelasnya dapat diberikan oleh pihak kementerian tentang Petronas ini yang saya rasa Dewan yang mulia ini dan kita semua berhak untuk tahu apakah status Petronas yang sebenarnya. Untuk itu Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih di atas keizinan yang diberikan kepada saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

11.57 pagi

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin bahas atas 010000 – Pengurusan Korporat dan Pengurusan. Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa niat kerajaan untuk menswastakan sesuatu agensi adalah untuk kebaikan dan juga untuk mencapai dasar yang telah diletakkan oleh kerajaan kerana di dalam negara yang majmuk, kita berkongsi kuasa, kita berkongsi ekonomi, kita berkongsi segala-galanya kerana ini telah kita persetujuan bersama.

Barangkali kebudayaan pun kita boleh berkongsi untuk menjadikan sebuah negara yang harmoni. Tetapi yang bermasalahnya hari ini, kita da dua pilihan, hari ini kita dapat lihat ramai CEO-CEO yang dilantik muda. Orang muda, cerdik, pandai, kelulusan tinggi tetapi mungkin pengalamannya kurang. Kadang-kadang kita lantik orang yang pandai dan cerdik. Dia ada perbezaan Tuan Pengerusi, orang pandai dia buat kerja betul, jujur, ikhlas. Orang yang cerdik ini dia boleh putar, dia boleh pusing. Jadi, kadang-kadang kita melantik orang yang cerdik untuk menguruskan sesuatu, apabila dia cerdik dia nampak benda-benda yang boleh mendatangkan keuntungan pada diri dia, digunakan kecerdikannya itu untuk kepentingan diri dia.

Ini yang berlaku, hak yang pandai itu, dia bekerja elok, dia pandai bekerja, pandai mengurus tetapi dia tidak pandai hendak kelentong, hendak pusing dan sebagainya. Jadi, ini dari

segi analisa sayalah. Kadang-kadang kita menganalisisakan sesuatu Tuan Pengerusi, orang berpandangan serong. Tetapi niat kita itu baik dan ikhlas. Bukan niat untuk mengecil-ngecilkan, niat untuk menghina, tidak. Kadang-kadang ini penganalisaan dan mungkin ketidakfahaman. Kita sebagai manusia Tuan Pengerusi, bukan kita ini malaikat. Kadang-kadang kita melakukan kesilapan dan dalam Islam kalau kita melakukan kesilapan, terus kita minta maaf. Alhamdulillahlah, selesai benda itu habis, selesai kerana kita dengan umat, makhluk Allah, kalau kita buat dosa, kalau kita tidak minta ampun, di akhirat susah kita hendak kena cari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terkeluar daripada tajuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini hendak masuk pasal tidak amanah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah masuk inilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak payah ya. Jadi saya hendak – penswastaaan – saya hendak mintak tengok apa yang telah berlaku di kawasan Sungai Petani, dah berkali-kali sudah. Saya mintalah pihak kerajaan tolong, tanah 100 ekar lebih diberikan kepada satu syarikat untuk swasta, *cross subsidy*, keuntungan daripada pembinaan ini dibuat tiga balai polis daerah, di Sungai Petani, di Pendang dan di Yan, sudah bertahun dah sampai hari ini di Sungai petani kalau pergi tengok macam kotak sabun. Kemudian di Pendang hanya cerucuk sahaja naik dan di Yan tidak ada apa. Jadi, di mana kesilapannya?

Saya minta pihak kerajaan selepas ini apabila hendak swastakan sesuatu, corss subsidy atau apa subsidi kah, pastikan bahawa syarat-syarat itu ketat, kerana bila menipu kerajaan menipu rakyat, apabila menipu rakyat menipu juga fakir miskin rakyat kita yang miskin yang mengharapkan sedikit sebanyak keuntungan daripada kerajaan yang mereka percaya ini. Jadi pihak kerajaan dan pihak Kementerian Kewangan kena ambil benda ini kalau tidak dia akan jadi mainan, contoh pada hari ini kita tengok tadi saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan. UDA dahulu diwujudkan

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya sila, sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Banyak bicara kita sebenarnya berkisar kepada isu kepimpinan sehingga kepada peringkat bahawa ada yang mengatakan bahawa sistem pelajaran pendidikan kita seperti gagal kerana kita telah melahirkan manusia apabila dia menjadi pemimpin di peringkat sama ada korporat atau konglomerat mereka ini mudah sangat terpedaya - tergoda dengan unsur-unsur materialisme. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jerai, agaknya apakah yang harus kita buat dengan apa Yang Berhormat katakan tadi mereka ini cerdik dan berkemahiran tetapi mereka tidak boleh melawan nafsu mereka ini. Di mana mereka tidak dapat membezakan antara

kepentingan negara, orang ramai, kepentingan rakyat dan dengan kepentingan diri dia sendiri, apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi dasar pendidikan kita ini saya lihat baik dan telah diletak ke begitu landasan untuk ke hadapan, untuk generasi anak bangsa kita bangsa Malaysia untuk menjaga amanah negara kita ini tetapi dari segi keagamaan itu tetapi dari segi keagamaan itu - kerana kalau seseorang itu mempunyai pendidikan agama yang kuat, Alhamdulillah, saya difahamkan hari ini pihak Kementerian Pendidikan pun sudah ada buat kelas agama, kelas fardu ain dan sebagainya. Dan juga *take off*, ini Kafa pula. Tetapi puak Kafa ini pun kita beri duit - ha, Yang Berhormat Menteri ada -Mereka sambil pergi ambil duit di mesin itu dia maki kerajaan: "Dok maki kerajaan, aku maki pun dia beri duit, apa punya kerajaan." Itu semasa dia pergi ambil duit. Ini guru Kafa, jadi tidak apalah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Yang ini, daripada Sabak Bernam bermaknanya agama dia kena kuat. Dia takut pada Tuhan, anak yang solehah, anak yang soleh. Maknanya aku hendak ambil ini, hendak balik beri makan anak bini di rumah, ini duit haram ini. Aku hendak beli kereta besar ini duit haram ini, nanti *accident* di jalan. Aku hendak pergi luar negeri dengan duit rasuah ini sekejap lagi kapal terbang jatuh atau apakah, takut tidak sempat mengucap mati masuk neraka dan sebagainya - kerana ini amanah. Kerana tidak amanah yang menyebabkan salah seorang itu dia buat macam-macam.

Sebab itu dalam Islam suruh hidup dalam sederhana. Macam kita ini Yang Berhormat kita hidup sederhana, bukan macam mana sangat. Kot yang ada tiga, empat helai, pakai sahaja. Tidak payahlah kot sampai RM20,000, RM30,000 pun ada. Ada yang pakai kot RM20,000, RM30,000, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak ada, kita beli kain murah dan jahit [*Ketawa*] Kemudian kita *dry cleaning, all round dry clean*. Kemudian rakan-rakan yang ada duit lebih sedikit dia teringat hendak beri *tie*, kita ambillah. Itu sahaja. Kita bersederhana, itu yang sebaik-baiknya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cincin itu mahal, Yang Berhormat !
[*Sambil menunjuk ke arah jari Yang Berhormat Jerai*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi saya minta....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cincin itu mahal!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cincin, cincin itu.

Seorang ahli: Cincin itu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, cincin ini tidak ada apa, bukan cincin emas. Cincin ini cincin suasa, orang lelaki tidak boleh pakai emas. Orang lelaki tidak boleh pakai subang. Ala, cincin ini tidak ada apa, bolehlah hidup *[Ketawa]*

Jadi saya hendak katakan, contohnya macam UDA, bukanlah saya hendak marah tetapi adalah satu organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan dasar dan mula hendak membawa masyarakat Bumiputera yang kurang upaya. Datang duduk di kawasan bandar dan berniaga dengan masyarakat bukan Bumiputera berpakat, kongsi-kongsi berniaga. Tanah orang kampung saya, orang kampung Bumiputera hendak beli dalam bandar tidak ada duit, tidak mampu. Ha, nah UDA, kerajaan beri duit, kamu tolong pergi buat, bagi. Letaklah Man, Razak, Kiah atau apakah, duduk berniaga di situ elok-elok. Tetapi kita letaklah orang dengan harapan orang ini boleh membawa inspirasi perjuangan, membantu ekonomi bangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru tiga minit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah lebih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, baru masuk 5 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya masuk awal juga. Yang Berhormat cakap lama sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, jadi saya berharap, sekarang difahamkan UDA sudah kerajaan tubuh pula yayasan tanah. Sama ada UDA ini ambil letak di bawah yayasan tanah.....*[Kedengaran bunyi telefon bimbit Yang Berhormat bagi Jerai]* *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa dengan gelagat Yang Berhormat bagi Jerai]* Orang kawasan, Tuan Pengerusi! Ribut yang berlaku dalam kawasan.... Eh rebut pula! *[Ketawa]* Maknanya UDA masuk balik di bawah yayasan tanah, pegawai-pegawai yang tidak amanah, yang rasuah, yang khianat kepada perjuangan bangsa, agama dan tanah air harus dihukum dengan sewajarnya dan dengan tiada maaf bagi mereka.

Mereka mengkhianati Dasar Ekonomi Baru, menteri dan juga ketua penggerakan PEMUDA yang perjuangankan dasar-dasar ekonomi baru-baru ini dalam dewan persidangan UMNO, Yang Berhormat kita akan perjuangankan siapa sahaja bangsa Melayu yang diletak untuk menerajui agensi kerajaan mengkhianati agensi dan mengkhianati bangsa harus menerima hukuman yang tidak ada belas kasihan. Siapa yang hendak tanya lagi? Tidak ada?

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi saya berharap Kementerian Kewangan teropong elok-elok, monitor elok-elok. Kalau tidak, dasar kita tidak kesampaian, di akhirnya orang lain mengatakan apa ini? Apa ini orang Melayu, tidak cukup-cukup meminta, sedangkan ini adalah hak kita tetapi kadang-kadang disebabkan oleh pengkhianatan bangsa kita

sendiri menyebabkan dasar itu tidak boleh kecapaian dan saya berpegang kepada konsep rakan kongsi....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Tangga Batu bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu, silakan Tangga Batu, sila, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai ini semangat-semangat ini, mungkin sebab Ketua Pemuda ada di sini. Yang Berhormat bagi Jerai saya hendak tanya satu, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebut tadi tentang ketua-ketua GLC ini, setuju atau tidak Yang Berhormat Jerai kita letak juga garis panduan supaya orang-orang Melayu, pemimpin-pemimpin industri Melayu ini duduk di dalam syarikat-syarikat yang bukan milik kerajaan ini yang hari ini hanya dikuasai oleh orang bukan Melayu, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya setuju, memang itu elok. Cuma satu sahaja saya hendak minta, kadang-kadang Tuan Pengerusi, Pengerusi syarikat ini (Government Link Companies) ini, seorang itu pegang sampai 10. Tidak sempat hendak buka beg hendak tengok minit mesyuarat. Apabila dia pergi, dia angguk, selepas itu letak pula benda itu, apabila jadi Pengerusi dia lena, tahu sahaja bersetuju, bersetuju dan kata puak ini percepatkanlah. Jadi beri peluang, janganlah satu orang itu dia sudah pegang syarikat induk, anak syarikat pun dia pegang, cucu syarikat pun dia duduk. Jadi yang lain itu hendak pergi mana? Apa salahnya Wakil Rakyat, Ahli Parlimen kerajaan tolak pembangkang menjadi pengerusi-pengerusi syarikat-syarikat? Kami bertanggungjawab di Parlimen, kami bertanggungjawab kepada rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, cukup Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam pengerusi kita dulu yang mana Tuan Pengerusi kita jadi *Chairman* Bank Rakyat, Bank Rakyat tolong rakyat bayar zakat, bantuan macam-macam - *Chairman* kita. Takkanlah tidak boleh sambung 2, 3 minit lagi? *[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebab tempoh, tempoh....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi....ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebab tempoh pengerusi sudah habis, Yang Berhormat pun boleh habislah.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ini kita tengok bermaknanya tokoh politik juga boleh menjadi Pengerusi Bank Korporat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa salahnya? Kalau daripada bahagian-bahagian lain, Ahli *Parlimen* lain? Dan di penghujungnya Tuan Pengerusi, saya memohon ampun dan maaf...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Di bulan Ramadhan dan kita akan sampai ke bulan Syawal, jadi seandainya dalam ucapan-ucapan saya di dalam seloka-seloka saya di dalam perjuangan-perjuangan saya ini, saya menyentuh dan melukai hati kawan-kawan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi sebagai umat Islam saya mengucapkan selamat menyambut Hari Raya bulan Syawal maaf zahir batin dan juga kepada rakan-rakan saya dari kaum India, Happy Deepavali dan orang-orang Cina juga sama-sama kita merayakan Hari Raya dan Deepavali. Terima kasih Assalamualaikum Wbt.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

12.10 th.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut berbahas dalam B.12 dan B.10. Saya mengambil langkah untuk melanjutkan hujah-hujah rakan-rakan berhubung dengan syarikat milik kerajaan. Satu ketika kita mungkin masih segar di fikiran kita di mana syarikat-syarikat seperti MAS, kita, rakyat dan kerajaan telah kerugian beratus-ratus juta. Demikian juga dengan Tabung Haji dan hari ini skandal yang tersirat iaitu Bank Islam.

Apa sudah jadi Tuan Pengerusi dengan pengurusan-pengurusan GLC kita pada hari ini? Apabila kita dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan bahawa mereka telah menyatakan kita telah memilih orang yang terbaik, orang yang ada kepakaran, yang cukup bijak dan pandai, rupa-rupanya kepintaran dan kepandaian mereka, kepakaran mereka, mereka gunakan untuk melingkupkan kerajaan dan bukan untuk menguntungkan rakyat dan kerajaan.

Rupa-rupanya kepintaran dan kepandaian tidak mencukupi syarat dia untuk meletakkan kerajaan memilih seorang CEO yang berkualiti, yang ada kejujuran dan keikhlasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, saya bukan nak potong stim cuma saya nak bagi bidalan. Apakah betul kalau saya katakan “harapkan pagar, pagar makan padi”, “harapkan haruan, haruan makan anak”, inilah dia. terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini bukan lagi “harap pagar, pagar makan padi” atau “haruan makan anak”. Ini boleh diibaratkan sebagai pengkhianat besar dalam negara. Justeru itu pada saya telah menjadi lumrah kita, persoalan begini kerajaan harus menoleh ke belakang untuk melihat GLC-GLC yang lain yang mungkin berpotensi dimanipulasikan oleh pemegang-pemegang amanah ini. Sebab tidak mustahil kenapa Bank Islam memilih untuk membuat pelaburan pinjaman di negara-negara yang tidak stabil dari segi ekonomi dan politiknya seperti Sarajevo, dan juga *South Africa*, ini tidak masuk akal.

Tetapi kita percaya “ada udang di sebalik batu”, ada strategi yang telah diurus lebih awal untuk mereka mengaut keuntungan di sebalik kerugian yang dihadapi oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, ini kawan.

Dato’ Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Saya hendak tanya apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengatasi masalah gejala-gejala negatif, masalah-masalah mengkhianati amanah Allah dan kerajaan ini, kita letakkan orang-orang yang bertaraf ulama, umarak untuk di setiap syarikat-syarikat dan juga agensi-agensi kerajaan yang mencabar seperti Kastam, JPJ, polis dan lain-lain, seperti KAGAT buat hari ini, selamat. Setuju tak?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat sebab sekurang-kurangnya kalau pun dia tidak bijak pandai tetapi dia ada kejujuran dan keikhlasan, dia takut akan Tuhan. Maka mungkin tidak akan berlaku penyelewengan yang sebegini dahsyat.

Tuan Pengerusi, pada saya insiden ini bukan merupakan insiden tetapi malapetaka yang akan melanda negara kita. Siapa yang akan bertanggungjawab dalam soal kerugian, dalam soal kehilangan wang ringgit berjuta-juta, ini berjuta-juta, dulu kita MAS pun ratus-ratus juta, Tabung Haji pelaburan dia, pelaburan di Philippines, di Indonesia, pembelian harta di negara kita, semua mengalami kerugian. Jadi apakah kita akan terus rugi, apakah kerajaan akan terus menanggung kerugian ini? Dan tidak mahu mengenal pasti bagaimana cara membendung kerugian-kerugian yang akan membinasakan masa depan bangsa dan negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Seputeh, kawan juga?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini kawan tapi *related* ke?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Menyokong, menyokong. Ya, *related*. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, tadi Pasir Puteh kata lebih baik kerajaan letak ulama dalam syarikat.

Dato’ Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Menyampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Umarak dalam GLC ini, saya rasa kesemua syarikat GLC ini, dia rugi kerana kekurangan cek dan *balance*. Adalah perlu bagi kerajaan untuk masukkan kita semua dari sini, sebelah sini untuk menguatkan cek *and balance* dalam syarikat GLC untuk mempertahankan kebaikan negara dan juga pelabur.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau DAP memerintah, mungkin ada fleksibiliti dia untuk diletakkan semua Ahli Parlimen supaya menjadi cek *and balance* tapi sementara barisan ini, saya tidak tengok ada kepentingan dia untuk kita semua wakil rakyat sebab kita ini orang politik, kita jaga politik, kita jaga kepentingan dari segi yang lain, bukan untuk mengurus ini.

Tuan Pengerusi, yang penting pada saya kerajaan harus melihat bahawa mereka yang dipilih ini harus melalui proses-proses tertentu sepertinya “Akujanji”, dan mereka kena bertanggungjawab dengan apa perancangan mereka dan kerajaan harus melihat apabila ada perancangan besar sebegini harus dirujuk kepada kerajaan, harus dirujuk kepada kewangan dan Kementerian Kewangan jangan terlalu emosi sehingga melihat *proposal* ataupun cadangan daripada pengarah-pengarah, CEO-CEO ini dan mereka terus tandatangan. Akhirnya kita lingkup di pertengahan jalan.

Justeru itu, rakyat dan masyarakat akan hilang kepercayaan kepada kerajaan dan apabila hilang kepercayaan ini di sinilah permainan parti pembangkang, memanipulasikan isu yang sedia ada, kenapa kita ada senjata, senjata makan tuan, kenapa ada kayu, ambil pukul kepala sendiri. Saya hairan, saya bingung dengan keadaan yang sebegini, kenapa kerajaan tidak pandai belajar daripada kesalahan, daripada kelemahan, daripada kegagalan.

Berapa banyak lagi syarikat GLC yang akan lingkup di masa akan datang. Kita mahu tanya, apakah kerajaan Kementerian Kewangan telah ada perancangan melihat potensi-potensi syarikat GLC yang akan lingkup sedikit masa lagi. Ini tidak mustahil, sebab saya percaya perkara ini akan berterusan sekiranya tidak dibendung.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi dan yang terakhir iaitu

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, gulungan lah ini. Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, mungkin juga Tuan Pengerusi jua maklum, perkara perumahan ini begitu serius di Sabah dan mungkin juga di Sarawak. Sebab di Sandakan sahaja, rata-rata mungkin lebih kurang 150 ribu orang tidak ada rumah dan mereka menumpang sama ada di rumah keluarga atau di pinggir-pinggir, kalau di Sabah dikenali sebagai menempel di tanah yang kosong iaitu setinggalan. Kalau di bandar ia dipanggil Seting Garden, standard sikit. Tetapi hakikatnya mereka tidak berumah, justeru itu peruntukan yang sebegini harus ditambah oleh kerajaan untuk memastikan setiap rakyat kita berhak hidup dalam keadaan aman, damai dan selesa tanpa mereka perlu kalau hujan mereka akan bersama-sama dengan hujan, kalau panas matahari mereka perlu .melayani matahari.

Ini adalah merupakan satu diskriminasi kepada bangsa-bangsa yang terpinggir di negara kita. Saya percaya kerajaan tidak berhasrat untuk melihat diskriminasi ini berlaku tetapi mungkin keadaan dan suasana itu yang tidak mengizinkan. Justeru itu pada saya kerajaan harus memfokuskan satu keadaan untuk melihat tahun berapakah rakyat kita yang tiada rumah ini akan memperolehi rumah mereka masing-masing menerusi program Tabung Amanah yang sedia ada. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kemaman.

12.19 th.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat pada pihak Kementerian Kewangan Butiran B022400 mengenai Kuala Lumpur International Airport Berhad ya. Saya telah menerima jawapan bertulis daripada pihak Kementerian Pengangkutan mengenai kelemahan-kelemahan terutama sekali mengenai pengendalian bagasi di lapangan terbang di Malaysia. Di mana dalam jawapan tersebut sebanyak 18,340 bagasi telah hilang, telah direkodkan dari tahun 2004 hingga Julai 2005, di mana MAS telah membayar ganti rugi yang banyak daripada kecuaiannya ataupun kelemahan dalam pengendalian bagasi di *airport* kita. Ertinya di sini kelemahan MAB ataupun kelemahan *airport* kita ataupun lapangan terbang kita yang terpaksa membayar ganti ruginya ialah MAS. Orang lain yang membuat kesalahan dan membuat kelemahan yang terpaksa membayar ganti ruginya ialah Syarikat Penerbangan Malaysia kita dan mungkin inilah salah satu sebabnya kenapa MAS terpaksa menanggung kerugian yang besar.

Kalau kita perhatikan di sini 18,340 dalam masa, saya tidak pasti, sehingga Julai 2005 daripada 2004. Yang tidak pasti di sini ialah daripada bulan berapa 2004. Kalau diandaikan ini selama setahun kita kehilangan sebanyak 18,340 bagasi, ini bermakna kita kehilangan sebanyak 1,500 bagasi dalam masa sebulan. Kalau kita pecahkan 1,500 bahagi dengan 360 hari ertinya setiap hari *airport* kita mencatatkan kehilangan sebanyak 50 bagasi sehari. Kalau kita andaikan sehari itu 20 jam bekerja, ertinya setiap jam ada tiga atau empat bagasi hilang.

Ini satu perkara yang saya anggap serius. Setiap sejam ada tiga, empat ada setiap satu jam tiga, empat, setiap hari 50, setiap bulan 1,500, setiap dalam masa setahun lebih daripada 18,000. Ini kita cakap yang hilang, belum yang rosak, belum bagasinya ada tetapi barangnya diselongkar. Ada banyak diceritakan bahawa bagasi kita ini keluar dalam surat khabar nampaknya baik, *intact*, begnya sampai, *check* dekat rumah tengok walaupun dikunci, kunci itu telah dibongkar dengan cara yang begitu profesional sekali dan barang yang berharga hilang.

Baru-baru ini dikatakan satu pembongkaran yang telah dibuat, diserbu rumah salah seorang daripada kakitangan *airport* kita di mana telah ditemui berpuluh-puluh *laptop* yang telah dicuri. Itu pun kerana mendapat maklumat daripada Interpol, maklumat daripada seorang.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya, sila. Boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan. Yang Berhormat bagi Kemaman, adakah wajar bagi pihak lapangan terbang untuk menggaji ataupun memberi kontrak kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pekerja-pekerja asing. Hari ini KLIA kita kebanyakan daripada pekerja-pekerja itu datang dari *Nepal* dan ini satu benda yang kita pelik kerana kebanyakan negara, *airport* merupakan tempat yang strategik, pelabuhan merupakan tempat yang strategik dan di situ letaknya keselamatan negara. Bagaimana kita ada pekerja asing yang bertugas di *airport* kita dan di pelabuhan kita yang mana dia tidak ada cinta kasih kepada negara dan ini terdedah kepada keselamatan negara. Apa pendapat Yang Berhormat ?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya sangat setuju. Tetapi perlu diingatkan bukan soal pekerja asing sahaja tetapi kalau integriti tidak ada di kalangan pekerja kita sendiri kerana ia melibatkan bila ditanya memang dia kata polis ada di sana. Ada dikatakan bahawa kalau ditengok logiknya mudah sahaja, macam mana orang boleh tahu beg-beg yang tertentu mempunyai barang-barang yang berharga di dalamnya. Macam mana orang boleh tahu ini begnya dipilih-pilih, yang ada barang berharga dipilih.

Logiknya dikatakan orang yang menjaga *scanning machine*, mesin pengimbas. Logiknya mungkin diberitahu ada pakatan di situ, diberitahu beg ini kalau orang yang *check in* di stesen *Central*, misalnya dua jam perjalanan di situ, masanya setengah jam dekat *airport* lagi, lama masanya. Kalau *check in*nya di lapangan terbang yang induk pergi ke bangunan satelit ada 20 minit masanya. Ertinya seolah-olah ada sindiket di sini. Dikatakan bahawa apakah *airport* tidak cukup memasang kamera litar, CCTV. Katanya ada, pemasangannya ada tetapi apakah pemantauannya dibuat dengan baik.

Jadi seolah-olah dikatakan bahawa semuanya ada sindiket di sini kerana, "Tidak apalah, kalau hilang ada orang yang membayar ganti ruginya", iaitu MAS yang akan membayar ganti ruginya. Tetapi daripada maklumat yang saya dimaklumkan, misalnya dikatakan bahawa kenapa ditemui di rumah seorang pekerja *airport*, sampai berpuluh-puluh *laptop*, katanya itu pun kerana salah seorang daripada orang yang telah mengalami kehilangan barangnya di Hong Kong, dia buka-buka beg, *laptop*nya hilang tetapi di dalam beg itu ada tertinggal *road tax* motosikal nama orang yang tidak ada kena mengena. Cukup mudah hanyalah diberitahu kepada pihak polis sana, pihak polis menghubungi, sini, dapat tahu.

Tetapi bagaimana yang lain? Jadi ini pentingnya kerana sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi bahawa *airport* kita dan pelabuhan kita adalah satu tempat yang begitu strategik kepada ekonomi negara dan sekiranya *airport* ini dianggap merupakan *airport* yang terancang, belanjawan yang dikemukakan oleh kementerian sebanyak RM720 juta lagi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek :yang akan tetapi kalau *airport* kita tidak mempunyai integriti yang sepatutnya, maka kita akan mengalami masalah imej yang buruk di sini, Tuan Pengerusi. Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Soal integriti ini adalah satu perkara yang amat penting bagi negara kita dan Dewan Rakyat ini juga akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mempertingkatkan lagi soal integriti negara kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam kes ini di lapangan terbangkah atau tempat-tempat di mana perlunya soal-soal keselamatan, bukan sahaja pemantauan dari segi keselamatan tetapi orang-orang yang terlibat ini, pegawai-pegawai ini perlu dididik dari segi agama.

Kalau orang-orang ini tidak takut pada Tuhan dalam membuat perkara-perkara seperti ini sampai bila? Kalau dia jadi penipu, penyangak, perampok, apa pun ciri-ciri keselamatan yang kita buat diletakkan di situ jika sekiranya dia tidak takut pada Tuhan, saya rasa ia akan boleh berterusan. Dan negara ini beragama. Kita ada agama rasmi. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Amat setuju, pendidikan amat penting dan semangat ataupun rasa takut pada Tuhan akan dapat membantu. Tetapi negara-negara lain seperti negara jiran misalnya, di negara-negara maju lain yang tidak mempunyai negara yang dianggap negara sekular misalnya, kenapa di sana dianggap dari segi keselamatannya lebih baik. Misalnya kalau berdasarkan kepada masalah keselamatan kerana takutkan kepada penganas dan sebagainya, *airport* di Amerika Syarikat dan mungkin beberapa *airport* lain di dalam dunia misalnya, bagasi yang *dicheck in* tidak dibenarkan lagi dikunci supaya pihak keselamatan negara berkenaan, *airport* berkenaan boleh menyelongkar mana-mana beg yang *disuspect*, yang di andaikan kemungkinan meletakkan barang-barang yang berbahaya.

Kita bayangkan, Tuan Pengerusi, kalaulah perkara yang sama dibuat dalam negara kita, tidak dibenarkan berkunci. Dalam berkunci pun, hilangnya 18,000, belum lagi hilang barang di dalam beg yang berkunci. Apakah sekarang ini kita katakan bahawa kita sudah bersedia untuk menghadapi zaman berkenaan tetapi sekiranya kita tidak bersedia, bayangkan apa akan terjadi kepada imej negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya percaya bahawa dengan peruntukan sebanyak RM720 juta bukan sahaja persiapan kita untuk buat *hanger* baru, hendak datang kapal terbang *Airbus A380* yang akan datang ini lagi, tetapi saya percaya bahawa yang penting sekali bagaimana kita memastikan tempat yang menjadi *front line* kita akan dihormati. Saya ingat ada satu laporan dalam surat khabar, ada orang beritahu

kadang-kadang bila ada hilang barang telefon sahaja, pihak *lost and found* kata, "Oh, kalau ini kalau hilang di *airport*, turun di *airport* Kuantan sila ambil nombor telefon ini." Telefon nombor yang berkenaan, sudah tidak digunakan nombor tersebut. Telefon balik MAS,

MAS, beginilah sistem kita bila buat aduan dan sebagainya. Jadi perkara beginilah saya rasakan wang yang banyak dibelanjakan ialah ke arah bukan sahaja membanyakkan atau melengkapkan lagi *hardware* kita tetapi yang paling penting sekali ialah bagaimana untuk menjadikan *software*, pengendalinya adalah yang terbaik. Bukan sahaja patuh pada undang-undang, takut pada Tuhan tetapi seorang yang bersemangat patriotik yang tinggi untuk tidak memastikan negara dan imej negara kita tercemar dengan perbuatan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rembau.

12.30 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh dua perkara iaitu Kepala Maksud Bekalan B.11, Butiran 022300 – Penyelenggaraan Aset Awam dan Kepala Maksud Bekalan B.12, Butiran 060000 – Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-badan Lain.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita sedia maklum, pada tahun ini kerajaan memperuntukkan RM500 juta untuk menyelenggarakan aset-aset awam di seluruh negara dan saya berterima kasih kepada kerajaan kerana dengan adanya peruntukan ini, kita bukan sahaja telah dapat membantu kontraktor-kontraktor kecil dan jumlahnya lebih RM40,000 tetapi dalam masa yang sama juga, kuarters kerajaan, bangunan kerajaan yang sudah lama-lama dapat dicat semula. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kalau boleh skop penyelenggaraan itu diperluaskan, bukan sahaja meliputi kuarters, bukan sahaja meliputi bangunan kerajaan tetapi juga apa sahaja aset awam, apa sahaja infrastruktur awam termasuklah misalnya masjid, termasuklah balai raya, termasuklah dewan orang ramai, termasuklah padang-padang permainan di taman-taman perumahan dan sebagainya.

Ini penting sebab kita lihat misalnya masjid, banyak masjid kita yang telah 100 tahun, 50 tahun dibina. Dia punya asas pembinaannya sangat kukuh tetapi oleh kerana tidak ada peruntukan untuk penyelenggaraan, banyak masjid ini terbiar. Kalau dengan peruntukan RM1 bilion pada tahun ini, kalau diberi pada masjid, sekurang-kurangnya bukan sahaja beri semangat kepada penduduk kampung tetapi juga menggalakkan generasi muda untuk datang ke masjid. Dalam masa yang sama juga boleh menjadi tarikan pelancong.

Selain daripada itu, begitu juga taman-taman permainan di taman-taman perumahan, banyak yang sudah lima, enam tahun yang telah tidak diselenggara. Jadi saya cadangkan juga supaya taman-taman permainan ini termasuk juga padang-padang permainan diberi peruntukan, bukan sahaja diselenggara tetapi dibaik pulih sekali supaya dengan itu, para belia kita boleh

menghabiskan masa di padang-padang permainan. Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan mereka terlibat dalam gejala-gejala sosial yang tidak sihat seperti dadah dan sebagainya .

Tuan Pengerusi, dalam masa yang sama juga dengan peruntukan RM1 bilion ini saya yakin 80% ke 90% kontraktor kita akan dapat kerja. Saya membuat andaian ini kerana daripada 40,000 kontraktor sedia ada, hanya 50% sahaja yang aktif. Itu pun sebab ada projek *pre-emptive* pada tahun 2001 sampai 2003. Jadi saya jangkakan dengan adanya peruntukan ini, antara RM18,000 ke RM20,000 kontraktor kecil akan dapat kerja dan dalam masa yang sama, masyarakat setempat akan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti balai raya dan dewan orang ramai tadi sebab di taman-taman perumahan, biasanya dewan orang ramai juga dijadikan tempat untuk mengadakan kenduri kahwin dan sebagainya, selain daripada untuk menjalankan aktiviti-aktiviti wanita, aktiviti ekonomi dan sebagainya untuk menambah pendapatan mereka.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah soal kumpulan wang pinjaman kepada badan berkanun dan badan-badan lain yang jumlahnya sebanyak RM360 juta. Ini satu angka yang sangat besar dan kita sedia maklum sejak merdeka sampai hari ini, ada 101 badan berkanun yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan tujuan-tujuan tertentu dan badan-badan berkanun ini biasanya dia ada lembaga pengarah dia sendiri. Saya minta kalau boleh pihak kerajaan supaya memantau badan berkanun ini dengan lebih teliti. Dahulu ada satu unit yang dipanggil *Central Information Collection Unit* di bawah PNB. Jadi saya hendak cadangkan supaya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya diwujudkan semula dan dipanggil *central information monitoring unit* sebab 101 unit ini, 101 badan berkanun yang ditubuhkan ini antara lain diwujudkan untuk meningkatkan ekuiti bumiputera di sektor korporat termasuklah UDA, termasuklah LPP, termasuklah LKIM, termasuklah badan-badan lain.

Jadi, pemantauan ekuiti perlu kerana saya difahamkan pada tahun 2003, badan berkanun ini memberi keuntungan sebanyak RM38.22 bilion dan ini satu angka yang sangat besar. Saya sarankan supaya badan berkanun ini bayar zakat sebanyak 2½ peratus. Kalau 2½ peratus lebih kurang RM950 juta, hampir RM1 bilion. Ini mungkin boleh membantu menyelesaikan masalah kemiskinan di luar bandar dengan peruntukan yang agak besar. Jadi, selain daripada itu saya juga berharap pihak kerajaan akan dapat menyusun semula struktur organisasi badan-badan berkanun ini satu persatu daripada 101 tadi, lihat tiap-tiap satu melalui *central information monitoring unit* tadi yang kalau boleh statusnya sama dengan ICU. Maksudnya diketuai oleh seorang pegawai yang bertaraf bukan JUSA, atas daripada JUSA lagi, yakni staf utama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Turus.

Dato' Firdaus bin Harun: Pegawai Turus yang diberi kuasa untuk memantau, untuk memastikan semua badan berkanun tadi berjalan mengikut sebagaimana tujuan penubuhannya,

supaya dengan itu saya rasa matlamat untuk mewujudkan masyarakat perdagangan perniagaan bumiputera menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai. Saya rasa tidak perlu kalau semua badan berkanun berjalan dengan baik, tidak perlu diwujudkan lagi.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut, Larut bangun.

Dato' Firdaus bin Harun: Ya, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat bersetuju selain daripada badan-badan berkanun sebagaimana Yang Berhormat telah gambarkan tadi, agensi milik kerajaan, macam sekarang isu Bank Islam. Kalau boleh disegerakan pendedahan. Macam keluar dalam surat khabar hari ini, segerakan pendedahan tersebut, laporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan supaya dapat mengambil tindakan dengan segera kerana ini merupakan satu isu yang besar. Apakah pandangan Yang Berhormat bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan menyegerakan masalah yang berlaku dalam Bank Islam ini selain agensi-agensi milik kerajaan dan juga agensi yang ada hubungan dengan kerajaan, selain daripada badan-badan berkanun Yang Berhormat sebutkan tadi. Apakah Yang Berhormat bersetuju dalam perkara ini? Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun: Setuju. Begitu juga dengan badan berkanun ini saya cadangkan supaya pelantikan dipanggil pengarah ataupun dalam GLC dipanggil CEO supaya mereka juga diberi tempoh dua ke tiga tahun sahaja dan pemantauan dibuat secara teliti dan prestasi CEO tadi akan menentukan sama ada mereka disambung atau tidak. Jadi Tuan Pengerusi, saya yakin dengan langkah-langkah ini wang kerajaan akan dapat dijimatkan dan rakyat akan dapat manfaatnya dan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera akan dapat dicapai dengan lebih cepat lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu, Tangga Batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin.

12.28 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya juga dengan rakan-rakan untuk membincangkan B.10, Butiran 060000 - Perkhidmatan Kastam. Hari ini, kita dapat Ketua Pengarah Kastam yang baru dan kita ucapkan tahniah kepada Dato' Abdul Rahman Hamid yang telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Kastam yang baru dan walaupun baru, pada hari ini kita telah lihat bagaimana usaha kastam pada hari ini, bagaimana disarankan di dalam Dewan Rakyat ini untuk kerajaan mengutip balik kerugian kerajaan berkenaan dengan kereta-kereta yang telah diikrarkan atas nilai yang tidak munasabah.

Pada hari ini kementerian ataupun Jabatan Kastam telah mula mengorak langkah dan kita minta kementerian supaya dapat melantik Timbalan Ketua Pengarah Pencegah untuk menggantikan tempat Dato' Abdul Rahman Hamid. Dahulu yang dia naik sebagai ketua pengarah dengan cepat supaya kita dapat menjalankan kerja-kerja pencegahan ini kerana untuk makluman Tuan Pengerusi, kita lihat pada hari ini, apabila harga rokok dinaikkan oleh kerajaan RM7 satu bungkus, di Indonesia pada hari ini harga rokoknya tidak berubah dan apabila sekarang ini nilai rupiah menurun, membuatkan rokok hari ini di Indonesia paling murah, di bawah harga RM2 sebungkus untuk Marlboro dan di sini kita, dalam RM7 punya harga.

Oleh yang demikian, kita takut kalau dahulu kita lihat rokok-rokok keretek yang di seludup tetapi kita takut akan datang, rokok Marlboro, 555 dan rokok-rokok yang lain akan di seludup kerana pasaran di Indonesia begitu murah sekali kalau berbanding dengan Malaysia. Lebih-lebih lagi pada hari ini Kerajaan Indonesia telah menaikkan harga minyak dengan begitu tinggi sekali - 120%.

Hari ini kita takut, kalau kita tidak menguatkan lagi pencegahan Kastam ini, kita takut banyak di antara minyak kita, kalau dulu kita menghadapi minyak diseludup ke Thailand, dengan kenaikan harga minyak baru-baru ini di Indonesia, kita takut pulak minyak kita akan diseludup ke Indonesia. Lebih-lebih lagi minyak tanah, di Indonesia pada hari ini, minyak tanah satu liter 7,000, 7,000 bersamaan RM2.30, di Malaysia baru RM1.20, RM1.30. Minyak tanah adalah kegunaan yang penting di Indonesia, kerana ramai di antara rakyat di Indonesia pada hari ini, lebih-lebih lagi di luar bandar memasak menggunakan minyak tanah dan dengan harga yang begitu mahal di Indonesia, kemungkinan penyeludupan akan berlaku daripada Malaysia ke Indonesia begitu besar sekali. Oleh yang demikian, kita minta supaya kerajaan, lebih-lebih lagi Kementerian Kewangan menambahkan sedikit peruntukan untuk memperbesarkan lagi Unit Pencegahan ini, dan kita minta supaya Unit Pencegahan Kastam ini diberikan bot-bot laju yang lebih pantas.

Hari ini kita lihat, saya kira Tuan Pengerusi pun punya pengalaman, bahawa penyeludup-penyeludup sekarang ini menggunakan bot-bot yang begitu laju, begitu besar tetapi Kastam punya, kalau nak dibandingkan dengan yang penyeludupnya amat memalukan sekali. Oleh yang demikian, kalau kita hendak mencegah penyeludupan, kita minta supaya Kastam dan juga kerajaan memberikan kelengkapan sebaik mungkin kepada Pasukan Pencegahan Kastam supaya dapat membanteras kerja-kerja penyeludupan ini. Dan satu lagi kita minta kerajaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, Ketereh bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : Ya, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Jasin. Saya berlari masuk bila Yang Berhormat sebut pasal pencegahan Kastam. Saya dah tulis dalam saya punya nota nak bercakap pasal tajuk ini.

Saya nak minta penjelasan Yang Berhormat, Kastam ini bagus, berjaya mencegah tetapi yang menjadi kehairanan kepada saya dan saya rasa kepada *public* ialah, setiap kali dia dapat buat penangkapan, pengumumannya begini, "Penyeludupan keretek telah berjaya dirampas, walau bagaimanapun penyeludup-penyeludupnya telah lepas lari", ha itu dia punya..... datang kemudian pulak, "Pencuri-pencuri kereta curi ini telah dapat ditangkap, ditawan, kereta-kereta dicuri telah dirampas, tetapi pencuri-pencurinya telah pun lepas lari". Dia dah jadi macam satu stigma, berjaya dirampas tetapi penyeludup lepas lari.

Persoalan yang saya hendak yang minta penjelasan Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat banyak tahu tentang Kastam ialah, apakah ini merupakan satu trend dalam Kastam Tuan Pengerusi, ataupun sebenarnya dia ada masalah dalam nak membuat pendakwaan, leceh kalau tangkap, ada masalah besar kalau tangkap, ambil orang itu, nak kena dakwa, nak bagi bukti, dia jadi satu kerja yang besar, maka akhirnya dia pun rampas sahajalah, tapi penyeludup lepas. Kalau ini berlaku, sampai bila pun penyeludupan di negara ini tidak akan dapat diselesaikan. Mohon penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Ketereh. Yang sebenar itulah keadaannya. Kalau orang ditangkap dihadapkan ke mahkamah, kalau misalan kata dia menyeludup keretek, pihak Kastam terpaksa membawa keretek ini, pikul ke mahkamah sebagai bahan bukit, angkat turun, kadang-kadang *lawyer* tak datang, tangguh lagi, akhir sekali satu kes itu makan masa lima tahun, enam tahun. Adalah lebih baik kita rampas sahaja keretek, tiga bulan dah selesai, tak dapat, tutup fail dan keretek ini boleh dilelong ataupun dijual, kerajaan dapat hasil. Kalau dah tujuh tahun, kes tak selesai, keretek ni turun naik, turun naik akhir sekali keretek pun dah lapuk, nak dijual ataupun nak dapat hasil tak dapat. Kan lebih baik dengan cara macam itu.

Hari ini Kastam Tuan Pengerusi, kita nak lihat, kita nak minta Kastam mengkaji balik, untuk memberi pampasan, untuk memberi *reward*, saya dah cakap banyak kali berkenaan dengan ini kepada Unit Pencegahnya, kerana kalau kita lihat, sebelum *reward* ini ditarik balik, Unit Pencegah ini pernah mencegah penyeludupan bernilai RM70 juta. Kerajaan dapat wang RM70 juta, usaha-usaha pencegahan ini dan *reward* yang diberi hanya 10%, kerajaan bagi RM7 juta sahaja. Keluar RM7 juta, dapat RM70 juta. Tapi hari ini, insentif ini dah tak ada lagi, kita lihat mutakhir ini kurang kerja-kerja penyeludupan dibuat dan ramai pegawai Kastam daripada Unit Pencegahan ini, oleh kerana pihak Kastam tidak dapat menyediakan bot-bot laju, sebagaimana yang digunakan oleh pihak penyeludup oleh kerana *reward* yang mereka dapat, mereka sanggup membeli *speed boat* sendiri, dan dia sanggup beli kerana dia tau dia akan dapat pulangnya, dan apabila dia beli *speed boat* yang berkuasa tinggi bersaing dengan pihak penyeludup, mereka berjaya menangkap. Ini satu insentif dan saya minta Kementerian Kewangan kaji balik yang ini. Kita bagi dia kelengkapan secukup mungkin kerana pencegahan atau penyeludup ini cukup.....

Jadi Tuan Pengerusi, saya juga turut sama dengan rakan-rakan untuk menyentuh tentang GLC ini. Saya pun dah bercakap banyak kali berkenaan dengan ini kerana kita tengok pada hari ini CEO-CEO GLC yang ada di negara kita, TNB baik, Telekom baik dan yang besar-besar ini, setakat hari ini tidak menunjukkan kehebatan mereka. Kalau kita lihat TNB, Telekom hanya sekadar hari ini, termasuk Tabung Haji, kepakaran mereka pada hari ini membuang pekerja-pekerjanya. Mengurangkan kos perbelanjaan dengan kurangnya kos *involvement* syarikat, maka syarikat akan untung besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sepatutnya, oleh sebab mereka yang bijak pandai ini, menggunakan kakitangan yang sedia ada untuk kita melebarkan lagi perniagaan kita di dalam negara dan di luar negara. Mengapa harus orang yang ada ini kita berhentikan? Saya tengok Tabung Haji pada hari ini, ramai di antara rakan-rakan di Tabung Haji hari ini dah berhenti, tidak ada *golden handshake*, mereka tidak ada pencen malah pegawai-pegawai Tabung Haji pada hari ini ada yang dah berniaga pasar malam. Dan pada hari ini kita lihat tidak ada keistimewaan yang berlaku pada GLC-GLC ini yang menarik orang bijak pandai sehinggakan membuatkan GLC ini boleh untung besar, ya sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah habis.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bagi dia *chance* sikit Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tuan Pengerusi, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa satu lagi syarikat Melayu yang bertanggungjawab untuk Melayu iaitu KUB. Satu ketika dia boleh berdiri megah, berdiri sendiri, tetapi hari ini KUB seperti, "Udang kehilangan mata" dan pemegang amanah yang diberi amanah telah lari tidak tahu ke mana, menghilangkan diri. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya bagi Kinabatangan memanglah kita tahu, itulah sebabnya kita berkeras supaya TH Plantation ini jangan *go public*, jangan ingat *go public* ini, syarikat ini akan bertambah besar, syarikat ini akan mempunyai daya maju yang tinggi, dulu KUB pun begitu juga, nak lahirkan ribuan *millionaire*, *millionaire* Melayu, pada hari ini bukan kata *millionaire*, habuk pun dah tak ada lagi. Jadi bukan senang, bukan mudah, jangan ingat katakan satu syarikat itu milik kerajaan apabila *go public* akan memperbesarkan lagi *empire* perniagaan dia, tidak. Di Sabah, macam Sabah hari ini, Yayasan Sabah banyak kerugian, begitu juga negeri-negeri lain. Apabila *go public* banyak kerugian, tak semestinya, bukan untung besar. Oleh yang demikian, kita berharap supaya kerajaan mengkaji balik peranan GLC ini dan juga syarikat-syarikat berkenaan dengan kerajaan ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan 11 dan Butiran 020500 berkaitan dengan Subsidi Gas Cecair (LPG), *Diesel* dan Petrol.

Tahun ini kalau kita lihat peruntukan yang akan diberi tahun depan yang akan diberi oleh kerajaan iaitu RM8.5 bilion. Ini adalah satu jumlah yang amat tinggi kalau dibandingkan dengan RM3 bilion pada tahun ini. Ini bermakna penambahan 180% subsidi yang akan diberi. Sampai bilakah kerajaan boleh bertahan memberi subsidi dan siapakah menerima subsidi ini?

Di Sarawak, di kawasan pedalaman, rakyat memerlukan subsidi juga kerana diesel digunakan untuk menjana *electricity* iaitu menggunakan generator. Diesel digunakan untuk enjin bot-bot yang pergi jauh ke hulu dan bertong-tong, berderam-deram diesel diguna setiap hari. Setakat ini kita sudah tahu dan sudah membincang juga bahawa seharusnya kerajaan menumpukan perhatian terhadap tenaga alternatif seperti bio-diesel, bio-fuel dan biogas. Kalaulah kerajaan mengeluarkan bio-diesel yang lebih banyak lagi maka subsidi akan menurun.

Jadi ini adalah penting. Teknologi sudah wujud, pengetahuan sudah ada, mamun polisi sahaja ataupun dasar tidak ada. Bilakah kerajaan hendak mewujudkan dasar di dalam perkara ini? Biogas juga kita boleh menghasilkan. Setakat ini saya sendiri telah pun menghasilkan satu teknologi untuk mengeluarkan biogas di sebuah sekolah menengah SMK Pedawan, di kawasan saya sendiri. Pembiayaan ini adalah daripada *Rotary Club Kuching* dan *Rotary Club Norway*. Sekarang kita melaksanakan projek ini. Jika kita berjaya mengeluarkan gas ini untuk masak di asrama maka sekolah ini tidak berbelanja RM2,300 lagi untuk membeli gas cecair.

Ini adalah satu teknologi yang kita harus lihat juga. Teknologi ini boleh digunakan di kampung-kampung di pedalaman kerana kita hanya memerlukan najis manusia dan inilah yang saya telah buat sekarang, telah reka bentuk dan telah melaksanakan di sekolah menengah di kawasan saya sendiri. Kerajaan haruslah menggalak inovasi seperti ini dan memberi peruntukan agar banyak lagi bahan-bahan tenaga lain boleh dihasilkan dan digunakan, yang boleh memberi manfaat kepada rakyat di kawasan luar bandar.

Seterusnya saya menyentuh Butiran 021400 - Bekalan Air Luar Bandar. Kalau kita lihat peruntukan ini iaitu RM212 juta dan dibandingkan dengan peruntukan yang ada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan amaun RM141,900 juta juga. Kenapa di bawah Perbendaharaan ada peruntukan dan kenapa di KKLW juga ada peruntukan. Adakah peruntukan RM212 juta ini untuk membayar tunggakan projek-projek yang lama yang telah pun dilaksanakan dan sudah siap tetapi belum dibayar? Ini saya mohon penjelasan.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Bekalan 12 dengan Butiran 050000 - Tabung Bantuan Bencana Negara. Saya lihat di sini, Tabung Bantuan Bencana Negara hanya RM10 sahaja tetapi bencana boleh berlaku bila-bila sahaja. Banjir lumpur, gempa bumi, tsunami. Menyentuh tentang gempa bumi, negara kita memang dikelilingi oleh *trenchers*.....[Disampuk]
Apa dia?

Seorang Ahli: Parit!

Dr. James Dawos Mamit: Parit, hah. Ini adalah *trenchers* di mana gempa bumi boleh berlaku. Di Sabah umpamanya, ada *North-West Borneo trench* dan juga ada *Sulawesi trench*. Jika gempa bumi tidak berlaku di *trench* tersebut maka peluang gempa bumi akan berlaku lebih tinggi lagi. Itulah saya memohon agar kerajaan melihat lagi di dalam butiran ini tentang Tabung Bantuan Bencana Negara kerana kalau tidak ada duit, ada gempa bumi nanti, ada tsunami nanti maka di manakah kita akan mendapat sumber kewangan untuk membantu mereka yang mengalami bencana alam? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

11.06 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 080000 - Lembaga Hasil Dalam Negeri. Penilaian cukai sendiri yang dilaksanakan pada tahun ini, saya ingin sentuh tentang penilaian cukai sendiri iaitu *self-assessment*. Ramai orang masih tidak jelas tentang cara membuat penilaian cukai sendiri dan pelaksanaannya adalah terlalu terburu-buru tanpa memberi pendidikan yang cukup kepada orang ramai khususnya kepada pembayar cukai individu.

Selain itu, borang percukaian juga kelihatan mengelirukan dan tidak senang difahami oleh orang ramai. Bagi syarikat pula, Lembaga Hasil Dalam Negeri menghendaki mereka membuat ramalan pertumbuhan *business* setiap tahun dengan anggapan syarikat swasta ini bertumbuh *businessnya* setiap tahun. Tetapi dengan keadaan ekonomi yang kurang baik sekarang memanglah tidak adil bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menghendaki syarikat kecil untuk berbuat demikian kerana banyak syarikat memang mengalami kerugian dan juga dalam keadaan yang susah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin komen tentang cara pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri mengejar balik cukai yang mana sikap mereka adalah terlalu agresif dan kadang-kadang kurang kemanusiaan apabila mereka ingin mendapat balik cukai yang dikatakan terhutang pada pembayar cukai ini. Ini kerana, kadang-kadang pegawai percukaian ini menghendaki mereka membentangkan akaun dalam lima tahun atau tujuh tahun yang lepas. Ini adalah tidak adil kerana ramai orang tidak menyimpan akaun mereka begitu lama dan selalunya mereka terpaksa tunduk kepada tekanan dan paksaan pegawai LHDN dan membayar jumlah cukai yang banyak. Saya juga menyeru kerajaan mengambil perhatian tentang aduan korupsi di kalangan pegawai LHDN.

Di sini saya ingin membaca satu surat yang dihantar oleh pengadu ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan salinan dihantar kepada beberapa Ahli Parlimen termasuk saya tentang korupsi yang berlaku oleh sesetengah pegawai LHDN. Surat ini berbunyi seperti berikut, dengan izin,

"Is the government aware that in tax evasion cases, income tax investigation officers are working in collusion with ex-income tax colic where the investigation officers insist and instruct the tax evaders to engage his ex-colic to handle the tax evasion cases. In doing so the government collected substantially less taxes from the tax evaders and colluded parties receive a big lump sum from tax evaders, profit at the expense of the government. This internal practice has been in operation for more than three years. Kindly look into these serious matters if governments really advocate the public transparency and accountability. Surat ini ditandatangani oleh Zaid Ibrahim pada 15 Ogos 2005.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh tentang bayar balik hasil kutipan cukai yang berlebihan ataupun *refund* oleh LHDN di mana ramai orang mengadu bahawa tempoh bayar balik hasil kutipan cukai oleh pihak LHDN adalah terlalu lambat. Tempoh yang ditetapkan adalah tiga bulan. Tetapi selalunya LHDN mengambil masa yang lebih lama daripada tiga bulan untuk bayar balik kepada mereka. Apabila pembayar cukai lewat membayar cukai dalam tempoh 30 hari yang ditetapkan mereka akan dikenakan denda sebanyak 10%. Tetapi apabila LHDN lewat membayar balik cukai yang diambil berlebihan daripada pembayar cukai, pihak LHDN tidak membayar kadar bunga ataupun *interest* kepada mereka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat hendak habiskan ataupun hendak sambung petang?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sambung petang boleh? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat boleh sambung petang.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Mesyuarat dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat Seputeh sila sambung ada 5 minit lagi.

2.30 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tadi bangkitkan tentang isu *Value Added Tax* ataupun GST. Kerajaan telah pun bercadang ingin mengenakan GST pada barangan yang dijual di pasaran tetapi sehingga hari ini kerajaan masih tidak menerangkan kepada orang ramai tentang cara kutipan GST dan juga apakah penggunaan GST ini lebih membebaskan rakyat jelata dan juga amat tidak adil kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu perkara tentang Hiong Kong Pasar raya yang ditutup dalam satu malam dan diambil oleh *The Store Supermarket* pada tahun lepas. Para pembekal barangan iaitu *suppliers* kepada Hiong Kong Pasaraya telah mengadu kepada Suruhanjaya Sekuriti dan mendesak Suruhanjaya Sekuriti untuk menjalankan siasatan terhadap kes ini, kerana Hiong Kong Pasaraya menggunakan barangan *consignment* mereka sebagai sekuriti apabila mereka buat pinjaman daripada bank tetapi kesannya Suruhanjaya Sekuriti tidak ingin berjumpa dan enggan bekerjasama dengan mereka ataupun membekalkan lebih maklumat mengenai urus niaga di antara *The Store Supermarket* dan Hiong Kong Pasaraya ini kepada para pembekal barangan ini supaya mereka boleh menuntut keadilan di mahkamah. Saya merasa amat kesal bahawa Suruhanjaya Sekuriti ini enggan membantu golongan berniaga yang tertipu dan mengalami kerugian yang amat besar ini dengan memberi lebih maklumat tentang kes ini kepada mereka.

Maknanya pihak Suruhanjaya Sekuriti menganggap ini sebagai isu sensitif dan isu kes sivil yang menyuruh mereka mengupah peguam untuk menuntut keadilan di mahkamah. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri untuk mengambil perhatian terhadap kes ini kerana Suruhanjaya Sekuriti sepatutnya mengambil tindakan terhadap semua kes berkenaan dengan penipuan sekuriti dan tidak harus terhad kepada syarikat tersenarai di Bursa Saham sahaja. Suruhanjaya Sekuriti haruslah menjalankan siasatan terhadap aduan *public* ini dan menegakkan keadilan bagi golongan yang teraniaya dan tertipu ini.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu tentang kerugian berjuta-juta ringgit yang dialami oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Apa yang saya tidak faham ialah dengan kerugian yang berjuta-juta ringgit dan cabaran yang kuat daripada Air Asia ini, MAS seharusnya lebih berhati-hati dengan pengurusan dan menjimatkan perbelanjaannya. Tetapi hairannya MAS masih menghentikan pekerja pramugarinya apabila mereka mencapai umur 40 tahun, manakala pramugaranya diberikan peluang untuk terus berkhidmat dengan MAS sehingga umur 55 tahun.

Tuan Pengerusi dengan menghentikan pramugari MAS pada umur 40 tahun, MAS terpaksa menggunakan banyak perbelanjaan untuk melatih pramugari yang baru dan tiada pengalaman. Kos latihan ini sebenarnya lebih tinggi daripada mengekalkan pramugari yang berpengalaman, yang mencapai umur 40 tahun. Selain itu bagi wanita hari ini, mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas sebenarnya masih kelihatan muda dan bertenaga. Sebenarnya mereka boleh memberi lebih sumbangan kepada MAS berbanding dengan pramugari yang baru dan juga muda. Selain itu cara MAS melayan pramugari yang berumur lebih tinggi ini juga bercanggah dengan prinsip yang menegah diskriminasi berdasarkan jantina yang termaktub dalam Artikel 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Di sini saya juga rasa amat kita puas hati tentang cara MAS yang ingin menuntut kos mahkamah lebih kurang RM100 ribu daripada bekas pramugari Beatrice Fernandez setelah Beatrice kalah dalam kesnya di Mahkamah Persekutuan. MAS sebagai sebuah syarikat yang

besar, pemecatannya terhadap Beatrice atas sebab kehamilannya memang merupakan tindakan yang tidak adil dan menghina wanita.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti sekejap, ya. Kenapakah MAS masih mengehendaki beliau untuk membayar kos mahkamah, Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya, bila mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Seputeh, saya sebenarnya simpati betul bila diberitahu bahawa pramugari yang kerja dengan MAS ini dahulu tidak boleh dapat anak. Walaupun dia kahwin dapat anak itu pun jadi satu kesalahan sehingga itu jadi mangsa dan sekarang ini juga begitu hendak kena ada *time frame*.

Apakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya kalau saya katakan sebenarnya perbuatan yang sedemikian adalah satu perbuatan yang zalim dan menentang hak asasi manusia sebab perkahwinan dalam Islam adalah sebenarnya untuk mendapatkan zuriat, tiba-tiba kita larang dia daripada dapat anak dan MAS ini pula, wanita-wanita yang jadi pramugari ini cantik-cantik, dia laku. Ramai orang naik hendak dekat dia, tiba-tiba tidak dapat anak. *So it defeat the purpose*, kahwin tidak dapat anak. *It's against. At one time* ada *principal* nya begini, *at the other end* dengan izin prinsipnya bercanggah. Macam mana itu Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih atas sokongan Yang Berhormat Ketereh terhadap pramugari MAS. Sebenarnya kes ini juga telah pun dibangkitkan di Dewan yang mulia ini tetapi kesannya MAS masih enggan prihatin terhadap kes ini dan masih meneruskan dasarnya sekarang.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh melakukan keadilan terhadap Beatrice Fernandez dengan membetulkan tindakan-tindakan MAS yang tidak adil dan kurang kemanusiaan ini, Tuan Pengerusi....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Seputeh, apakah Yang Berhormat bagi Seputeh bersetuju dengan saya bahawa MAS di mana telah dibeli balik sahamnya oleh kerajaan ini seharusnya *in the forefront* memperjuangkan kedudukan yang sama di antara kaum lelaki dengan kaum wanita di dalam MAS dan lain-lain, bukannya menyekat kaum wanita untuk maju ke depan.

Apakah dengan kejayaan MAS memenangi begitu banyak anugerah, *Best Cabin Crew*, *Best Service*, *Best at a MAS Lounge*. Ini menunjukkan sumbangan pramugari-pramugari dalam MAS, apakah ini jelas bahawa MAS tidak menghargai sumbangan pramugari ini dan mengadakan syarat-syarat yang mendiskriminasikan pramugari.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Memang ini betul Yang Berhormat Bagi Batu Gajah. Saya berharaplah dengan kerajaan kita yang selalu yang melaung-laungkan Islam Hadhari yang kata ingin mengekalkan keadilan kepada semua ini silalah prihatin terhadap kes ini. Kita lihat Air Asia yang syarat pekerjaannya terhadap pramugari sebenarnya adalah tidak seperti MAS.

Pramugari yang bekerja di Air Asia boleh berkhidmat sehingga umur 55 tahun, dan kalau kita lihat syarikat penerbangan luar negeri seperti Air India sampai 60 tahun dan begitu juga dengan syarikat penerbangan yang lain. Sebenarnya cara MAS, syarat pekerjaan terhadap pramugari ini MAS sebenarnya telahpun membazirkan lebih wang dari segi latihan pramugari yang baru.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang perkara 091100 Warta Kerajaan Wang Tak Dituntut. Saya terima aduan daripada seorang penyimpan wang di Bank HSBC yang mana keretanya hilang dan semua *past book*nya dan juga anak-anaknya yang disimpan di HSBC itu, semua juga hilang bersama. Kerana beliau tidak ingat nombor akaunnya dan detail akaunnya, semua wang yang tersimpan dalam HSBC itupun disimpan ke masuk ke dalam sebagai wang tidak dituntut.

Saya pernah menulis surat kepada Bank Negara tentang hal ini, dan juga peguamnya juga menulis surat kepada Bank Negara pada tahun lepas. Tetapi Bank Negara hanya memberi jawapan bahawa mereka telah mengarah HSBC menyiasat perkara ini tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil. Saya rasa ini amatlah tidak adil kepada mereka yang menyimpan wang di bank perniagaan kerana semua selepas dimasuk dianggap sebagai wang tidak dituntut. Adalah sangat susah bagi penyimpan wang itu mendapat balik wang mereka. Saya berharap Bank Negara akan mengambil perhatian tentang aduan ini yang mana surat kodnya, bilangannya ialah JPB 010545/SAH.

Tuan Pengerusi yang akhirnya saya ingin sentuh dengan isu Bank Islam yang dibangkitkan oleh beberapa ahli Berhormat di Dewan ini yang mana tentang kerugian RM7 ratus juta. Saya hanya nak tanya tentang *offshore financial service authority* di Labuan. Saya hendak tanya, apakah rasional *offshore financial service authority* ini meluluskan pinjaman Bank Islam sebanyak RM450 juta kepada syarikatnya di Sarajevo dan Afrika Selatan. Juga apakah peranan Bank Negara dari segi ini.

Saya ingin tanya siapakah orang yang meluluskan pinjaman bagi projek di Afrika Selatan dan juga Sarajevo dan juga apakah akauntan bukan Islam berkelayakan dibenarkan untuk menyiasat penipuan dan juga penyelewengan dalam sistem perbankan Islam.

Soalan yang akhir ialah, apakah Pengarah ataupun Director dalam PINB ini banker ataupun Ulama'. Apakah mereka berhak untuk memegang jawatan berkenaan dan apakah kriteria pelantikan Pengarah dalam BIMB. Sekian ucapan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pontian.

1445 ptg

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara pada butiran projek 04400 Institusi-institusi Kewangan, 07000 Projek Institut Perakaunan Negara dan juga 021200 Bayaran Untuk Sektor Strategik.

Tuan Pengerusi, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, membentangkan bajet pada tahun 2005, penekanan banyak juga diberikan pada soal akauntabiliti, kebertanggungjawaban. Ini bererti bahawa setiap perancangan yang dibuat itu adalah menjadi tanggung jawab pegawai dan pihak-pihak pelaksana untuk melapor kembali sama ada ianya mencapai matlamat perancangan itu dilaksanakan dan sekiranya berjaya, Alhamdulillah dan sekiranya tidak berjaya, maka menjadi tanggungjawab pihak-pihak yang melaksanakan program-program tersebut untuk menyatakan kenapakah kegagalan ataupun ketidajayanya sesetengah perkara itu dibangkitkan untuk pengetahuan pihak-pihak yang bersetuju ianya dilaksanakan.

Ini bererti bahawa kalau saya rujuk kepada laporan daripada Jabatan Audit. Sebagai contoh berkenaan dengan projek Institut Perakaunan Negara. Penemuan audit menyatakan bahawa sehingga bulan Disember 2004 laporan penilaian tanah bagi 50 ekar pertama, belum dikemukakan kepada pihak audit. Mungkin penilaian tanah bagi 50 ekar pertama ini, mungkin tanah yang diberi oleh kerajaan, bagi tujuan pembinaan institut perakaunan negara ini mungkin lebih daripada 50 ekar. Belum dikemukakan. Dengan itu, sama ada premium yang dibayar oleh Jabatan Akauntan Negara, adalah munasabah tidak dapat ditentukan memandangkan perbezaan bayaran premium untuk kedua tanah lot itu adalah ketara.

Apa yang dibuat oleh jabatan Akauntan adalah menjelaskan kepada jabatan ataupun pihak audit bahawa bagi premium tanah, bayaran adalah berdasarkan kelulusan Exco Kerajaan Negeri. Jabatan Akauntan tidak membuat penilaian. Memanglah, kita pun tahu Tuan Pengerusi, memang Jabatan Akauntan tak membuat penilaian. Kita juga tahu bahawa bayaran premium tanah dibuat adalah berdasarkan kelulusan oleh Exco Kerajaan Negeri kerana ini semua hal tanah adalah hal isu Kerajaan Negeri.

Tetapi takkanlah yang menjadi persoalan di sini ialah takkanlah Jabatan Akauntan Negara menjawab kepada Jabatan Audit sesuatu yang kita semua tahu. Kalau Jabatan Audit pun bertanya sesuatu yang kita semua tahu, bodoh sungguh lah Jabatan Audit ini. Penilaian tanah sudah tentu dibuat oleh Kerajaan Negeri, premium dibayar berdasarkan apa juga penilaian yang dibuat oleh Exco. Maka Jabatan Audit bertanya, dan Jabatan Akauntan pun menjawab perkara yang sebenarnya, apa masalahnya di sini? Di sini, yang patut Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, tahu perkara-perkara seumpama ini.

Jangan ada benda yang terselindung, sebab itu bila dah rugi RM700 juta, barulah perkara ini timbul, barulah perkara ini dibangkitkan, maka memanglah menjadi masalah kepada kita bila Dewan ini membangkitkan, ada setengah merasakan kita terlalu keras dengan

sesetengah pihak. Kita tidak terlebih dahulu mendengar penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh sesetengah pihak.

Tuan Pengerusi, ini juga ada hubung kait dengan soal selain daripada projek Institut Perakaunan Negara, ataupun Institusi Kewangan tadi, ini adalah hubung kait dengan soal bayaran untuk sektor strategik ini.

Saya juga ingin membahaskan 022000, Pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Kelang. Saya pernah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, bahawa salah satu daripada perkara yang menyebabkan sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang itu tidak berjaya adalah kerana sistem *feeder bus* itu. Yang sepatutnya pada peringkat perancangan, ianya melibatkan seribu buah bas. Tetapi setelah setahun lebih ianya dilaksanakan, hanya beberapa buah bas sahaja disediakan menjadikan sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang itu tidak dapat berjaya dengan sepenuhnya. Ini, sebenarnya tidak dapat tak sepatutnya berlaku.

Sebab itu, saya bersetuju dengan beberapa pandangan rakan-rakan bahawa harus ada dari sudut akauntabiliti tadi itu. Harus ada *surcaj*. Somebody harus memikul tugas dan tanggung jawab ini. Seseorang itu harus tidak melakukan sesuatu oleh kerana ianya tidak ada kesan yang langsung, maka mereka merasakan bahawa sesuatu keputusan itu dibuat, maka, kalau silap, dia rasa dia kesallah kesilapan berlaku. Tapi kalau berjaya, merekalah yang paling ke hadapan sekali untuk menerima kredit daripada kejayaan yang diperolehi.

Jadi bajet ataupun saya minta supaya Kementerian Kewangan dalam tiga, empat perkara yang telah saya bangkitkan tadi supaya dapat mengemukakan pandangan mereka agar perkara-perkara yang tidak sepatutnya berulang.

Ada satu, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ini semua cerita soal penswastan lebuhraya. Lebuhraya baru pintas Selat Klang Utara, bayaran pampasan ini, kerajaan tidak habis-habis kerja membayar pampasan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dengan soal penswastan lebuhraya ini. Sebanyak RM8 juta sudah dinilai oleh Kementerian Kerja Raya untuk membayar kepada syarikat lebuhraya baru pintas Selat Klang Utara ini. Kemudian saya difahamkan bahawa syarikat konsesi berkenaan tidak bersetuju dengan jumlah pampasan yang telah diputuskan oleh Kementerian Kerja Raya ini.

Tetapi berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberi, ada dua perkaralah, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang pertama, kalau saya tengok dari segi jajaran ini seolah-olah usaha yang dibuat oleh syarikat-syarikat berkenaan, ianya disusun dan dirancang jajaran tersebut untuk kepentingan mereka, untuk memberi pulangan yang paling maksimum yang mereka rancangkan. Tetapi apabila ada konsesi lain berlaku....

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Lipis.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad:apabila ada cadangan lain yang berlaku, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, maka segala kerugian itu, bukannya dia yang hendak tanggung, sedangkan dia kata dahulu dalam keadaan apa pun hujan, ribut ke apa, dia akan dapat pulangan terbaik melalui jajaran yang baru ini. Tetapi bila kerajaan luluskan jajaran yang lain, inilah kerajaan terpaksa bayar RM8 juta pun, mereka tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Jadi Yang Berhormat bersetuju tidak dengan cadangan saya supaya semua perjanjian konsesi bagi lebuhraya ini dikaji semula kerana kita melihat perjanjian-perjanjian yang ada ini semuanya berat sebelah yang menekan kepada pihak kerajaan. Sepatutnya kalau ikut undang-undang, saya pun tidak faham juga, kita boleh tanya peguam-peguam yang ada dalam Dewan ini. Kalau perjanjian berat sebelah itu terpakai atau tidak. Itu yang penting sebab kita sekarang ini sudah jumlah mendengar dengan pampasan-pampasan yang dibayar oleh kerajaan kepada konsesi lebuhraya ini.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Pertama, biarlah kita mengharapkan supaya penswastan yang akan datang ini, contohnya Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya, Putrajaya-KLIA, kerajaan akan berbelanja lebih RM400 juta untuk membayar pampasan bagi pengambilan balik tanah. Kemudian kita difahamkan bahawa lebuhraya tersebut akan dikenakan tol. Kerajaan sudah keluar duit, bayar pampasan, kemudian ada sebahagian daripada lebuhraya berkenaan kosnya ditanggung oleh kerajaan tetapi yang malangnya hendak letak tol lagi.

Besok bila jumlah kenderaan tidak mencukupi seperti mana yang dibuat jangkaan tersebut, sekali lagi kerajaan kena keluar duit lagi, macam ini pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan kerajaan hendak keluar RM750 million ini. Kita tidak tahu banyak sudah yang mana rel atau tayarnya dia jatuh atas jalan raya, timpa kereta, apa semua, Yang Berhormat, itu kita tidak ambil kira.

Jadi sekarang ini kita harap, Yang Berhormat bagi Lipis, yang sudah itu saya tidak pasti. Ini kita ada banyak bijak pandai di Jabatan Peguam Negara, di Kementerian Kewangan pun tidak kurang hebatnya. Yang akan datang ini, perjanjian penswastan untuk konsesi bagi lebuhraya-lebuhraya yang baru termasuklah apa juga bentuk penswastan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Seperti pengangkutan awam di Lembah Klang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cukup.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sedikit lagi, Kalau boleh janganlah berlaku atau berulang sekali lagi keadaan-keadaan di mana kita melihat setiap kali perbelanjaan berbilion ringgit kita sediakan semata-mata kerana hendak membolehkan

projek itu berjalan, maka kerajaan tampung dahululah, bayar dahulu. Jadi adik-adik daripada MPP UiTM, selamat datang ke Parlimen pada petang ini dan kita harapkan supaya bajet yang tertera di bawah Kementerian Kewangan ini akan dapat mengatasi perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Sekian terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ketereh.

2.56 petang

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil peluang untuk berbahas di peringkat jawatankuasa ini. Saya hanya tiga tajuk kecil iaitu tajuk-tajuk B.11 – 120000 pertamanya iaitu Tabung Wang Amanah Pelajaran Miskin. Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta untuk memberi bantuan kepada rakyat termiskin atau pelajar miskin di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah dan setahu saya sekolah rendah sahaja.

Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sekali lagi dalam bajet ini telah menyediakan peruntukan yang begitu besar untuk perkara ini dan ini telah memberikan satu impak yang sangat baik kepada rakyat di luar bandar terutama orang seperti saya di kawasan kampung yang mana peruntukan ini telah membantu pelajar-pelajar kita untuk meneruskan pengajian. Selama ini kita lihat di sekolah-sekolah luar bandar banyak masalah kemiskinan ini tidak dapat diatasi tetapi dengan adanya Tabung Wang Amanah Pelajar Miskin untuk tahun 2006 sebanyak RM200 juta, saya yakin masalah ini boleh diatasi.

Cuma ada beberapa masalah yang ingin saya tekankan di sini iaitu dari segi kaedah pelaksanaannya. Duit RM200 juta ini adalah sebenarnya siling tetapi dalam kaedah pelaksanaan, sekolah-sekolah dikehendaki menghantar nama-nama pelajar ini terlebih dahulu. Kalau hendak bagi tahun 2006, nama dihantar pada tahun 2005 dan sekolah akan membuat bancian di sekolah masing-masing. Tetapi yang menjadi masalahnya ialah ada guru-guru besar yang cerdik, dia akan menyenaraikan semua murid sekolah dia sebagai pelajar miskin. Ada guru besar pula yang ikut *to the rule*.

Jadi akhirnya bila sampai ke sekolah, ada sekolah yang berdekatan, sekolah A 100% murid dia dapat bantuan wang amanah ini atau KWAM ini tetapi di sebelah sekolah yang lain pula hanya dapat 50 orang, sedangkan dari segi pendapatannya, ia hampir sama. Saya minta supaya kerajaan memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku. Biarlah data kemiskinan ini lengkap dan yang patut dapat mesti dapat, yang tidak patut dapat tidak dapat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya bersetuju keadaan ini berlaku di kawasan saya iaitu di pedalaman, di luar bandar. Apabila ini berlaku, saya bertanya dengan guru-guru besar sebab di kalangan lebih kurang 50 sekolah, 10 sekolahnya 100% dapat, tetapi yang 40 itu, ada 30, ada 40. Saya tanya sebab ibu bapa dia mengadu "Anak saya tidak dapat, sedangkan saya miskin. Tengok rumah saya, atap pun tidak ada". Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya tabung amanah ini juga dikongsi bersama dengan wakil-wakil rakyat supaya tidak terlepas pandang mereka yang berkeperluan. Minta pandangan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terbukti di Parlimen ini kita mempunyai keselarasan pemikiran. Sebenarnya saya hendak pergi ke situ juga. Maksud saya, perlu ada penyelarasan yang terperinci di peringkat bawah, tidak boleh dibiarkan kepada sekolah sahaja. Penglibatan wakil rakyat hendaklah diambil kira kerana rakyat bila mengadu dia tidak pergi kepada guru besar, dia akan datang kepada wakil rakyat dan kita tidak ada kuasa untuk memasukkan nama orang yang tertinggal atau mengeluarkan nama orang yang terlebih. Tetapi kalau kita dimasukkan dalam jawatankuasa ini, maka tentu sekali pembahagian ini akan lebih adil, rakyat termiskin atau yang miskin akan dapat bantuan dan yang tidak patut akan tidak patut.

Sebab ada juga sesetengah ibu bapa dia makan gaji tetapi dia masukkan anaknya sebagai duduk dengan datuk atau duduk dengan nenek. Akhirnya dia dapat bantuan. Orang lain yang miskin tidak dapat. Dalam hadis mengatakan, orang yang mengambil hak orang lain ini, terutama hak orang miskin ini bila di akhirat nanti dia bila dipanggil untuk menghadap Tuhan, dia akan luruh daging muka dia dan dia akan berjalan tempang. Ini patut diberitahu kepada masyarakat, itu yang pertama. Jadi saya hendak minta supaya kerajaan mengkaji secara terperinci agar dasar utama kerajaan untuk membantu rakyat termiskin dengan tabung wang amanah ini sampai kepada matlamatnya. Itu yang penting.

Yang kedua, tajuk yang kedua ialah B.11, Butiran 030000 atau dengan 030100 - Tuntutan Kerana Kemalangan Kereta Kerajaan. Ini saya hendak sebut fasal kemalangan ini sebab kita akan menghadapi Hari Raya tidak lama lagi, hari ini kita akan balik ke kampung. Saya hendak *quote* semalam kami berbuka puasa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di antara *gist* ucapan yang disebutnya ialah kita menghadapi satu masalah besar di negara ini iaitu "*Kita sudah mula takut untuk berada di jalan raya. Pada satu ketika dahulu kita takut hendak biarkan anak kita masuk ke dalam hutan takut dimakan harimau atau dimakan binatang buas.*" Ini ayat Perdana Menteri, dia sebut semalam.

Tetapi sekarang saya sendiri merasai ini, apabila anak kita bawa kereta, kita pesan berkali-kali bahawa bawalah hati-hati, bawalah hati-hati sebab kita takut dia pergi balik ada masalah. Ini berlaku secara rambang dan terlalu besar di Malaysia. Saya tidak faham kenapa ini boleh berlaku. Apakah kita kerana generasi pertama pembawa kereta maka kita bawa kereta gila-gila atau kerana kita sistem pemberian lesen kita, sistem penguatkuasaan kita dan pelbagai

sistem yang bersabit dengan kenderaan ini sebenarnya tidak tepat. Kemalangan terlalu banyak, ini hendak raya ini, akan adalah OPs apa ini? OPs Rayalah, OPs itu, OPs ini, tetapi akhirnya apabila habis raya dua minggu, berpuluh ribu orang mati, cedera. Kenapa jadi begini dan kerajaan sebenarnya terpaksa berbelanja besar untuk tabung kemalangan kereta kerajaan. bagaimana dengan kereta orang lain.

Susah kita begini. Bahkan ada kawan-kawan saya sebut, dalam negara kita ini, ramai polis mati kerana *accident* daripada polis mati kerana menentang penjahat. Ramai tentera mati kerana *accident* daripada mati perang. Sampai begitu sekali. Okey, [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, isu ini menjadi isu masyarakat di mana kita melihat di negara-negara lain, di South Afrika dan lain negara miskin, mereka mati kebuluran, tetapi dalam negara kita, mati di tengah jalan raya dan hari-hari ada dan berkemungkinan perayaan Hari Raya ini akan meningkat lagi kematian di jalan raya. Jadi apakah Yang Berhormat mencadangkan mungkin sistem baru pendekatan baru yang dilaksanakan oleh JPJ mungkin pemandu-pemandu baru ini di bagi motivasi dengan secukup-cukupnya supaya mereka berdisiplin di jalan raya. Kalau undang-undang tidak akan memastikan mereka tidak akan melanggar undang-undang tersebut.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, saya memang ada cadangan, saya akan ke situ sekejap lagi. Sebelum daripada itu, sebelum daripada pergi ke situ. Pemerhatian saya melihat negara kita ini jadi masalah begini, saya rasa kerana kita adalah generasi pertama bawa kereta. Orang pertama bawa kereta. Di negara Barat, generasi yang ada sekarang ini adalah generasi keempat dan kelima sudah biasa dengan kereta. Dia tidak gopoh, tidak gelojoh, sebab kereta ini sudah perkara biasa kepada dia. Tetapi Malaysia generasi pertama atau mungkin generasi kedua. Mungkin tidak lama lagi, kita akan jadi lebih baik. Saya hendak mencadangkan beberapa perkara kepada kerajaan untuk mengelakkan daripada kemalangan ini berlaku. Yang pertama sekali, penguatkuasaan kita mesti betul. Di sini kita silap, ini saman ekor. Saman ekor sebenarnya bukan penguatkuasaan, rakyat tengok saman ekor ini seolah-olah kerajaan tidak ada duit, hendak cari duit. Itu pandangan daripada rakyat.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya, betul.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya bagi tahu, orang kata kerajaan tidak ada duit sangatkah sampai saman ekor dan yang memalukan kita apabila saman ekor, kemudian maafkan, saman ekor, maafkan, saman ekor, maafkan. Sebab tidak ada *legal binding*. Saya rasa sistem ini tidak betul. Kalau kita hendak menguatkuasakan soal orang kalau didapati bahawa *accident* ini kerana orang bawa laju, atau bawa kurang ajar, maka penguatkuasaan mesti betul. Mesti kita pastikan bahawa penguatkuasaan ini betul-betul dan jangan polis kita bagi kompromi lagi. Ada kawan saya.

Tuan Pengerusi: Sudah cukuplah.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ketereh saya cuma ingin mendapatkan pandangan, penjelasan. Kalau dalam keadaan di mana hari-hari perayaan tentu ada banyak kereta yang akan lalu di satu-satu jalan raya. Kalau saman dikeluarkan dengan cara biasa iaitu di mana polis akan mengadakan *road block* ataupun menahan kereta-kereta tersebut. Bukankah ini boleh mengganggu laluan trafik itu dan boleh menyebabkan kesesakan jalan raya yang lagi teruk, bagaimana pandangan?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya faham itu masalahnya tetapi pada saya kalau pun dia kerosakan yang teruk, yang penting ialah menyelamatkan nyawa. Apa tujuan kita sebenar. Kita hendak menyelamatkan nyawa, atau hendak mengurangkan *accident*. Saya hendak bagi contoh di luar negara. Di luar negara dia tidak ada kompromi. Dia datang, kalau dia tahan kita, saya pernah mengalami, dia datang dekat kita, "*Accuse me sir*" dengan izin "*I have to give you a ticket?*" "*Why?*" "*You were speeding.*" Tidak ada kompromi, dia tulis, saman dia bayar. Tempat kita ini macam-macam dia punya alasan itu dan ini. Saya hendak minta satu terutamanya agensi penguat kuasa mesti betul-betul menguatkuasakan undang-undang supaya rakyat kita ini, kalau orang kita di Malaysia ini, sebenarnya penguatkuasaan ini yang leceh. Yang kedua, kena payahkan hendak keluar lesen, Tuan Pengerusi. Saya nampak lesen ini, ada agensi, tetapi lesen keluar mudah sahaja. Yang banyak *accident* sebenarnya pemandu-pemandu muda yang baru dapat kereta dia excited, dia gelojoh, dia hendak masuk zikzak hendak jadi macam F1 Litar. Akhirnya dia bertemu dengan *accident*. Jadi penguatkuasaan nombor satu, yang kedua perpayahkan untuk dapat lesen.

Yang ketiga, ini yang lebih penting pendidikan di peringkat sekolah. Pendidikan bahawasanya keselamatan nyawa adalah yang utama, sikap dan *attitude* pelajar. Yang ini tidak disebut di sekolah. Bagaimana kita menjadi seorang yang berjiwa besar dan prihatin. Petang semalam, saya hendak pergi buka puasa di PWTC ada jam. Saya dihipit oleh sebuah bas. Bas pun boleh hendak mencelah ini. Bas yang begitu panjang, dia boleh hendak buat macam kereta, dia pusing. Akhirnya dihipit kereta Volvo buruk saya, patah saya punya *side mirror* dan punya kurang ajar dia tidak berhenti sebab dia besar, dia tidak berhenti dan tidak minta maaf. Akhirnya saya terpaksa kejar, dan saya hendak kata jadi *road bully* tidak juga, saya pergi depan bas, saya berhenti depan bas. Saya pasang *hazard lights* saya hendak paksa drebar itu turun. Akhirnya *it cause a little traffic* jam dekat jalan Chow Kit sebab saya rasa saya hendak ajar drebar ini. Akhirnya drebar itu turun dan saya panggil dia datang sini. Saya kata, 'You puasa ke tidak?' Kebetulananya orang Melayu, katanya "Saya puasa".

Saya bagi tahu dia bahawasanya "Tengok, awak bawa bas, awak bukan bawa mini bas atau bawa kereta kecil, awak bawa bas macam mana boleh buat macam ini? Saya tidak hendak bergaduh dengan you, tetapi saya hendak bagi tahu, *you should have a courtesy to say sorry*. Kena minta maaf, you buat, tengok patah kereta ini, harga ini RM500. Saya minta dengan you adalah zalim bagi saya, saya minta. Kalau *report* polis ada masalah besar, polis dengan failnya

beribu-ribu'." Jadi dia punya sombong, ini yang saya hendak kata pendidikan, dia punya sombong, "Kalau macam ini kita report polislah." Nasib baiklah saya rasa saya berpuasa, saya panggil dia masuk dalam kereta, saya tanya "Nama kamu siapa?" Dia bagi nama, bagi IC, saya tanya "Kamu duduk di mana? Malam ini lepas tarawih saya hendak pergi ke rumah, saya hendak tengok keluarga kamu, hebat macam mana, besar macam mana banyak duit mana, kenapa sampai jadi kurang ajar begini. Syarikat tidak ajarkah kamu?"

Ini maksud saya *courtesy* tidak ada kepada pemandu-pemandu jalan raya kita dan kita pengguna mesti diajar. Akhirnya dia minta maaf. "Saya minta maaf." Dia tidak tahu saya siapa. Saya bagi tahu dia, "Adik, saya ini sudah tua, saya pakai tie. You ingat orang pakai *tie* ini takut matikah? Orang pakai tie ini lebih takut mati daripada awak itu. Nyawa awak satu, nyawa saya pun satu. You jangan ingat you seorang sahaja samseng dalam dunia ini. Banyak orang samseng lain. You buat salah, you kena minta maaf." Dan akhirnya dia minta maaf. Dia nampak saya bersungguh, dia minta maaf. Saya kata "Masa saya muda, saya pernah kejar sampai ke rumah, sekarang you masuk dalam kereta saya, you minta maaf." Akhirnya dia minta maaf. Saya kata "Awak bawa bas itu kalau awak langgar kereta, kalau awak langgar budak, kalau awak langgar motosikal macam mana?" Ini maksud saya. Kadang-kadang kita tidak pastikan perkara ini berlaku. Ini hanya boleh dibuat melalui pendidikan dan pendidikan ini adalah amat penting.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Masa cukup?

Tuan Pengerusi: Cukup sudah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Sedikit lagi, saya hendak sebut B.11, Butiran 022000 - Pelaksanaan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam di Lembah Klang - RM750 juta untuk menyusun semula perjalanan jalan-jalan dalam bandar raya ini. Tahniah kepada kerajaan, hendak belanja begini banyak, tetapi saya hendak pesan, hendak ingatkan kepada Kementerian Kewangan dalam perbelanjaan yang begini banyak, banyak kali sudah kita belanja duit, tetapi masalah ini tidak selesai juga. Saya cuma hendak minta kalau, kita boleh belanja begini banyak untuk buat dalam bandar, kenapalah tidak boleh duit yang sebegini banyak juga *extend*. Sekarang buat Lebuhraya Pantai Timur, kenapa berhenti dekat Terengganu, sambunglah ke Kelantan. Orang Kelantan pun hendak rasa juga lebuhraya. Bawalah sampai ke sana. Janganlah fikir, semua pembangunan dalam bandar bawa ke Kuala Lumpur sahaja.

Kuala Lumpur lah dapat segala-galanya. Tetapi sebenarnya Kuala Lumpur sendiri belum tahu semua orang Kuala Lumpur mengundi Barisan Nasional dan mengundi rakyat. Kita mesti pertahankan orang kampung, mempertahankan orang di luar bandar yang selama ini tidak putus-putus mempertahankan kerajaan ini dan mempertahankan Barisan Nasional untuk terus menjaga negara ini, saya pohon menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

3.10 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa.

Saya ingin menyentuh Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 11, Butiran 021700 - Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Anggaran untuk tahun 2006 adalah RM21 juta. Tuan Pengerusi, Alam Flora diberi konsesi untuk menguruskan sisa pepejal di zon tengah, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Selangor termasuk juga zon timur, iaitu meliputi kawasan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Setiap hari Tuan Pengerusi, pembuangan sisa pepejal oleh rakyat Malaysia adalah lebih kurang 7,100 tan sehari dan 2,600,000 tan setahun. Maka pengurusan sisa pepejal ini merupakan salah satu perkara yang amat penting untuk memastikan kualiti hidup rakyat, kebersihan kawasan dan sebagainya.

Maka adalah penting kita memastikan syarikat-syarikat yang menguruskan sisa pepejal ini menjalankan tugas dengan baik. Sehingga hujung tahun lepas Tuan Pengerusi, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Alam Flora untuk pengurusan sisa pepejal adalah seperti berikut, iaitu di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hanya ada satu *landfill*, di Selangor ada lima *landfill*, di Pahang ada 12 *landfill*. Bagaimanakah mereka menguruskan sisa pepejal di kawasan negeri Kelantan dan Terengganu, di mana *landfill* mereka? Itu yang pertama, kerana perkara yang amat penting dan kita anggarkan bahawa sekurang-kurangnya untuk kelima-lima kawasan ini jumlah *landfill* yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya 14 *landfill* untuk menguruskan sisa pepejal.

Oleh itu saya hendak tanya, bagaimanakah Alam Flora ini menguruskan sisa pepejal di kelima-lima kawasan ini? Dan buat masa sekarang ikut laporan tahun 2004, hanya terdapat satu *transfer station* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan jumlah *transfer station* yang diperlukan untuk pengurusan sisa pepejal adalah lebih kurang 27 di kelima-lima kawasan ini. Maka saya hendak tanya bilakah kemudahan *transfer station landfill* akan disediakan oleh Alam Flora supaya memastikan semua pengurusan sisa pepejal dapat berjalan dengan lancar dan baik?

Tuan Pengerusi, mungkin Alam Flora akan menghadapi masalah, kerana masalah dari segi penswastan pengurusan sisa pepejal ini yang belum diselesaikan dan maka itu, saya hendak tanya pihak Kementerian Kewangan, apakah status sekarang tentang penswastan pengurusan sisa pepejal ini, dan bilakah akan dilaksanakan? Apakah rancangan dalam masa yang terdekat supaya masalah pengurusan sisa pepejal ini dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin?

Perkara yang kedua, yang saya hendak bangkitkan ialah Maksud Bekalan 11, Butiran 010200 - Bayaran Sewa Kereta Saloon Jabatan-jabatan Kerajaan. Tiga empat tahun yang lalu, kita masih ingat terdapat persoalan yang ditimbulkan di mana kerajaan bercadang hendak

mengkaji semula tentang perjanjian yang telah diterangkan di antara kerajaan dan juga syarikat kereta sewa iaitu Spanco. Masa itu kerajaan mengatakan bahawa beban sangat untuk membayar sewa yang begitu tinggi kepada syarikat Spanco, maka diuruskan, adakan mesyuarat untuk mengkaji semula *condition* ataupun syarat-syarat di dalam perjanjian tersebut dan tahun ini, anggaran 2005 perbelanjaan bayaran sewa adalah RM975,000, dan untuk tahun akan datang, dijangka adalah RM1,700,000. Maka ini merupakan satu kenaikan yang sangat tinggi. Oleh itu saya hendak bertanya, apakah penjimatan yang telah diperolehi oleh kerajaan selepas mengadakan penswastaaan, bayaran penyewaan kereta saloon oleh jabatan-jabatan kerajaan kepada syarikat-syarikat yang menyewakan kereta kepada kerajaan?

Sepatutnya apabila penswastaaan ini dibuat, maka kerajaan akan dapat menjimatkan lebih banyak duit, itu perkara yang kedua yang dibangkitkan. Perkara yang ketiga adalah Maksud Bekalan 10, Butiran 010400 - Pengurusan Pinjaman Perumahan. Sejak tahun 1970, kerajaan telah mengeluarkan pinjaman perumahan sejumlah RM27 bilion dalam usahanya memberi kemudahan kredit kepada kakitangan awam memiliki rumah. Hampir 16 ribu kakitangan awam telah mendapat faedah daripada kemudahan itu, dengan pembayaran balik dibenarkan dalam tempoh sehingga 25 tahun. Masalahnya Tuan Pengerusi, ekoran kelewatan pengeluaran wang kepada pemaju oleh Bahagian Pinjaman Perumahan telah menyebabkan pihak berkenaan ataupun pihak pemaju mengenakan faedah ke atas pembeli, iaitu kakitangan awam. Walaupun kakitangan awam boleh membuat rayuan kepada pemaju untuk dikurangkan faedah ataupun dibatalkan, tetapi ia bergantung kepada budi bicara pemaju. Contohnya kes kakitangan awam bernama Puan Liew Poh Kah @ Liaw Poh Kah, rujukan fail Bahagian Pinjaman Perumahan EP 2135/2002/03.

Beliau sebagai pembeli harta daripada Faber Union Sdn. Bhd., beliau dikenakan faedah kelewatan bayaran kemajuan sebanyak RM1209.63 sen. Bahagian Pinjaman Perumahan telah menulis surat rayuan kepada pemaju dan saya petik, "Memandangkan kelewatan ini bukan disebabkan oleh pihak peminjam, dan tidak disengajakan oleh pihak BPP, saya mohon kerjasama dan pertimbangan khas tuan, agar pihak tuan dapat menimbangkan cadangan supaya peminjam ini tidak dikenakan faedah". Kemudian, pemaju membalas surat BPP dan menyatakan saya petik, "Dukacita dimaklumkan bahawa permohonan puan untuk mengecualikan caj faedah lewat sebanyak RM1209.63 sen untuk membeli di atas tidak diluluskan". Pihak swasta tidak menguruskan permohonan kerajaan dan pihak BPP tidak menanggung bayaran tambahan seperti caj faedah lewat, dan kakitangan awam tidak ada pilihan dan terpaksa membayar faedah tersebut untuk mendapatkan kunci rumah. Kakitangan awam tidak seharusnya dibebankan lagi dengan pembayaran faedah denda lewat kerana mereka telah pun menanggung beban hutang bayaran balik pinjaman perumahan. Dalam kes tersebut kerajaanlah yang patut menanggung bayaran denda lewat berkenaan. Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Loh Seng Kok: Saya akan ringkaskan. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu, selain daripada kes di atas, pelbagai kes kakitangan awam sedemikian lagi yang tidak dilaporkan, berapakah jumlah caj faedah lewat bayaran kemajuan yang dikenakan dan berapakah denda lewat yang ditanggung masing-masing oleh pihak BPP dan pembeli atau kakitangan awam? Apakah pihak kerajaan seharusnya mengkaji semula sistem penyampaian yang kurang efisien dalam hal ini, kerana kerenah birokrasi dan proses kerja yang melibatkan para pegawai dengan beberapa peringkat menyukarkan lagi sistem penyampaian yang cekap dan cepat.

Tuan Pengerusi, untuk Bahagian Pinjaman Perumahan membuat penyediaan baucar bayaran memerlukan 14 hari dan tiga hari untuk pengeluaran cek. Pemaju hanya memberi tempoh 14 hari kepada pembeli rumah menjelaskan bayaran kemajuan, maka masa diperlukan oleh pihak kerajaan menyediakan baucar dan mengeluarkan cek lebih panjang daripada tuntutan pemaju.

Maka saya rasa pihak BPP harus melihat bagaimanakah kita mengubah, mengkaji semula sistem penyampaian kerajaan ini dan saya hendak rujuk perkara ini sebab saya lihat data aliran kerja, penyediaan baucar bayaran oleh BPP melibatkan beberapa Pegawai Pembantu Tadbir Baucar (PT B 01) lepas itu PTB 02, lepas itu Penolong Pegawai Tadbir Kanan Baucar, (PPTKB 01) lepas itu, Penolong Pegawai Tadbir Baucar (PPTB 09), lepas itu Pembantu Tadbir Baucar (PTB 32). Ini hanya penyediaan baucar bayaran. Lepas itu ada lagi proses pengeluaran cek yang hendak diuruskan oleh BPP ini. Iaitu melibatkan enam pegawai, Pembantu Tadbir Unit A (01), lepas itu PTA 1(02), lepas itu PTA 1(09), lepas itu Operator Mesin Pemprosesan Getah (OMPT) 01, selepas itu pula dihantar kepada PTA 1(15) dan PTA 1(26).

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loh Seng Kok: Begitu panjangnya proses pengeluaran cek dan penyediaan baucar. Maka saya mintalah pihak Bahagian Pinjaman Perumahan dapat mengkaji semula, kalau tidak akan banyak kakitangan awam akan dikenakan kelewatan denda sedemikian. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bera.

3.21 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 04400 - Institusi-institusi Kewangan. Kerugian RM700 juta Bank Islam amat memalukan, ia bukan sahaja menjejaskan imej bank tapi juga menjejaskan imej negara dan umat Islam seluruhnya dan saya kira perhatian yang serius dan tindakan yang tegas mesti diambil kepada pihak yang terlibat. Ini kerana kerugian besar di dalam bank ini bukan merupakan yang pertama kali berlaku di dalam negara kita. Dulu kita dikejutkan dengan kerugian yang besar dalam Bank Bumiputera, dan sekarang desas-desus di dalam *market* mengatakan BSN juga, Bank Simpanan Nasional juga mengalami masalah kerugian yang besar dan juga mengalami masalah kewangan yang besar. Jadi kita nak dengar jawapan daripada

pihak Kementerian Kewangan sama ada benar atau tidak BSN juga mengalami masalah kerugian yang besar.

Akibat kerugian daripada Bank Islam, kesan secara langsung adalah kepada Bank Islam sendiri kerana ia tentu sahaja akan menyebabkan wujudnya krisis keyakinan terhadap institusi Bank Islam. Pendeposit, rakyat, tentu sahaja akan hilang kepercayaan daripada Bank Islam dan di dalam negara kita rakyat mempunyai alternatif, rakyat yang ingin menyimpan di dalam bank yang mempunyai sistem Islam, mempunyai alternatif kerana di dalam negara kita bank komersial juga mempunyai dua sistem iaitu *Islamic Banking* dan juga sistem konvensional yang biasa.

Ini menyebabkan rakyat boleh membuat pilihan, jika rakyat sudah tidak yakin kepada Bank Islam, rakyat boleh memilih bank-bank komersial yang menjalankan *Islamic Banking* dan saya takut akibat daripada kerugian ini jika tidak diberi perhatian serius Bank Islam juga akan menghadapi masa depan yang gelap di dalam negara kita ini. Kepada negara kita, yang selama ini dipandang tinggi sebagai salah satu negara yang mempunyai majoriti penduduk Islam yang besar, yang mula mempelopori Bank Islam, sekiranya kita juga menghadapi masalah imej dan juga menghadapi masalah persaingan. Kalau kita lihat selain daripada Bank Islam di negara kita, Singapura juga sekarang telah pun memulakan institusi Bank Islam mereka sendiri, Bahrain juga sekarang telah pun memulakan institusi Bank Islam mereka sendiri. Dengan ini, kita juga akan menghadapi persaingan yang besar bukan sahaja di dalam negara tapi juga persaingan daripada bank-bank Islam di luar negara.

Tuan Pengerusi, saya kira kita tidak boleh berdiam diri dalam soal ini. Tindakan atau penyelewengan yang berlaku bukan sahaja merugikan bank Islam tetapi menjejaskan dan merugikan imej umat Islam dan negara kita. Satu tindakan tegas mesti segera diambil, mereka yang menyeleweng perlu dihadapkan segera, rakyat perlu tahu apa yang sebenarnya berlaku, BPR pihak badan pencegah rasuah, kita diminta supaya segera menyasat perkara ini dan mereka yang bertanggungjawab mesti dihadapkan segera ke mahkamah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Boleh saya mencelah? Tuan Pengerusi, dan juga Yang Berhormat bagi Bera. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat benar-benar yakin ada penyelewengan dalam kes Bank Islam ini kerana kita sedia maklum dalam *the new financial environment* ini, dengan izin, banyak perkara-perkara yang mungkin berlaku di luar daripada jangkaan pengurusan dan juga lembaga pengarah, dan kadang-kadang apabila sesuatu keputusan dibuat, ia berdasarkan kepada fakta-fakta yang mendukung kepada sesuatu pre pinjaman dan sebagainya.

Dan, sekiranya keputusan tersebut dibuat dengan jujur kemudian dia timbul masalah, adakah itu menjadi satu masalah bagi bank tersebut dan juga adakah pengurusan bank tersebut dan juga lembaga pengarahnya patut dipertanggungjawabkan ke atas perkara-perkara yang di luar daripada jangkaan ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Pulau. Memang benar di dalam setiap perniagaan ada untung, ada rugi, memang benar. Bank dari segi memberi pinjaman juga kadang-kadang memberi pinjaman dengan niat yang baik tetapi oleh sebab syarikat yang meminjam mengalami kerugian, mereka juga tidak mampu untuk bayar, kita tidak nafikan perkara ini berlaku. Tetapi dalam soal ini, sebab itu saya katakan bahawa rakyat perlu tahu apa yang sebenarnya berlaku. Bank Negara mesti mengeluarkan laporan dengan terperinci mengenai apakah sebab berlakunya kerugian yang begini besar, jika tidak rakyat akan tertanya-tanya adakah berlaku kerana masalah perniagaan yang biasa atau berlaku kerana berlakunya penyelewengan. Sebab itu saya minta tadi bahawa BPR mesti segera menyasiat supaya rakyat segera dapat tahu bahawa ada berlaku penyelewengan atau benar-benar apa yang berlaku adalah *business transaction* biasa yang menyebabkan bank berlaku kerugian dan sebagainya. Jadi, jika perkara ini tidak disegerakan maka krisis keyakinan rakyat akan terus berlaku.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Apa dia, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sikit lagi, Tuan Pengerusi, ya. Jadi akhirnya, Tuan Pengerusi kerana masa telah cukup, saya ingin mengemukakan beberapa persoalan. Yang pertama, bagaimana perkara ini berlaku sedangkan Bank Negara mempunyai sistem pengawalan dan pengurusan di bawah Jabatan Pengawalan Pengurusan. Apakah jabatan ini tidak berfungsi? Mengapa boleh wang dikeluarkan begitu banyak sehingga tidak mampu dikesan oleh Jabatan Pengawalan dari Bank Negara? Jika Jabatan Pengawalan berfungsi mereka mesti tahu lebih awal tentang pengeluaran wang ini tapi bagaimana boleh lepas perkara ini.

Itu saya nak tahu fungsi, saya hendak tanya pihak Kementerian apakah fungsi Jabatan Pengawalan di Bank Negara? Mengapa mereka tidak dapat mengesan perkara ini berlaku? Begitu juga dengan lembaga pengarah, bagaimana lembaga pengarah bank, Lembaga Pengarah Bank Islam begitu alpa dan boleh membiarkan perkara yang berlaku tanpa dikesan. Dan, soalan ketiga saya, saya dah sebut tadi mengenai BSN, saya hendak minta penjelasan, minta kepastian daripada pihak Kementerian Kewangan, apakah benar BSN juga mengalami masalah kerugian yang besar seperti mana yang dialami oleh Bank Islam. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya beri Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dulu, ya.

3.29 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap berkenaan Kepala 12000 - Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang diperuntukkan sebanyak RM200 juta pada tahun 2006 yang akan datang ini. Sebelum saya menyokong untuk meluluskan peruntukan ini, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri khususnya yang telah ada bersama-sama kita ini. Pada tahun 2005 dahulu telah pun

diluluskan sebanyak RM200 juta iaitu sama dengan tahun 2006. Daripada RM200 juta tersebut, saya ingin tahu negeri manakah yang paling banyak sekali menerima wang daripada Kumpulan Wang ini? Dan negeri mana yang paling sedikit mendapat peruntukan ataupun pelajar yang menerima bantuan daripada wang kumpulan ini dan sebabnya saya melihat sekarang ini sewaktu kita berbincang hal-hal yang lain yang tidak melibatkan dengan kewangan ini masing-masing menidakkan kemiskinan di negeri masing-masing, malah semuanya menuduh Kelantanlah yang rakyat paling miskin.

Bila bapa miskin, anak pun miskin, pelajar pun miskin tetapi sewaktu mengagihkan wang ini masing-masing memohon bantuan lebih banyak daripada negeri Kelantan nampaknya. Sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak menteri apakah perkara yang saya sebutkan ini berlaku iaitu sewaktu dalam keadaan biasa semuanya menuduh Kelantan negeri miskin, rakyat miskin, pelajar miskin. Sewaktu memohon bantuan mengeluarkan wang daripada kerajaan masing-masing melupakan diri yang negeri mereka itu dahulu mereka mengatakan negeri mereka tidak miskin tetapi untuk mendapat kewangan ini sanggup mengaku di hadapan menteri atau pihak kerajaan supaya mendapat bantuan yang lebih banyak daripada negeri Kelantan.

Jadi saya minta supaya menteri beri penjelasan terlebih dahulu sebelum saya hendak menyokong perkara ini. Kalau kita lihat di Kelantan misalnya kita tidak boleh menyalahkan kerajaan Kelantan - kerajaan PAS Kelantan sekarang ini yang tidak dapat menurunkan dengan begitu banyak peratus kemiskinan kerana UMNO sendiri pun memerintah Kelantan daripada tahun 1978 sehingga tahun 1990 kita lihat jarak 12 tahun UMNO memerintah pun tidak begitu banyak penurunan kadar kemiskinan di Kelantan ini dan PAS sekarang memerintah selama 13 tahun kita lihat kalau peratus waktu UMNO memerintah 12 tahun dengan waktu PAS memerintah 13 tahun sudah tentulah sekarang ini lebih banyak penurunan peratus kemiskinan ini daripada apa yang diperintah oleh UMNO dahulu.

Tetapi perkara ini dilupakan seolah-olah PAS sahaja memerintah Kelantan UMNO tidak pernah memerintah Kelantan ini. Baik, itu satu persoalan kemudian saya ingin pula menyentuh berkenaan dengan peruntukan bawah 021400 Bekalan Air Luar Bandar sebanyak RM 212 juta ini tahun lepas 2005 *token* tahun ini nampaknya RM 200 juta diperuntukkan. Saya mintalah oleh sebab ini bekalan air luar bandar walaupun berada di bawah peruntukan Kepala B 11 tidak di bawah Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya pengagihannya lebih banyak kepada Kelantan khususnya ialah kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah yang sentiasa berdiri menyebut tentang keadaan air di Tanah Merah cukup-cukup tidak memuaskan walaupun kerajaan Kelantan sekarang bertungkus-lumus untuk memperbaiki pulih loji-loji air hasil daripada kerajaan persekutuan telah memberi pinjaman kepada kerajaan Kelantan untuk membolehkan air yang empat lima tahun dahulu telah menjadi heboh.

Walaupun sekarang ini tidak jadi heboh di akhbar-akhbar oleh sebab semua wartawan-wartawan akhbar, media massa telah mengetahui kerajaan Kelantan sedang bertungkus-lumus untuk membaik pulih kedudukan air di Kelantan ini dan negeri lain nampaknya sekarang ini menjadi masalah tetapi oleh sebab Yang Berhormat bagi Tanah Merah sentiasa tidak berpuas hati maka saya minta pihak kementerian ini supaya membanyakkan agihan kepada Tanah Merah melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan supaya Ahli Parlimen Tanah Merah lain kali berasa berpuas hati terhadap apa yang berlaku kononnya di kawasan mereka ini dan saya ingin bercakap berkenaan dengan 020400 Pemberian Perkhidmatan bagi negeri-negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan majlis*]

Ini juga nampaknya tahun ini lebih besar daripada tahun yang lepas. Tahun ini RM270 juta dan tahun lepas ialah RM220 juta sahaja. Saya ingin tahu ialah cara pengagihan pemberian bagi negeri-negeri ini juga saya ingin mendapat kepastian kalau-kalau berlaku ketidakadilan terhadap pemberian perkhidmatan bagi negeri-negeri dan barangkali ada juga berlaku kelambatan pemberian ini kepada negeri-negeri yang tidak sebulu dengan Kerajaan Persekutuan dan akhirnya ialah bawah 020800 pemberian bagi membiayai 50 peratus kos pengurusan jabatan-jabatan negeri di bawah senarai bersama pembangunan.

Peruntukannya ini sama, tahun lepas dengan tahun ini sama dan biasanya pemberian ini ialah pemberian boleh dikatakan pemberian yang jadi rutin setiap tahun diberi kepada setiap negeri tetapi saya ingin mendapat kepastian kepada Timbalan Menteri yang ada bersama-sama kita ini bagaimana cara pengagihannya dan kalau boleh setiap negeri dimaklumkan berapa banyak setiap negeri yang diperolehi hasil daripada pemberian bagi membiayai 50 peratus daripada kos-kos pengurusan ini kerana saya juga dimaklumkan kerajaan Kelantan Alhamdulillah tahun ini nampaknya mendapat bayaran oleh pemberian wajib ini nampaknya mengikut jadual walaupun ada sedikit sebanyak pemberian daripada Kerajaan Persekutuan itu terlambat tetapi nampaknya hasrat di bawah pimpinan baru ini tidak seperti pimpinan dahulu yang sengaja melambat-lambatkan pemberian wajib kepada kerajaan Kelantan sehingga kadang-kadang cek yang telah dikeluarkan oleh Perbandaran hampir-hampir lupus dipegang oleh pihak mereka yang tidak bertanggungjawab yang iri hati kepada kerajaan Kelantan.

Tetapi di akhir-akhir ini di bawah pimpinan baru ini nampak keadaan ini tidak berlaku sedemikian dan barangkali oleh sebab perubahan dalam pimpinan ini juga menyebabkan kerajaan Kelantan berasa tidak tertekan walaupun ada berlaku diskriminasi terhadap beberapa perkara terutama sekali terhadap perundingan di antara kerajaan Kelantan dengan FELCRA dengan KESEDAR yang ditimbulkan dalam persoalan saya pagi tadi. Jawapan diberi kepada saya lambat sedikit kerana saya tak sempat soalan saya tak sempat naik, maka diberi jawapan dan dalam jawapannya juga menuduh kerajaan Kelantan tidak memberi hak milik tanah kepada

FELCRA dan KESEDAR menyebabkan projek yang akan dilaksanakan oleh pihak KESEDAR dan FELCRA ini akan terbantut.

Saya hendak menyebutkan di sini bahawasanya perkara yang disebutkan itu amatlah malang kerana kalau saya hendak dedahkan di sini kedudukan FELCRA dan KESEDAR lebih teruk lagi keadaan sebenarnya kerana mereka ini melanggar beberapa syarat yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri sebelum memersetujui FELCRA dan KESEDAR memajukan Kelantan ini khususnya KESEDAR yang telah diberikan oleh kerajaan Kelantan separuh daripada Kelantan ini diberi kepada KESEDAR untuk dimajukan tetapi nampaknya sebahagian besarnya kedudukannya tidak seperti mana apa yang diharapkan. Demikian juga kalau kita lihat kedudukan pemberian-pemberian yang lain, kalau kita lihat pemberian-pemberian yang sepatutnya diberi kepada kerajaan Kelantan mengikut jadual biasanya kelambatan dikeluarkan cek itu ialah sengaja oleh sebab barangkali hendak denda kerajaan Kelantan ataupun hendak melihat kerajaan Kelantan gagal ataupun tidak berjaya untuk membayar gaji kepada kakitangan kerajaan Kelantan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gulung. Kesimpulannya, saya boleh setuju dengan peruntukan-peruntukan ini dengan syarat sebelum itu pihak yang bertanggungjawab khususnya Timbalan Menteri berada bersama kita ini memberi sedikit penjelasan kepada saya peruntukan-peruntukan telah diluluskan pada tahun 2005 dahulu dari segi pengagihan-pengagihan seperti mana yang saya minta sebentar tadi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Batu Gajah ada dua yang berucap, tiga.

3.38 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahar. Saya rujuk kepada Bekalan B 10 butiran 030300 Kawalan dan Pemantauan. Ia merujuk kepada pemantau pelaksanaan projek-projek dan pengurusan kewangan agensi-agensi dan kementerian-kementerian dan saya dimaklumkan semalam oleh Yang Berhormat Menteri semasa menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri bahawa apa yang saya telah bangkitkan di bawah Jabatan Audit Negara berkenaan pelaksanaan projek pemantauan kelemahan semua akan dijawab oleh kementerian ini. Saya pohon satu jawapan kepada semua yang saya sudah bangkitkan dengan ringkas saya nak ulangi adalah projek-projek yang dijalankan yang begitu banyak kelemahan di bawah kementerian yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara ini apakan tindakan yang akan diambil.

Bukan sahaja projek dinilai terlalu tinggi mutu kerja yang lemah, pekerja-pekerja tidak dibayar dan juga mutu kerja yang lemah dan juga projek tidak siap dan terbengkalai, semua saya pohon satu jawapan apa tindakan yang akan diambil. Saya haraplah bukan setakat setiap tahun kami diberi laporan yang kami hendak tengok adalah pembaikan dari segi pengurusan kewangan rakyat. Saya ingin juga merujuk kepada beberapa nama, Hap Heng Trading Company, Teck Lee

Crane and Tractors Service, Sung Lee Tractor Works, Weng Huck Crane Service dan juga ini Long Hong Fatt - ini semua nama yang saya bangkitkan ini adalah syarikat-syarikat atau individu-individu yang mendapat kerja melalui *main cont*. *Main cont* bermakna kontrak ini didapati daripada Universiti Teknologi Petronas. Mereka ini semua adalah sub-kon yang kerja-kerja telah dibuat kepada Universiti Teknologi Petronas tetapi tidak menerima bayaran.

Ini begitu *rampant* sekali, berleluasa sekali. Saya ada membaca teks ucapan perhimpunan agung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana beliau ada menyatakan dengan izinnya saya mengulangi sebahagian daripada ucapannya, "...menganugerahkan kontrak kepada syarikat bumiputera yang tidak boleh menjalankan secara berkualiti, kerja secara berkualiti sedangkan ada syarikat bumiputera lain yang lebih berwibawa, kadang-kadang tidak diberikan kontrak adalah tidak adil dan tidak boleh diteruskan." Ini bukan sahaja tidak adil, malah merupakan pembaziran. Bagi nama-nama yang saya bangkitkan tadi, nama syarikat dan individu yang menggunakan kren-kren untuk membuat longkang tidak dibayar.

Ini semua bil-bil mereka tidak dibayar. Tuntut banyak kali tidak dibayar. Ini semua *sub-con*. Yang semua bayaran telah diterima daripada setahu saya Petronas kepada *main-con*. *main-con* bagi alasan. Kami mengalami masalah kewangan. Ini *sub-con*. 20,000 buat longkang. Yang buat pembinaan asrama, di mana selepas saya menulis kepada pihak pengurusan kontrak, mereka kata kami mengalami masalah kewangan. Haraplah dikurangkan separuh daripada tuntutan yang sepatutnya mereka diberikan itu.

Ini masalahnya. Apabila dihadkan, diwajibkan kontrak..... hanya diberi kepada segelintir sahaja. Kami hendak tahu di sini, apakah pembaikan akan dijalankan. Ini semua adalah projek di bawah kerajaan. Petronas adalah di bawah kerajaan. Jadilah contoh yang baik. *Sub-con* ini semua tidak terima bayaran atau diminta terima sebahagian kerana pergi mahkamah, kita tahu prosesnya.

Ini ada tadi hubungi saya. Dia kata Yang Berhormat, bukan sahaja RM20,000 yang saya bagi semua tuntutan itu. Ada lagi jumlah lebih kurang RM100,000. Mereka semua *sub-con* dan juga satu projek di mana projek diberi kepada 'Way Team VSP Sdn. Bhd' dan syarikat yang mendapat *main-con* ini dan dia dipanggil pula syarikat lain, 'JIWATI Sdn. Bhd. kawasan saya Batu Gajah untuk menjalankan kerja-kerja *design supply, trafficking and install commissioner still structure components*, cadangan penubuhan Institut Latihan Perindustrian di lot-lot tertentu untuk Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia, tidak terima bayaran. So, *waiting* *main-con* yang dapat projek ini adalah salah seorang menurut hariannya, suruhanjaya syarikat, pengarahnya salah seorangnya adalah senator. Saya telah menghubungi banyak kali. Saya bukan hendak memalukannya. Hanya, saya adalah hendak membangkitkan, ini adalah saya pohonnya. Ini semua mereka ada keluarga. Mereka mahu menyara keluarga, kerja sudah dibuat. Ini semua projek-projek di bawah kerajaan. Saya sebelum ini telah bagi kepada

Kementerian Sumber Manusia dan JIWATI, pengadu ini datang jumpa saya, dia kata tidak ada maklum balas, sudah tiga, empat bulan dah. Saya serah kepada Kementerian Sumber Manusia. Penghakiman telah diperolehi 70,000 lebih projek. Penghakiman, *judgement* yang *default* punya jumlah tetapi tidak ada langsung jawapan.

Apakah bentuk teladan ini yang kita hendak tunjukkan kepada kontraktor-kontraktor sasa ini? Ini semua projek di bawah kerajaan dan juga pekerja-pekerja asing yang menjalankan projek-projek ini, ramai yang tidak dibayar dan juga di bawah Universiti Petronas. Sebelum ini saya pernah bangkitkan, Universiti Teknologi Petronas, saya telah bangkitkan. Laporan audit ini juga ada menyatakan, ada pekerja yang tidak bayar. Sebab itu projek tersebut tidak dapat disiapkan kerana tidak ada tenaga kerja. Saya pohonlah jangan *go around* pergi menghukum individu atau pemaju swasta sahaja. Kerajaan Barisan Nasional, apakah pembaikan yang akan dibuat dalam memberi kontrak pemantauan pelaksanaan. Saya pohonlah semua perkara ini diberi perhatian dan perkara lain yang saya ingin bangkitkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Ya, perkara terakhir ialah berkenaan 0140000 – Perkhidmatan Kewangan KWSP. Saya pohonlah kalau boleh Akta KWSP ini boleh dipinda sebab ramai yang sebelum kahwin itu mereka buat penamaan. Mereka yang belum kahwin menulis nama abang atau adik. Tetapi selepas mereka kahwin ramai, tidak kuranglah saya diberitahu yang terlupa untuk menukar penamaan tersebut dan apabila ahli tersebut meninggal dan telah berkahwin dan meninggal, isteri bertengkar dengan anaknya, sesen pun tidak boleh dapat. Saya pohonlah kalau boleh pembinaan terhadap akta ini dibuat agar di mana individu yang tidak berkahwin tidak perlu membuat penamaan dan yang telah berkahwin itu boleh diberi pilihan untuk membuat penamaan agar wanita, isteri terdekat, anak terdekat ini ada perlindungannya.

Saya haraplah, harap apa yang saya bangkitkan akan diberi perhatian. Perkara-perkara yang ada, yang ingin maklumat yang saya bangkitkan tadi, saya boleh sampaikan. Harap kita sama-samalah jagalah imej negara. Kalau kita tidak hendak rakyat susah, bukan hanya sahaja hendak kata tol tidak naiklah, minyak tidak akan naiklah, *road tax* dipotong, itu sahaja tidak memadai. Kalau semua kontrak-kontrak Kerajaan Barisan Nasional, kontrak-kontrak kerajaan ini, *sub-con* ini, orang kampung ini yang begitu susah dapat sub kontrak ini, kerja sudah dibuat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Cik Fong Po Kuan: tidak dapat bayaran. Itu mereka balik kepada masalah asal kerana ekonomi yang kurang baik. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada empat orang yang bangun. Ahli-ahli Yang Berhormat, pendekkan ucapan. Selepas ini saya minta Menteri menjawab. Saya rasa, saya hendak bagi semua bercakap. Bagi Tangga Batu dahulu.

4.46 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya pun turut samalah ingin membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Butiran 02000, 020100 dan sekali gus dengan 03000 berkaitan dengan Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber serta Pengurusan Penganalisan Cukai.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa antara punca pertama pendapatan kerajaan ataupun negara kita adalah berasaskan kepada cukai dan sejauh manakah integriti cukai ini harus kita lihat dari sudut yang lebih terperinci. Jadi saya pohon supaya peruntukan yang dikhususkan di bawah butiran ini untuk kita melihat bagaimana kita boleh mereka cipta suatu sistem yang boleh menggalakkan pengurusan cukai ini dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mempunyai integriti, tidak boleh dipertikaikan. Umpamanya Tuan Pengerusi, hari ini kita dapat lihat berbagai-bagai-bagai ruang yang digunakan oleh mereka yang sepatutnya membayar cukai. Pedagang-pedagang, peniaga-peniaga dan juga mereka yang membuat banyak keuntungan di dalam masyarakat perniagaan di negara kita.

Saya meletakkan suatu keadaan di manakah pihak Kementerian Kewangan boleh melihat mereka ataupun menggunakan sistem kutipan cukai yang boleh menyebabkan kalau tidak 100% pun, hampir kesemua yang sepatutnya membayar cukai akan membayar cukai tanpa ada helah, daya, tipu dan sebagainya.

Saya ingin memberi contoh, kalau kita dapat lihat sepatutnya pada kali ini kita dapat mengutip cukai di dalam satu sektor itu dengan nilai RM3 juta umpamanya. Tetapi yang diisytiharkan kepada kerajaan hanyalah cuma RM1 juta. Bagaimana kita boleh *recover* RM2 juta itu? Kita boleh meminta nasihat pihak ketiga dan pihak ketiga ini mungkin akan hadir kepada kita dengan membawa sistem yang mereka boleh pasarkan kepada kita dan jika mereka berjaya mengutip RM2 juta cukai yang saya contohkan tadi, maka mungkin kita boleh menawarkan sebahagian dalam bentuk peratusan kepada pihak yang menjanjikan kita, mereka boleh mengutip cukai tadi.

Dengan lain-lain perkataan, akan berlaku suatu suasana *win-win situation* iaitu situasi yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Bukan sahaja kerajaan, bahkan pihak ketiga yang menawarkan tawaran mereka, yang menawarkan perkhidmatan mereka untuk menambah hasil kutipan cukai kerajaan tadi.

Tuan Pengerusi, saya percaya jika kerajaan mengetengahkan konsep untung-untung ini, banyak pihak akan berminat dan kerajaan akan dapat menambah hasil kutipan cukai mereka.

Saya mempunyai satu contoh yang baik juga, Yang Berhormat Menteri Kewangan, pihak kementerian boleh melihat bagaimana satu *cash register* atau pun pendaftar tunai yang boleh *dilinkkan* terus, dihubungkan terus ke Ibu Pejabat Perbendaharaan atau Ibu Pejabat Cukai Negara. Apa sahaja transaksi yang berlaku di peringkat operasi akan sentiasa boleh dikesan atau pun dihubungi oleh pihak pengawal-pengawal cukai ini. Dengan cara ini, tidak ada pembayar-pembayar cukai yang akan mengisytiharkan pendapatan-pendapatan palsu atau pun pendapatan-pendapatan yang tidak benar atau pun tidak betul.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sampaikan hari ini ialah tentang konsep penswastaaan yang telah diperkenalkan oleh pihak kementerian-kementerian perlu mendapat khidmat nasihat daripada pihak Kementerian Kewangan, umpamanya baru-baru ini pihak kerajaan telah menswastakan Unit Merinyu Timbang dan Sukat iaitu Unit Pemeriksaan Timbang dan Sukat.

Tuan Pengerusi, timbang dan sukat ini berada dekat di hati rakyat kita. Kesemua rakyat kita yang memerlukan transaksi jual beli akan menggunakan timbang dan sukat ini dalam bentuk penerimaan perkhidmatan atau pun penyediaan perkhidmatan timbang dan sukat tadi. Kerajaan perlu memberikan perhatian kepada perkara ini. Kita sedar bahawa kerajaan menswastakan unit ini kepada pihak Metrologi adalah untuk menambah kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang kerajaan sediakan kepada peniaga-peniaga, tetapi pihak kementerian perlu ingat bahawa *the actual end user*, pengguna yang sebenarnya dalam urusan ini adalah pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna yang menerima perkhidmatan timbang dan sukat tadi.

Tuan Pengerusi, kerajaan kena tengok, kementerian kena lihat secara terperinci. Dalam satu tahun, kerajaan mengenakan caj kepada syarikat Metrologi ini hanya berjumlah RM1 juta. Adakah ia benar-benar menambah sumber pendapatan kerajaan dengan nilai RM1 juta ini?

Jadi kita berbalik kepada Butiran 02000 tadi, dengan lain perkataan, penganalisaan yang dilakukan pengkaji-pengkaji ini perlulah benar-benar menyampaikan maksud dan niat kerajaan tadi. Janganlah hanya ingin menguntungkan pihak yang memperoleh projek penswastaaan tadi dengan tidak memberikan perhatian kepada kepentingan pengguna-pengguna yang akhirnya akan menuding kembali jari kepada pihak kerajaan. Tuan Pengerusi, dengan dua perkara ini saya menyokong usul di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Hulu Langat.

3.53 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, izinkan saya membangkitkan Maksud Bekalan 10, Butiran 010400 berkenaan dengan Pengurusan Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan di bawah Perbendaharaan Malaysia adalah merupakan satu institusi pinjaman yang paling utama kepada kakitangan kerajaan disebabkan oleh beberapa faktor yang menggambarkan bahawa pinjaman daripada

institusi ini adalah mudah, mempunyai kadar faedah yang rendah atau kos pinjaman yang rendah jika dibandingkan dengan institusi-institusi kewangan yang lain serta mempunyai sistem bayaran balik yang mudah dengan kaedah potongan gaji setiap bulan.

Oleh itu Tuan Pengerusi, seharusnya kemudahan ini dianggap sebagai satu keistimewaan kepada kakitangan Kerajaan di semua peringkat lapisan, tidak kira kategori mana mereka berkhidmat. Oleh itu saya berpendapat bahawa sistem atau prosedur yang diamalkan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan ini seharusnya mudah, selesa, *friendly*, tidak membebankan atau tidak menyusahkan kakitangan kerajaan. Tetapi realitinya Tuan Pengerusi, setiap pinjaman yang dipohon oleh kakitangan kerajaan telah menghadapi atau melalui berbagai-bagai masalah.

Antaranya, apakah justifikasi Bahagian Pinjaman Perumahan yang tidak mahu meluluskan pinjaman perumahan jika pembeli atau kakitangan kerajaan ingin membeli rumah dalam bentuk *undivided building*, dengan izin, seperti rumah pangsa, kondominium, apartmen, rumah *flat* dan apa-apa bentuk sekalipun, sekiranya *undivided building* tersebut masih belum dikeluarkan *strata title* oleh pemaju yang bukan disebabkan oleh kesalahan penjual. Ianya adalah disebabkan kegagalan pemaju atau pihak berkuasa tempatan.

Telah banyak keadaan di mana pembeli atau kakitangan kerajaan yang memohon pinjaman telah ditolak pinjaman mereka. Ini menggambarkan bahawa ada satu jenis kediaman yang tidak boleh diberi pinjaman oleh Bahagian Pinjaman Perumahan kerana Tuan Pengerusi, bukan semua kakitangan kerajaan adalah daripada golongan yang berkemampuan dan ada kalanya mereka ingin membeli rumah pangsa-rumah pangsa kos rendah daripada rakan-rakan mereka sendiri tetapi akibat daripada sekatan ini, mereka tidak berupaya untuk mendapat pinjaman dan memiliki rumah.

Masalah yang kedua, Tuan Pengerusi, yang biasa timbul di kalangan kakitangan kerajaan dan telah pun biasa disebutkan. Mengapakah selalu berlaku kelewatan Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia untuk melepaskan wang pinjaman yang telah diluluskan oleh mereka. Kerja-kerja dan prosedur untuk meluluskan, memproses serta melepaskan wang pinjaman kepada pemaju atau penjual rumah ini adalah proses biasa yang selalu dilaksanakan oleh kakitangan Bahagian Pinjaman Perumahan. Akibat daripada kelewatan ini Tuan Pengerusi, pembeli atau peminjam atau kakitangan kerajaan ini...

Seorang Ahli: Assalamualaikum.

Tuan Markiman bin Kobiran: Waalaikussalam....akan dikenakan *interest* atau penalti oleh pemaju atau penjual dan sekali lagi ini bukanlah hasil atau akibat daripada kesalahan kakitangan kerajaan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Markiman bin Kobiran: Ya, Kepong?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau sudah habis, berhentilah Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Ada sikit lagi. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, akibat daripada kegagalan ini, bukan sahaja kakitangan kerajaan atau peminjam itu dikenakan penalti malah yang lebih berat daripada itu, ada kalanya pemaju atau penjual akibat daripada peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian bertindak untuk membatalkan perjanjian dan merampas wang deposit yang biasanya 10% dibayar oleh kakitangan kerajaan ketika ingin membeli rumah tersebut.

Bahagian Pinjaman Perumahan yang saya difahamkan telah pun mengamalkan sistem pengkomputeran yang menyeluruh. Sudah pun mempunyai *website* yang tersendiri. Kalau dahulu sistem komunikasi mereka melalui surat yang akan mengambil masa satu minggu atau dua minggu perjalanan, tetapi sekarang ini surat kelulusan pinjaman perumahan boleh diperolehi melalui semakan *email*, borang gadaian yang perlu ditandatangani hanya perlu dicetak daripada *website* Bahagian Pinjaman Perumahan. Tetapi walau pun kecanggihan sistem komputer yang telah diamalkan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, masih terdapat kelewatan daripada pegawai-pegawai yang perlu menandatangani dokumen-dokumen gadaian. Ada kalanya, proses ini, proses hanya menandatangani dokumen ini mengambil masa tiga hingga empat minggu dan sekali lagi untuk melepaskan wang pinjaman juga mengambil masa tiga hingga empat minggu.

Tuan Pengerusi saya amat simpati dengan masalah yang dialami oleh kakitangan kerajaan terutama sekali kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah. Oleh itu saya menyeru dan saya ingin memohon penjelasan supaya proses-proses, *red tape*, proses kertas, yang banyak membuang masa ini perlu dikurangkan bagi mengelakkan daripada peminjam-peminjam kakitangan kerajaan yang tidak berdosa ini daripada dihukum dan akibatnya mengalami kerugian. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Yang Berhormat Sabak Bernam lima minitlah peluang, lepas itu Bandar Kuching lima minit, lepas itu kementerian menjawab.

4.01 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sabak Bernam ingin menyentuh Maksud B.10, Butiran 040400 – Pengurusan Operasi Cawangan, 040800 – Institut Perakaunan Negara. Rakyat Sabak Bernam bersyukur dan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana Institut Perakaunan Negara yang bernilai RM60 juta telah pun 100% siap pada sebulan yang lepas.

Sabak Bernam berharap supaya IPN ini akan terus dimanfaatkan untuk meningkatkan lagi profesionalisme khususnya dalam bidang perakaunan dan dalam modul latihan yang diadakan seharusnya ia boleh meningkatkan selain daripada kemahiran dan kepakaran juga jati

diri, keimanan dan ketakwaan seseorang. Selain itu, Sabak Bernam berharap supaya dari segi pengisian perjawatan supaya anak-anak tempatan dapat diberikan keutamaan yang layak dalam bidang kepakaran tertentu, dan juga selain daripada itu Sabak Bernam berharap supaya kerja-kerja seperti *landscaping, maintenance*, dengan izin dan juga pengurusan makanan di tempat itu dapat diberikan kepada rakyat ataupun kontraktor tempatan yang berkelayakan. Ini akan menyebabkan rakyat rasa terlibat dengan pembangunan di kawasan yang berkenaan.

Perkara yang keduanya, Sabak Bernam ingin menyentuh Maksud B.10, Butiran 060200 – Operasi dan 060300 – Pencegahan, di bawah Butiran 060000 -Perkhidmatan Kastam. Perkhidmatan kastam antara lain bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti mengesan dan mencegah kegiatan penyeludupan barang-barang yang bertentangan dengan kepentingan dan keselamatan negara. Sabak Bernam ingin bertanya tentang usaha dan keberkesanan pihak Jabatan Kastam khususnya dalam mencegah penyeludupan senjata api, najis dadah dan juga penyeludupan manusia (*human trafficking*) yang kalau kita lihat dalam negara kita manifestasi pelacuran ini masih terus berlaku. Kalau kita baca di akhbar, media baru-baru ini Geng M16 apabila pusat operasi mereka ini dapat dikesan dan diserbu oleh pihak polis kita dapati beberapa pucuk *rifle* M16 dan juga beberapa pucuk pistol begitu banyak terdapat pada mereka yang tidak bertanggungjawab ini menjadikan imej negara ini terjejas.

Perkara yang ketiganya, ialah Sabak Bernam ingin menyentuh Maksud B.12, Butiran 010000. Sebenarnya Sabak Bernam ingin mencari satu peruntukan di mana pihak Kementerian Kewangan dapat menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan program dan aktiviti bina insan khususnya di kawasan-kawasan yang banyak terdedah dengan masalah gejala sosial. Jadi jika diberi peruntukan seperti ini dapat disediakan khususnya untuk Ahli-ahli Parlimen kita yakin bahawa masalah gejala sosial yang boleh menjejaskan pembangunan negara akan dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

4.05 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk ke Butiran 010000 - Perkhidmatan Kewangan. Di bawahnya ada dua perkara yang saya ingin bangkitkan. Perkara pertama adalah berkenaan dengan kes yang spesifik itu adalah satu kes Mahkamah Seksyen Kuching, saman nombor 53131991.

Plaintifnya adalah Ee Hee Lan, defendannya adalah Khalid bin Rahman dan Kerajaan Malaysia. Kes ini berlaku kerana itu Khalid bin Rahman adalah seorang pegawai kastam, semasa dalam menjalankan tugasnya dia telah tembak mati mendiang suami Ee Hee Lan dan kes itu telah di bawa ke Mahkamah Seksyen Kuching dan diputuskan bahawa Khalid bin Rahman adalah kecuai dalam menjalankan tugasnya. Perintah itu telah dibuat dalam tahun 2001 dan bahawa Kerajaan Malaysia harus membayar pampasan kepada Ee Hee Lan, tetapi hanya

sebahagian daripada pampasan yang diperintah oleh mahkamah telah dibayar oleh kerajaan dan hampir kini, sekarang masih ada baki perintah yang tertunggak, sejumlah RM32,521.02 dan kos *allocatomya*, kosnya yang pula diperintah oleh mahkamah adalah RM38,117.50.

Sejumlah RM70,638.52 yang belum dibayar oleh kerajaan *since* tahun 2002 dan telah beberapa kali peguam Ee Hee Lan telah tulis kepada kewangan, kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kerajaan tetapi tidak ada langsung jawapan yang diberi. Saya ingin tanya sama ada ini tamadun Kerajaan Barisan Nasional, ada perintah mahkamah tidak payah bayar juga. Tadi Yang Berhormat Batu Gajah ada sebut ada senator, syarikat senator yang hutang tidak bayar juga. Adakah ini adalah satu *practice* yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya haraplah kes akan diselesaikan sebelum sesi yang akan datang supaya saya tidak payah bangkitkan perkara ini lagi dan keduanya adalah mengenai dalam bulan lepas menteri ada semasa rang undang-undang mengenai bank perbankan-perbankan di bahas.

Menteri ada menyebut bahawa itu Bank Negara akan mengeluarkan satu caj garis panduan mengenai mengawal caj-caj yang bank-bank mengenakan ke atas pelanggan mereka. Saya ingin tahu bilakah garis panduan akan dikeluarkan kerana sehingga sekarang bank masih meneruskan caj-caj yang tidak munasabah yang terlampau ke atas pelanggan-pelanggan mereka. Saya haraplah Bank Negara berilah prioriti ke atas perkara ini.

Dan perkara yang kedua itu adalah mengenai pengurusan audit dalam negara. Saya telah bangkit di sesi-sesi yang lalu mengenai 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. yang mengalami beratus-ratus *million ringgit* satu tahun. Tadi saya ada hal Bank Islam yang telah dibangkitkan, sering dibangkitkan hanya satu tahun mengalami kerugian yang RM700 *million* dan telah sering dibangkitkan di Dewan ini, tetapi 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. dalam tahun 2001 dia mengalami RM800 *million*, 2002 dia mengalami RM880 *million* kerugian, tahun 2003 - RM727 *million* kerugian dan tahun 2004 dia ada mencatatkan satu keuntungan RM6 *million* tetapi itu bukan kerana operasinya memberi keuntungan kerana operasinya masih mengalami kerugian RM700 *million* lebih dan dia mencatatkan keuntungan RM6 *million* kerana dia menjualkan asetnya. *Proceed for sell of asset*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chian Jen: Saya akan gulung. *Proceed from sale of asset*, sejumlah RM800 milion. Oleh itu dia ada mencatatkan RM6 milion keuntungan. Saya ingin tahu, adakah itu Laporan Audit Negeri Sarawak, adakah pasukan audit ini menjalankan satu pengauditan yang mendalam terhadap syarikat ini? Kerana beratus-ratus milion itu adalah melebihi satu peruntukan untuk beberapa kementerian. Dan kenapa Laporan Audit Negeri Sarawak tidak menyebutkan apa yang telah dijalankan oleh pengauditan negeri dan saya haraplah satu ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah, cukuplah.

Tuan Chong Chian Jen: ..siasatan boleh dijalankan atas 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd. kerana Kerajaan Malaysia, ini bukanlah hal negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chian Jen: Saya akan menggulung. Ini bukan hal negeri. Kerana Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Persekutuan juga adalah penjamin. Penjamin hutang-hutang yang diberi kepada itu 1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila mulakan jawapan.

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang saya percaya ramai membangkitkan perkara-perkara dalam perbahasan dalam Jawatankuasa mengenai Kementerian Kewangan pada kali ini. Saya dapati tiga puluh rakan-rakan telah berucap, dan insya-Allah saya akan menjawab sebahagian daripadanya.

Yang tak dapat atau tak sempurna dijawab, saya harap kita akan dapat memberikan jawapan secara bertulis kemudiannya. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih Tuan Pengerusi kerana dalam jawapan ataupun saranan serta teguran-teguran yang diberi, kebanyakannya kita tumpukan kepada sebagaimana hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, membentangkan belanjawan iaitu untuk peranan negara kita, untuk membina ketahanan bagi menghadapi cabaran masa depan yang sungguh mencabar.

Tuan Pengerusi, saya akan memberi ulasan ataupun jawapan mengikut butiran bermula daripada Bekalan B.10. Pertama yang dibangkitkan oleh rakan-rakan daripada Parit, Batu Gajah, mengenai perkhidmatan perakaunan. Khususnya mengenai sistem pembayaran kepada kontraktor-kontraktor yang tidak berapa sempurna. Ada kontraktor-kontraktor yang menerima kelewatan pembayaran yang dilaporkan dalam akhbar pada 23 Oktober yang lalu, di mana persatuan kontraktor membangkitkan kegagalan terutamanya di dalam pembinaan sekolah dan politeknik yang tertentu. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, sukacita saya maklumkan bahawa tugas ataupun peranan Kementerian Kewangan dalam pelaksanaan setiap projek yang diluluskan adalah mengeluarkan peruntukan dalam bentuk waran kepada kementerian-kementerian ataupun agensi-agensinya.

Maka menjadi tugas setiap kementerian khususnya, untuk memastikan pelaksanaan termasuk pembayaran kepada projek-projek ini dapat dilaksanakan mengikut penjadualan dan sebagainya. Begitu juga dengan apa juga hal kecuali ia melibatkan kerja-kerja ataupun pembabitan pembayaran yang di luar daripada bajet asal peruntukan berkenaan. Contohnya, VO ataupun kerja-kerja tambahan di luar daripada peruntukan, denda dan sebagainya. Begitu juga setiap projek, ataupun bila berlaku perkara berkenaan, maka Kementerian Kewangan

ataupun kementerian yang berkenaan mestilah menyediakan *final account* supaya Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan sama ada peruntukan tambahan ataupun sebagainya bagi menyelesaikan masalah-masalah berbangkit.

Jadi dalam hal ini, tentu sekali, peranan utama adalah agensi ataupun kementerian pelaksana. Yang dibangkit oleh Batu Gajah sebentar tadi begitu semangat, saya ucap terima kasih. Tapi, Tuan Pengerusi sebenarnya jauh lebih sekali, kementerian tidak bertanggungjawab untuk memantau akan subkontrak-subkontrak yang dilaksanakan oleh main kontrak kecuali yang terdapat dalam perjanjian kontrak berkenaan. Jadi saya mengharapkan kepada wakil Batu Gajah supaya menulis dan juga membangkitkan perkara-perkara yang khusus berkenaan kepada Unit Pemantauan, di Kementerian Kewangan supaya kita dapat membantu dan kita menasihatkan ...

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya rasa, saya cukup faham Yang Berhormat, saya nak nasihatkan Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dulu. Saya faham Yang Berhormat cakap tadi, supaya Yang Berhormat menasihatkan kepada subkontraktor berkenaan sebelum atau berkenaan atau yang mana sekalipun, sebelum mengambil sebarang pekerjaan daripada main kontraktor hendaklah menghalusi setiap tanggungjawab dan peranan supaya mereka tidak dikecewakan ataupun tidak diberi layanan sebagaimana yang dibangkitkan, sila.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Begitu mudah sahaja, *[Ketawa]* menolak tanggungjawab. Saya bangkitkan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah, bagaimanakah Kementerian Kewangan mengagihkan atau memilih atau memperakukan kontraktor *main-con* untuk menulis sesuatu projek. Dan saya baca Laporan Ketua Audit ada nyatakan ada, jadi saya...

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Okey, .. saya faham, ya, ya.

Cik Fong Po Kuan: *Main-con* yang dipilih tidak bertanggungjawab. Persoalan ini, mengapa boleh? Memilih *main-con* yang tidak mahu melaksanakan projek? Itu persoalan saya, bukan senang-senang kata..

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya faham, saya faham.

Cik Fong Po Kuan: *Sub-con, you have to be careful, who is the main-con? The main-con* yang dilantik oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya faham you cakap, you kena faham saya cakap! Saya ingat Yang Berhormat faham apa yang semua saya cakap. Tuan Pengerusi, inilah sikap pembangkang. Ipoh Timor mencadangkan supaya wakil MTUC, yakni wakil pekerja

dilantik dalam Panel Pelaburan KWSP supaya pelaburan yang dibuat lebih telus dan meyakinkan pekerja. Terima kasih atas cadangan ini.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Panel Pelaburan KWSP sekarang ini terdiri daripada Pengerusi KWSP sendiri, seorang wakil daripada Perbendaharaan, wakil Bank Negara dan tiga orang wakil yang profesional, serta pakar dalam bidang kewangan dan pelaburan.

Kalian yang ada ini adalah dianggap mencukupi dan soal isu ketelusan ini setiap aktiviti pelaburan KWSP akan diaudit oleh Ketua Audit Negara dan dilaporkan ke Dewan kita yang mulia ini. Dewan Parlimen. Kewangan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini setiap tahun, saya percaya kita boleh menilai dan memberi ulasan sepanjang waktu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan. Terima kasih. Saya bangkit hal ini, atas sebab bukan sahaja dari segi *transparency*, tapi yang pertama ialah dari segi akauntabiliti. Oleh kerana wang KWSP ialah wang pekerja-pekerja, bagaimana wang pekerja-pekerja dilaburkan, masa depan rakyat, kaum pekerja ada hak mengambil bahagian, menyertai dalam proses ini. Oleh kerana ini adalah wang pekerja-pekerja.

Bukan wang untuk pelaburan penggunaan kerajaan sahaja. Sungguhpun itulah akhirnya apa yang berlaku, tetapi wang rakyat, akhirnya dividen, sama ada tinggi atau pun rendah, yang pertama.

Kedua, oleh kerana sekarang, *investment panel*, semua keputusan yang dibuat oleh *investment panel* tidak perlu dilaporkan dan bertanggungjawab kepada Lembaga KWSP atau EPF Board.

Dan, sebab itu EPF Board, sungguh pun ada anggota daripada MTUC tetapi tidak ada cara untuk memantau, untuk memaksa *investment panel* bertanggungjawab, mahu tunggu sahaja Ketua Audit Negara, satu tahun sekali, itu hal proses yang lain. Bukankah mustahak daripada prinsip *accountability*, *transparency*, dan *good governance* bahawa satu tabung untuk bekerja dalam proses penggunaannya pelaburannya pekerja-pekerja ada wakil pekerja-pekerja adalah ambil bahagian. Ini satu aspek yang sangat mustahak dan sama ada daripada tiga orang *independent* anggota yang bebas, yang dilantik atau dengan pindaan kepada Akta KWSP supaya tambah lagi seorang, itu cara yang lain. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap.

Tuan Lim Kit Siang:rela menerima prinsip ini bahawa oleh kerana ini wang pekerja, wakil pekerja patutlah ada hak untuk ambil bahagian dalam proses ini.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Boleh diberi perhatian. Saya kata tadi setakat ini dengan ahli panel yang daripada agihan ataupun mewakili golongan-golongan yang saya katakan tadi dan kalau perlu kepada perkara itu saya rasa boleh diberi perhatian yang lebih. Hasrat Yang Berhormat saya faham tadi lebih memberi

tanggungjawab dan memberi kepuasan dari segi kakitangan oleh kerana pelaburan ini adalah pelaburan daripada kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi minta penjelasan, kalau perlu! Apa ertinya kalau perlu, ini satu permintaan saya tidak mahu menggunakan tuntutanlah, permintaan yang sudah lama dibuat oleh kita di sini dalam Dewan, oleh pekerja-pekerja, oleh kesatuan-kesatuan bahawa mereka mahu seorang wakil dalam *investment* panel. Ini perlu oleh kerana ini wang rakyat, wang pekerja-pekerja. Bolehkah ini diberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya supaya satu keputusan dibuat bukan kalau perlu, ini perlu.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak boleh buat keputusan di sini saya kata boleh beri perhatian dibawa kepada peringkat-peringkat tertentu untuk memberi pertimbangan dan beri perhatian kepada cadangan Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Peringkat-peringkat tertentu, apa itu peringkat-peringkat tertentu? Kita mahu tahu apa itu peringkat-peringkat? Saya faham Yang Berhormat Menteri tidak boleh buat satu *final decision* tetapi apabila kata peringkat-peringkat tertentu, apa itu peringkat-peringkat tertentu, supaya kita pun mungkin boleh menyampaikan permintaan ini kepada peringkat-peringkat tertentu. Apa itu peringkat-peringkat tertentu, bolehkah kita jelaskan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat kepada peringkat Ahli Lembaga KWSP sendiri, peringkat kementerian dan apa yang dibangkitkan Yang Berhormat pada hari ini Insya-Allah saya akan bawa supaya boleh diberi perhatian khusus bagi tujuan yang baik itu.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh Yang Berhormat Menteri kewangan sendiri, boleh?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya. Tuan Pengerusi apa yang rakan kita daripada Lipis bangkitkan supaya cadangan kenaikan pangkat diberi kepada anggota dalaman Perkhidmatan Kastam saya ucapkan terima kasih. Cadangan ini memang dilihat dari masa ke semasa dan sedang dijalankan di dalam jabatan itu sendiri sebagaimana yang diberitahu oleh rakan kita daripada Jasin sebentar tadi. Tuan Pengerusi, rakan-rakan kita juga banyak yang membangkitkan soal peranan Bahagia Pengurusan Pinjaman Perumahan Kerajaan. Wakil Ledang, Lipis, Kelana Jaya, Hulu Langat dan ramai lagi yang saya sempat mendengar tadi.

Pertamanya, mengenai perbandingan kadar faedah yang dikenakan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan 4%, berbanding dengan institusi perbankan biasa hari ini yang bertanding, boleh dikatakan berlawan-lawanlah menawarkan kadar-kadar faedah yang lebih baik ataupun lebih menggambarkan bawah daripada 4%, contohnya 3.5% dan sebagainya. Sukacita saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa setakat ini tawaran ataupun kadar faedah yang dikenakan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan ini kadarnya adalah pinjaman yang sangat sesuai, murah dan berdasarkan kepada baki tahunan. Dan, kalau kita lihat ada juga tawaran-tawaran yang diberi oleh institusi kewangan pada masa ini sebenarnya atas suasana untuk

menarik pelanggan kadang-kadang mereka menawarkan satu kadar faedah yang agak menarik tetapi tempohnya untuk tahun pertama, tiga pertama dan sebagainya. Jika dikira balik ia kadang-kadang tidak melambangkan suasana yang lebih murah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya percaya kerajaan sentiasa mempertimbangkan dan melihat agar kakitangannya mendapat faedah sebesar mungkin dalam memastikan bahagian ini ataupun Pinjaman Perumahan ini ada tertakluk dalam sebahagian keistimewaan kepada kakitangan kerajaan. Lipis mencadangkan supaya pemprosesan kelulusan pengeluaran pinjaman perumahan dipercepatkan dan sebagainya termasuk jua rakan daripada Hulu Langat sebentar tadi yang sempat saya mencatat dengan tiga perkara yang dibangkitkan terutamanya soal stara title, soal kelewatan melepaskan kelulusan dan akhirnya melibatkan faedah dikenakan ataupun denda dikenakan, penalti dikenakan kepada peminjam iaitu pegawai kerajaan hasil daripada kelewatan itu.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya ada jawapan tetapi dijawab oleh Kelana Jaya dengan kes yang khusus. Terima kasih kerana ada jawapan sekiranya berlaku caj berkenaan maka boleh dilapor kepada bahagian perumahan kerajaan tetapi ada kes bahagian perumahan kerajaan menulis dan ditolak oleh pemaju jadi saya ucap terima kasih. Jadi, kesemuanya ini boleh dijadikan kes supaya sebenarnya piagam pelanggan Bahagian Perumahan Kerajaan telah pun wujud dan pihak kerajaan, kita menekankan, kementerian menekankan supaya jangan lari daripada piagam pelanggan ini.

Ini menunjukkan apa yang dianggap oleh Bahagian Perumahan tidak sampai kepada maksudnya dan mereka perlu bertindak untuk memastikan agar pegawai kerajaan tidak teraniaya, ada dibangkitkan oleh Hulu Langat tadi sampai 10% terpaksa dirampas deposit mereka oleh pemaju dan membatalkan pembelian berkenaan. Jadi, nasihat saya kepada pegawai kerajaan agar melakukan segera soal-soal yang berlaku ini dan kita pastikan ianya tidak begitu ketara memberi masalah kepada kakitangan kerajaan.

Tuan Pengerusi, rakan kita daripada Kepong, Tangga Batu dan beberapa orang lagi membangkitkan persiapan kerajaan dalam peruntukan untuk memastikan pelaksanaan cukai di bawah GST. Terima kasih, sebenarnya pihak kerajaan telah bekerja keras ke arah persiapan ini dan di mana kita jangka pada tahun 2007 cukai ini diumumkan pada belanjawan yang lepas 2005 dan pakar-pakar.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sekejap Yang Berhormat. Nasihat daripada Kepong supaya menggunakan pakar-pakar luar negeri yang telah pun mempunyai pengalaman dalam bidang GST ini, memang kita sentiasa selain daripada panel yang kita tubuhkan kita juga menjemput pakar-pakar khususnya untuk daripada luar negeri yang telah mempunyai pengalaman luas dalam bidang ini memberi perkhidmatan kepada kita supaya

apabila terlaksana sistem cukai ini ia merupakan yang terbaik kepada negara dan juga kepada pengguna negara kita. Sila Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Kita hanya mempunyai lebih satu tahun sahaja untuk melaksanakan GST atau VAT ini dan setahu saya, walaupun sudah ada beberapa dialog dengan pihak syarikat yang menguruskan bayaran cukai dan sebagainya. Saya diberitahu bahawa borang dan butiran mengenai cara-cara untuk mengutip cukai VAT ini atau GST belum lagi disiapkan. Saya percaya pencukaian seumpama ini memerlukan dua, tiga tahun untuk memberitahu kepada rakyat jelata kerana ramai yang tidak faham apa yang perlu dibuat untuk membayar VAT ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan macam mana kita dengan lebih satu tahun ini dapat memberitahu kepada rakyat keseluruhannya supaya mereka memahami apa yang akan dibuat oleh pihak kerajaan ini. Saya percaya ini memang satu langkah yang utama yang pertama dan yang diikuti dengan cara-cara yang lain juga untuk pencukaian tidak langsung ini.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Pengerusi, memang begitulah sebenarnya yang saya jawab tadi supaya setiap apa yang bila kita laksanakan sistem ini nanti, ianya adalah terbaik mengikut undang-undang dan ia memberi keuntungan kepada kerajaan dan juga kepada pengguna. Untuk...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: GST adalah satu jenis pencukaian yang baru dan kita boleh menganggapkan bahawa apabila ia dikenalkan memang ada banyak masalah yang akan timbul oleh kerana ini pengalaman negara-negara yang lain tetapi kita ada untung oleh kerana negara-negara lain sudah memperkenalkan GST ini. Soalan saya ialah kenapa dalam proses untuk membuat persiapan untuk memperkenalkan GST Kementerian Kewangan langsung tidak fikir perlu melibatkan Ahli-ahli Parlimen semacam menjemput satu panel Ahli-ahli Parlimen untuk menyertai proses ini supaya menyesuaikan dalam proses ini bukankah Ahli-ahli Parlimen pun satu corp. yang mustahak dalam jentera proses buat polisi supaya apabila GST diperkenalkan Ahli-ahli Parlimen atau sebahagian anggota-anggota Ahli-ahli Parlimen pun masih dalam perkara ini dan bahawa proses memperkenalkan VAT lebih licin.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pertimbangan dalam perkara ini dan mencadangkan kepada bahagian yang berkenaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan bahawa dalam perkara ini iaitu GST khasnya mempersilakan satu jawatankuasa Ahli-ahli Parlimen yang minat dalam perkara ini supaya adalah kerjasama antara Parlimen dan Kementerian Kewangan. Oleh kerana hal ini sudah diumumkan setahun dahulu, sekarang dalam proses untuk bagaimana untuk memperkenalkan dia?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya rasa Yang Berhormat akan sampai masanya, walau bagaimanapun macam saya katakan tadi sekarang peringkat pakar, peringkat panel-panel yang dilantik itu adalah pakar-pakar tertentu dan saya memang sedar, bebrapa kali saya mendapat laporan bahawa kita sedang bekerja keras sekarang ini dan saya sangat percaya sampai satu ketikanya kementerian akan melibatkan kita semua untuk melihat secara tertentu mengikut kepakaran kita. Jadi walau bagaimanapun apa yang katakan tadi, saya mengalu-alukan Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai minat dan ada kepakaran dalam bidang ini untuk sama ada turut serta secara menulis, mencadang atau pun sebagainya supaya di mana peringkat ini diambil kira oleh pelaksanaan pekerjaan kita setakat ini.

Tuan Pengerusi, kepada rakan kita Yang Berhormat bagi Tumpat ingin tahu soal B10 apa peruntukan kita kepada Cyber View dalam Bajet 2006 ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian daripada peruntukan yang diperuntukkan berkenaan adalah bertujuan untuk membiayai saki-baki tuntutan tuan asal atau tuan tanah Cyberjaya begitu juga susulan daripada pengambilan balik tanah oleh kerajaan bagi tujuan projek Koridor Raya Multimedia ini antara tahun 1996 ke 1998. Manakala sebahagian lagi adalah untuk pembangunan infrastruktur sokongan kepada pusat ini, contohnya untuk pembangunan infrastruktur berasaskan komuniti, pembangunan perkhidmatan sokongan bagi syarikat SME yang berstatus MSC dari segi pusat pameran dan sebagainya yang mana kalau kita tidak sediakan peruntukkan untuk penyediaannya mereka tidak mampu untuk berada di situ. Begitu juga pembangunan elemen-elemen yang mampu milik bagi mengurangkan kos perniagaan Cyberjaya dan MSC amnya. Jadi kesemuanya ini adalah untuk mempertingkatkan daya saing Cyberjaya, MSC dan negara kita khususnya dalam industri ataupun dalam bidang IT ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat bagi Tumpat ingin tahu mengenai peruntukan yang berada dalam P10, mengenai pengkomputeran agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan dengan senarai consultant ataupun pembekal. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jumlah perbelanjaan untuk projek-projek pengkomputeran kepada semua agensi-agensi di Kementerian Kewangan adalah dinilai dengan begitu munasabah dan kementerian ataupun agensi yang terlibat iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri, JPPS, Jabatan Akauntan Negara ia melibatkan peralatan perisian pangkalan data yang mempunyai banyak subsistem dan integrasi jaring. Di antara projek pengkomputeran yang berterusan sebagai mana yang tercatat dalam bajet ini ialah penerusan kepada RMK8 dan projek berkenaan adalah:-

- a) Sistem pembangunan taksir sendiri di Jabatan Hasil Dalam Negeri di mana juru perunding dan juga pembekalnya adalah Presicion Portal Sdn Bhd.;
- b) Sistem Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIK) di Jabatan Penilaian Harta, Knowledge Base Sdn Bhd;

- c) Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (E-SPKB) di Jabatan Akaun Negara, XY Base Sdn Bhd

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat bagi Tumpat juga ingin mengetahui peruntukan untuk projek CIQ sama ada kerajaan ingin meneruskan projek tersebut memandangkan ia berkait rapat dengan pembinaan jambatan yang masih tidak dipersetujui oleh kerajaan Singapura.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat ini, sebenarnya peruntukan berkenaan adalah diteruskan dan dijangka siap pada Jun 2006 dan sekiranya tidak dapat persetujuan dari kerajaan Singapura soal laluan berjambatan dan ini merupakan alternatif laluan akan dibuat dan ianya akan membuat laluan alternatif pertama untuk kenderaan ringan akan dihalakan ke CIQ yang baru ini dan kenderaan berat akan menggunakan CIQ lama. Ini sedikit sebanyak akan dapat mengatasi masalah kesesakan yang tetap berlaku ataupun yang kita boleh selesaikan sedikit penyuraian trafik di sini.

Tuan Pengerusi, ramai rakan-rakan kita membangkitkan soal bekalan peruntukan butiran air luar bandar dengan juga mencadangkan projek peruntukan tambahan yang lebih khusus saya ingin menjawab di sini apakah tujuan dana ini dan kenapa ia dibezakan daripada bekalan air luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Jadi penerangan soal ini, kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang kita peruntukkan ini adalah untuk melupuskan pinjaman kerajaan negeri kepada kerajaan pusat seperti mana yang diputuskan di dalam mesyuarat kewangan negara pada tahun 2002 yang bersetuju supaya Kerajaan Pusat menyelesaikan masalah tunggakan pinjaman kerajaan-kerajaan negeri dengan cara menukarkannya dalam bentuk geran kerana peruntukkan ataupun pembangunan air ini merupakan pembangunan asas kepada rakyat dan ia merupakan pembangunan yang besar. Manakala peruntukkan yang diperuntukkan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah adalah bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja penyambungan paip-paip air ke kampung-kampung di luar bandar, ini peruntukan pembangunan air.

Tuan Pengerusi, seterusnya juga dibangkitkan apakah tujuan peruntukkan dalam pemberian kemudahan asas yang kecil sebanyak RM3 bilion dipecahkan dalam B.11 ini dipecahkan kepada dua iaitu RM1 bilion dan RM2 bilion. Tuan Pengerusi, sebenarnya ini adalah berlandaskan kepada strategi bajet itu sendiri, Bajet 2006 ini adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Jadi juga untuk merangsang pertumbuhan ekonomi khususnya sektor kontraktor ataupun kontraktor-kontraktor kecil.

Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa peruntukan yang disediakan adalah untuk membantu kontraktor-kontraktor tempatan melaksanakan projek-projek Kerajaan Pusat bagi meningkatkan kemudahan asas dan merangsang ekonomi negara. Pelaksanaan peruntukkan ini adalah untuk memberi manfaat secara langsung kepada kontraktor tempatan dan contoh yang

diberi di bawah RM juta ini, di bawah ICU Jabatan Perdana Menteri di mana projek-projek kecil peringkat parlimen untuk kepentingan orang ramai seperti dewan, gerai, jualan, tandas awam, pembaikan jalan, perparitan dan sebagainya. Manakala yang RM2 bilion pula, dikhususkan bagi memperkukuhkan sistem penyampaian kerajaan melalui peningkatan keupayaan di peringkat apa yang kita sebut dalam bajet terutamanya di pejabat tanah, di pihak berkuasa tempatan, unit penguatkuasaan, ini kita hendak ramaikan unit penguatkuasaan di KDH, Kementerian Pengguna Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Perbadanan Harta Intelek Malaysia juga untuk meningkatkan hasil daripada sektor pertanian, dari segi kemudahan pengumpulan pusat *validasi*, pembelian peralatan makmal ujian, termasuk ujian untuk barangan atau makanan Halal, pengeluaran barangan Halal dan sebagainya, meningkatkan aktiviti pengkomersialan projek-projek R&D yang terbukti ada nilai pasaran. Juga termasuk meningkatkan pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, juga ada kaitan dengan kapasiti menghapuskan kemiskinan dengan menambah peluang pekerjaan meningkatkan pendapatan, membuka peluang perniagaan serta mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Sebenarnya kesemuanya ini tidak ada dalam bajet khusus dan diletakkan di dalam peruntukan kecil ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya rakan kita iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ledang, Kelana Jaya ada mempersoalkan peranan konsesi yang diberikan kepada syarikat SPANCO Sdn Bhd untuk membekalkan kereta *saloon* kepada kerajaan persekutuan secara sewaan. Ringkas saya memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat sebenarnya kadar sewa yang diperolehi oleh kerajaan di mana apa yang perjanjian penswastan kereta kerajaan dengan pihak Spanco ini telah disemak pada tahun 2003, perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 19 Oktober 2004. Di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ramai dan diambil tindakan dan perkara utamanya contohnya soal kerajaan dikatakan mendapat bebanan maka pihak kerajaan telah meminta diberi diskaun 20 peratus ke atas sewaan bulanan pada setiap unit kereta yang disewa dan Spanco diminta membayar balik 15 juta wang pendahuluan yang dibayar oleh kerajaan dan balik semula kepada kerajaan. Dari segi penjimatan kepada kerajaan, kerajaan tidak perlu membeli kereta baru bagi jabatan kerajaan dan pegawai yang layak dan penggantian kereta boleh dibuat mengikut tempoh antara 4 dan 5 tahun seperti mana dalam perjanjian. Dari segi penyelenggaraan kerajaan tidak perlu lagi menguruskan sendiri, bengkel-bengkel dan sebagainya. Pada puratanya pada keseluruhannya ada penjimatan di peringkat perbelanjaan kerajaan.

Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, mengenai Spanco ini kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi kepada dewan ini iaitu penggambaran yang sepenuhnya. *A bit pieces* dan sebelum satu *renegotiation* apa-apa keadaan berapa amaun setiap tahun kerajaan perlu bayar selepas *renegotiation* apa komitmen yang perlu dibayar supaya

kita faham apa itu sebenarnya beban yang ditanggungkan oleh kerajaan ada turun dan sebagainya, *a full picture*, boleh beri kita satu *full picture* dan bukan *a bit a pieces*.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya minta maaf Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, saya pun tidak berada dalam Dewan ini pada ketika itu dan apa yang saya bangkitkan tadi ialah yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan kita ialah soal penjimatan dan soal kebaikan yang diperolehi oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ledang dan Serdang dalam ucapan Serdang, minta maaf Serdang yang bercakap dahulu, tetapi jawab kemudian disebabkan oleh B11 ingin tahu soal peruntukan yang diberikan kepada IWK, Indah Water sebanyak RM150 juta ringgit. Bilakah IWK antara *jis* yang dipohon apakah dan bilakah IWK sudah boleh berdikari dan sampai bilakah bantuan kerajaan boleh diberikan kutipan tidak memuaskan juga soal beberapa ada bayaran yang telah dibayar oleh kerajaan semasa mengambil alih IWK.

Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Yang Berhormat daripada jumlah yang diperuntukkan itu, Rm10 juta ringgit merupakan bayaran caj pembedaan iaitu sebahagian premis kerajaan kepada IWK manakala 140 juta ringgit merupakan bayaran *deficit* operasi IWK pada tahun operasi 2006 yang dijangka. Pemberian subsidi ini dijangka akan berterusan dalam jangka masa yang pendek. Punca *deficit* operasi IWK bukan hanya daripada masalah kutipan caj perkhidmatan pembedaan. Ia juga berpunca dari struktur tarif yang rendah dan tidak mampu menampung kos operasi IWK. Tarif tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1997, sebaliknya tarif telah diturunkan sebanyak 3 kali iaitu downward revision dengan izin pada tahun 1998, 1999 dan 2004 yang lalu bagi sektor komersial.

Prestasi kutipan perkhidmatan pembedaan adalah pada paras 70%. IWK giat menjalankan kempen kesedaran pengguna melalui media cetak dan elektronik. Dengan kempen ini kita harap respons pengguna akan meningkat, di samping itu IWK juga mengambil tindakan undang-undang ke atas pengguna yang mempunyai tunggakan caj pembedaan yang terlalu besar. Pelaksanaan perkhidmatan air dan pembedaan secara *holistic* yang dirancang juga dapat memberi manfaat kepada IWK, di mana pengambilan perkhidmatan air dan pembedaan secara bersepadu dapat membantu masalah kutipan ini.

Jumlah yang telah dibayar oleh kerajaan semasa pengambilan alih IWK adalah sebanyak RM192.54 juta melalui jual beli saham. Manakala proses penswastan sisa pepejal, ini ramai rakan-rakan kita membangkitkannya termasuk Serdang, Kelana Jaya masih belum disempurnakan. Dalam tempoh interim sekarang ini sejak tahun 1997, tanggungjawab telah diserahkan kepada Alam Flora untuk kawasan tengah dan Southern Waste Management Sdn. Bhd. untuk kawasan selatan. Kakitangan dan kenderaan PBT, pihak berkuasa tempatan yang terlibat juga diserahkan dan kedua-dua syarikat ini disyaratkan membayar gaji tambahan sebanyak 17.5% kepada kakitangan. Manakala kenderaan yang diambil alih pula adalah lama dan ia memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. Kadar kutipan tidak berubah tapi mereka

perlu menanggung kos yang lebih tinggi. Juga mereka menghadapi masalah kutipan daripada PBT sendiri, di mana kadar kutipan puratanya yang diterima oleh Alam Flora 70% - 80%, manakala Southern Waste hanya 60%.

Jumlah subsidi yang dibayar bagi membantu aliran tunai Alam Flora sepanjang 1997 – 2003 berjumlah RM141.5 juta, manakala Southern Waste dalam tempoh 1997 – 2003 ialah RM38.77 juta. Subsidi ini adalah bagi membiayai, pertama kos gaji tambahan yang saya katakan tadi 17.5% yang disyaratkan kepada kakitangan, KWSP, SOCSO bagi kakitangan yang diambil alih oleh mereka.

Yang kedua, kos perubatan bagi kakitangan yang diambil alih, cukai jalan kenderaan yang diambil alih, juga bayaran pengurusan sebanyak 3% daripada jumlah kutipan yang dibuat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tumpat ingin penjelasan soal peruntukan RM8.5 bilion dalam Ya, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya ada sebut berkaitan dengan Perwaja yang masih belum dijawab.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ada Yang Berhormat, selepas ini, saya ikut butiran. RM8.5 bilion subsidi diesel ataupun petrol dan Yang Berhormat ingin tahu pecahan siapa yang akan dapat bayaran ini, sebanyak mana pergi manfaat ini kepada rakyat. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya semua kita tahu soal ini cuma Yang Berhormat barangkali saya faham dengan soalan lisan Yang Berhormat seolah-olah kerajaan “menangguk di air keruh” dalam hal ini. Soal kepentingan subsidi ini pada Yang Berhormat seolah-olah tanggungjawab kerajaan semata-mata untuk beri kepada rakyat, terima kasih.

Sebenarnya RM8.5 bilion yang diperuntukkan subsidi ini perlu dibayar oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat minyak yang membekalkan petrol, diesel dan gas memasak LPG yang diberi subsidi. Saya ucapkan terima kasih kepada rakan kita tadi, saya lupa Yang Berhormat daripada saya ingat Jasin tadi memberi gambaran kepada kita dengan jelas, takut bukan sahaja rokok yang murah di Malaysia, tetapi minyak kita murah dari Indonesia takut *dismuggle* keluar dengan izin daripada Malaysia. Jadi ini menunjukkan kita lebih murah, hasil daripada subsidi.

Jadi kerajaan perlu membayar subsidi kerana harga runcit petrol, diesel dan LPG di negara kita ini dikawal oleh kerajaan. Walaupun kita menanggung bebanan ataupun bebanan yang dimaksudkan adalah peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan untuk pembangunan rakyat, sebaliknya kita menampung harga minyak supaya harga minyak tidak naik di peringkat runcit dan sekali gus tidak menyusahkan kesemua sekalilah. Kita tahu bila harga minyak naik, tentu sekali harga-harga barang lain turut naik, pekerja minta gaji naik, dan ini akan membebankan pihak kerajaan dan juga membebankan rakyat, jadi pembangunan tidak akan diterima oleh rakyat hasil daripada kenaikan itu. Sebaliknya apabila kita beri subsidi, maka kita terpaksa berkecang di atas peruntukan ini tidak dapat kita gunakan untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Serdang kerana mengingatkan saya, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah mengenai Perwaja, di mana Yang Berhormat ingin tahu Maju Holdings telah mengumumkan penjualan 51% sahamnya kepada Kin Steel Berhad. Dan adakah yang dimaksudkan RM10 bilion pampasan yang diterima oleh Maju melalui proses pengambilalihan kerajaan pada tahun 1996, dan Maju Holdings tidak memaklumkan kepada kerajaan proses ini, dan melibatkan subsidi yang besar, yang diterima oleh Maju dalam menghapus kira hutang-hutang dan sebagainya, juga mengalir kepada Kin Steel - maksud Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat pertamanya, sukacita ingin saya jelas dulu peruntukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan Perwaja itu, berapa jumlah subsidi bantuan kewangan kerajaan dulu yang telah disalurkan kepada Perwaja supaya memberi nafas baru untuk diteruskan, dijalankan perusahaan tersebut. Sebab pentingnya bantuan kewangan yang begitu lama melalui Dewan ini supaya subsidi bagi Perwaja dapat diteruskan.

Maka itu, selepas Maju Holdings jual 51% kepada Kin Steel sama ada wang subsidi yang dibantu oleh kerajaan akan balik, sama ada akan dikutip balik atau tidak?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Izinkan saya untuk menjawab dalam dua keadaan. Yang pertama peruntukan yang diperuntukkan dalam Bajet 2006 iaitu RM22.28 juta kepada Perwaja. Sebenarnya ini merupakan bayaran kupon bon yang penjadualan mengikut jadual yang perlu dibayar oleh kerajaan kepada pengeluar bon mengikut perjanjian kepada yang perlu dibayar sebanyak RM700 juta oleh Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.

Yang kedua Yang Berhormat, ingin saya jelaskan bahawa persoalan Maju Holdings secara ringkas boleh saya jelaskan di sini, di mana selepas proses, kita tahu semua proses penyelarasan dan penyusunan semula Perwaja, di mana pada ketika pengambilan alih Perwaja pada tahun 1996, pihak Maju Holdings mengambil alih Perwaja Steel Sdn. Bhd. Manakala Perwaja Terengganu Sdn. Bhd, sebenarnya sebelum pengambilalihan oleh Maju, penstrukturan kepada Perwaja ini telah dibuat sebelum daripada itu, bermakna mengasingkan antara Perwaja Terengganu dan Perwaja Sdn. Bhd.

Manakala pengambilalihan 51 peratus ataupun pembelian 51 peratus daripada Maju Holdings yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah daripada Perwaja Steel Sdn. Bhd. dan untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya pihak Maju dengan kajian mereka telah pun mengajukan beberapa kali kepada pihak kerajaan supaya perkara ini diambil alih semula oleh kerajaan untuk membetulkan perniagaan dan sebagainya tetapi kerajaan sekali-sekali membuat keputusan bahawa tidak akan lagi melibatkan diri dalam soal ini dan akhirnya Maju terpaksa

membuka jalan dan akhirnya kepada King Steel dan saya percaya itulah Yang Berhormat jumlahnya dan juga pengasingan entitinya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada sangat mengelirukan, bolehkah kita dapat satu gambaran yang jelas mengenai kerugian yang total *accumulated* yang dialami oleh kerajaan dalam Perwaja. Saya sini ada rekod bahawa dalam tahun 1996, masa itu tahun 1996 *total accumulated loses* ialah RM2.9 bilion, *Total liabilities* - RM 6.9 bilion ialah dekat RM 10 bilion, itu 1996, dan dalam tiga empat tahun kemudian adalah lagi *accumulated loses* – RM1 bilion, bererti lebih kurang RM11 bilion ialah sampai ke tahun 2000. Sekarang tahun 2005 dalam segala operation PERWAJA sama ada sebelum atau selepas Maju Holdings apa total loses termasuk total liabilities sudah dikumpul adakah dekat RM13 bilion, RM14 bilion apa itu angka?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang : Terima kasih Yang Berhormat, kita hendak raya ini, saya ingat hari terakhir kita semua hendak raya. Saya tidak bermaksud untuk, sebenarnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang, saya jawab saya rasa Yang Berhormat puas hati dan entiti tadi Perwaja Steel Sdn. Bhd. yang diambil alih oleh Maju, kemudian yang tinggal pada kerajaan ialah Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang Yang Berhormat bangkit tadi saya akui, tetapi untuk hari ini untuk masa ini saya tidak mempunyai apa itu figure yang dimaksudkan untuk jawapan pada kali ini saya jawab kepada yang dibangkitkan oleh Serdang di mana dia takut apa yang dibeli oleh King Steel itu juga dinikmati ataupun menikmati apa yang ditanggung ataupun diberi subsidi oleh kerajaan kepada Perwaja terdahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah kita dapat satu jawapan bertulis? *Total accumulated loses liabilities* sampai sekarang bolehkah?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya rasa boleh, boleh boleh, kalau Yang Berhormat kata begitu tetapi sekarang saya tak boleh jawab. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mempercepatkan pertama lagi kepada Tuanan yang membangkitkan soal Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak sebanyak RM10 juta apakah tujuan, golongan mana yang akan mendapat manfaat dan siapa pelaksana. Terima kasih Yang Berhormat Tuanan. Adapun tujuan peruntukan ini adalah untuk memulakan satu dana untuk memberikan pinjaman perumahan kepada golongan-golongan berpendapatan rendah kepada dua-dua negeri ini. Dana ini akan dibahagi RM5 juta di Sabah dan RM5 juta di Sarawak dan yang akan mentadbir dana ini ialah yang berhormat setiausaha kerajaan negeri masing-masing.

Ini juga merupakan kesinambungan daripada dana yang telah pun diagih di peringkat Semenanjung yang juga dikenali daripada Kumpulan Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan pendapatan rendah. Ini adalah atas keputusan kabinet dan saya percaya ini akan memberi manfaat langsung kepada rakyat khususnya mereka berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak.

Seterunya Yang Berhormat Kepong dan rakan-rakan lagi membangkitkan soal Tabung Pinjaman Pelajaran berjumlah RM116.3 juta, mereka memohon penjelasan butiran ini dan Kepong membangkitkan isu pembayaran balik pinjaman pelajaran yang tidak efektif di mana dilaporkan lebih 50 ribu orang menerima pinjaman berhutang sebanyak lebih kurang RM50 juta belum membuat bayaran balik, dan kaedah kutipan bayaran balik pinjaman yang lebih efektif nasihat Kepong. Terima kasih atas nasihat diberikan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, tabung pinjaman yang kita maksudkan dalam RM116.3 juta ini adalah untuk kita asingkan, seperti mana pandangan Yang Berhormat Kepong itu sebenarnya kepada PTPTN. Sebenarnya in bukan daripada PTPTN, ini kepada Tabung Pinjaman Pelajaran untuk kita khususkan kepada kemahiran pemberian tabungan peringkat kemahiran - sijil, diploma, di Politeknik, di Kolej Komuniti dan sebagainya. Sebab kita tidak mahu membebankan kepada PTPTN, malah PTPTN kita khususkan kepada tabung untuk IPTA, untuk pengajian ijazah semata-mata.

Jadi oleh kerana pembahagian ataupun tugas-tugas Kementerian Pendidikan dahulu sekarang ini telah dipecah dan diambil alih oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebahagiannya, maka perlu kepada tabung ini dan demikianlah keperluan untuk melatih lebih ramai lepasan-lepasan sekolah yang tidak dapat ke IPTA ataupun pengajian tinggi seterusnya dan mereka menggunakan tabung ini untuk mendapatkan ilmu, kemahiran dan sebagainya. Sila Kepong, berdiri apa itu? Saya tidak tahu sebab dia tidak minta dengan Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan, dengar dululah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah Yang Berhormat, mungkin Timbalan Menteri ingat Yang Berhormat nak keluar.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak keluar, saya bangun sahaja. Saya memang setujuhah kita mesti ada tabung untuk orang yang tidak dapat masuki, *[Disampuk]* untuk berucaplah sekejap sahaja, ada masa lagi. Saya memang bersetuju kita mesti adakan tabung ini supaya yang tidak dapat masuk IPTA dapat pergi ke Politeknik dan sebagainya dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada kita semua macam mana Yang Berhormat dapat mengutip balik sebab 10 tahun yang lampau saya di sini pernah menyeru supaya pihak kerajaan waktu itu PTPTN itu sebelum ia dilaksanakan itu saya menyeru supaya satu kaedah yang berkesan diadakan supaya peminjam dapat melunaskan semua ini tetapi setakat ini 10 tahun kemudian kita dapati masalah berlaku – peminjam yang tidak mempunyai nilai-nilai etika, tak tahulah Hulu Langat setuju atau tidak saya tidak tahu.

Walau bagaimanapun, bolehlah Yang Berhormat terangkan sebab 10 tahun yang lampau kita pernah bangkitkan di sini dan didapati masalah berlaku dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita sama ada kita sudah mendapat iktibar daripada pinjaman PTPTN itu?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Kita pun dengar banyak ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan kita tadi memberi sumbangan idea, nasihat soal ini, bukan Kepong sahaja. Saya nampak daripada BN banyak lagi

soal menitikberatkan tanggungjawab, iman dan sebagainya. Saya Tuan Pengerusi, jelaskan tadi bahawa kita berterima kasih kerana Kementerian Kewangan menyediakan belanja untuk tabung ini, itu tugas Kementerian Kewangan, manakala pengutipan, pengawalan nanti tugas kementerian yang berkenaanlah sebagai agensi pelaksana di Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Jadi saya ingat Yang Berhormat boleh bangkit nanti di peringkat Jawatankuasa kementerian-kementerian berkenaan, ya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, seterusnya rakan kita bagi Tuaran dan beberapa lagi ingin penjelasan soal Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, termasuk Ketereh tadi, bantuan ini sebenarnya mengikut surat ikatan amanah, bantuan ini boleh kita berikan, ada yang ingin tahu bukan sahaja pelajar sekolah rendah, tetapi juga pelajar menengah, disarankan supaya monopoli atau mendapat faedah daripada tabungan ini. Memang ia daripada konsep ataupun penubuhan tabung ini ialah bertujuan untuk membantu kedua-dua golongan ini daripada menengah dan rendah, walau bagaimanapun perlaksanaannya setakat 2003, hanya di sekolah rendah dan akan diteruskan kepada pelajar-pelajar miskin ataupun akan dibantu kepada pelajar-pelajar miskin di peringkat menengah pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, Tuaran juga ingin penjelasan soal Tabung Kumpulan Wang Bantuan Bencana Negara, Kinabatangan pun bangkit, yang hanya RM10 *token* pada Bajet 2006.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Tabung Kumpulan Wang Bantuan Bencana Negara ini ditubuhkan oleh kerajaan dan kita menyediakan bajet, dan ketika ini juga kita membuka kepada pihak-pihak swasta, penderma-penderma seluruh negara, individu dan juga luar negara untuk menderma dan dimasukkan ke dalam tabungan ini, kumpulan ini. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat 2004 tabungan ini masih lagi berbaki RM33,577,839.71. Jadi kita yakin tabung ini sentiasa ditambah melalui tadi dan kita tidak peruntukan pada tahun depan tetapi bila perlu kita peruntukan. Dan untuk makluman kepada Yang Berhormat, soal bayaran banjir lumpur di Telupid, Tuaran yang dibangkitkan, untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini proses pemindahan tabung ini untuk dikawal selia dan diuruskan oleh Bahagian Keselamatan Negara. Kita Berharap apabila selesai dengan cepat, Bahagian Keselamatan Negara akan mempercepatkan bayaran atas sesuatu bencana yang berlaku dan tidak sebagaimana proses sekarang ini agak memerlukan proses yang panjang, agak panjanglah.

Tuan Pengerusi, ramai Yang Berhormat bangkit soal peruntukan kepada KLIAB sebanyak RM702 juta, apakah maksud butiran ini dan ada rakan kita daripada Kemaman tadi bercakap panjang lebar, dan saya tidak berhasrat untuk mengkhususkan perbincangan itu. Saya ingin memaklumkan bahawa peruntukan ini adalah diperuntukkan pada tahun depan bagi melunaskan pembayaran balik *principle* dan faedah pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh KLIA, sebagaimana yang telah dijadualkan sama ada dalam negeri dan luar negeri. Dan soal yang dibangkitkan oleh kawan-kawan, soal kecekapan mengurus bagasi dan sebagainya itu kita

harap kementerian berkenaan akan dapat memberi jawapan kerana saya sendiri tidak mempunyai data dan juga punca jawapan berkenaan.

Yang Berhormat Tebrau ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menjalankan kajian *feasibility* ke atas pelaksanaan projek *incinerator* di Selong di Johor Bahru. Terima kasih Yang Berhormat, saya dapat maklumat di sini bahawa kajian ataupun tindakan kerajaan akan menimbang cadangan ini seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dengan segera atas keperluan *incinerator*, sebagaimana kajian yang dibuat oleh penguasa tempatan bagi kawasan berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Banyak lagi tapi boleh pendekkan. Berapa minit lagi Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 15 minit lagi.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, okay. Terima kasih. Saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebahagian besar kita tadi begitu prihatin dan memberi tumpuan kepada peranan GLC terutamanya pimpinan GLC bagi memastikan hasrat kita semua dan negara tercapai, dan sebenarnya Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua telah pun mengulas dalam peringkat dasar soal kerugian yang ditanggung oleh Bank Islam.

Saya di sini tidak bermaksud untuk, saya menerima, kita menerima dan pegawai-pegawai yang bertugas mencatat apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dan kita percaya pihak Bank Islam sendiri dalam saranan kita, dalam teguran kita dan hasrat kita. Saya tadi sangat-sangat menerima pandangan daripada Bera, daripada rakan-rakan tadi dan ingin kita mempertahankan kredibiliti dan keunggulan sistem kewangan Islam yang telah kita wujudkan sekian lama, kita tidak hendak dengan isu ini akan menjejaskan imej negara kita dan sistem kewangan itu termasuk imej Islam itu sendiri. Saya sangat menerima saranan ini dan saya ingin menjawab ringkas di sini bahawa,...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sikit Yang Berhormat,...

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Belum jawab lagi Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:sikit, janganlah marah, pasal apa nak marah....

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada simpan di Bank Islam tak? Tak ada kan. [*Bertanya kepada beberapa Ahli Pembangkang*] Yang Berhormat saya nak tanya, boleh tidak Yang Berhormat beri kepastian kerana kalau ada berlaku penyelewengan, apakah satu pendedahan akan dibuat ke atas mereka yang terlibat? Sebab apa dalam sektor awam sudah tentu akan dikenakan *surcharge* dengan izin, tindakan tatatertib ke atas pegawai yang

terlibat. Apakah perkara yang sama, tindakan yang sama akan diambil ke atas mereka ini yang terlibat, yang tidak beramanah? Tetapi kita akui, kalau Bank Islam rugi di atas perniagaan secara umum, kita boleh terima, tapi janganlah sikap mana-mana individu menyebabkan bank mengalami kerugian besar.

Saya berani mengatakan di sini bahawa imej Bank Islam, kerana saya kebetulan bersama dengan Jasin berada di Indonesia baru-baru ini, ada pihak-pihak yang tertarik untuk mempelajari, melihat kemudahan, kelebihan yang ada pada perbankan Bank Islam ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Apakah campur tangan Perdana Menteri di sini perlu bagi menangani masalah yang sedang dihadapi sebagai Menteri Kewangan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat, saya pun nak pergi ke situ. Saya memberi jaminan bahawa sekarang ini Bank Islam perlulah secara dalaman dahulu menyelesaikan masalah ini, dan sebagaimana kata Yang Berhormat dan rakan-rakan kita yang lain, bahawa sekiranya berlaku kecuaiian dan yang melakukan kecuaiian itu adalah berhasrat ataupun melakukan dengan hasrat, maka orang ini perlu kita hukum kerana kita tidak mahu dengan perbuatan mereka itu yang boleh menjejaskan, macam mana yang dikatakan tadi, agama kita, negara kita dan sistem yang kita lihat pada hari ini, memang kita dihormati dan kita sebagai pelopor.

Saya ingin menjelaskan sebagaimana rakan kita dari Bera kata tadi, sehingga hari ini di Bahrain, di Singapura telah pun ingin berlumba-lumba untuk bersaing dengan kita, tapi saya ingin jelaskan kita tak payah bimbang Yang Berhormat kerana inilah kejayaan kita ini, kalau negara lain telah melihat kejayaan kita dan ingin bersama dan ini pertamanya memudahkan di peringkat antarabangsa, sistem itu sendiri. Dan yang kedua memberi cabaran kepada kita supaya kita lebih ke depan, jangan nanti orang belakang kita lebih laju daripada kita. Jadi ini....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tak faham apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, perkara ini sekarang perlu diselesaikan secara dalaman *first*. Penyelesaian dalaman, apa penyelesaian dalaman? Bukankah sampai sekarang, patut sudah tau, apa yang berlaku, siapa yang bertanggungjawab, kenapa boleh berlaku dan apa tindakan akan diambil, bukan untuk cari apa sebab, sebab musabab oleh kerana perkara sudah sampai di peringkat, di mana sudah tahu kerugian RM7 ratus juta yang menunjukkan bahawa sistem Bank Islam pun tidak berbeza dari sistem yang lain, ada korupsi, ada penyelewengan, ada penyalahgunaan kuasa dan perlu dipantau, perlu dicegah dan masalah ialah sama ada akan berlaku *cover up* dan skandal Bank Islam ini semacam

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan sudah pun dikeluarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Bukan, bukan, kita mahu tahu oleh kerana bukan penyelesaian dalaman, sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat satu laporan yang lengkap mengenai perkara ini, kenapa kita tidak diberi butiran-butiran dan kenapa mahu tolak

balik kepada penyelesaian dalaman. Bukankah ini satu *cover up*? Satu *shirking responsibility*, satu *cover up*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tunggu jawapan, tunggu jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita mahu butir-butir sampai sekarang. Kalau Yang Berhormat tidak tahu, bukannya ini menunjukkan ada kecuai Bank Islam dan juga ada kecuai Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, sabarlah. Saya kata tadi, kita hendak raya ini. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Saya melihat seolah-olah Yang Berhormat ingin, kalau boleh saya katakan, sudah jatuh hendak ditimpa tangga dan hendak dihempas lagi. Saya katakan tadi, sebenarnya saya setuju dengan rakan-rakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuduhan itu tidak adil, tidak boleh, itu tuduhan yang serius. Bank Islam ini pun kita punya, negara punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu ia berjaya. Kita tidak mahu *dishonored* kepada kita, *dishonored* kepada Bank Islam, *dishonored* kepada Malaysia, dan *dishonored* kepada kita pun. Jangan buat tuduhan semacam itu, patut tarik balik.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, perkara ini baru dibangkitkan dalam ulasan dasar oleh Menteri Kewangan Kedua dan saya memberi jaminan tadi bahawa tindakan sewajarnya sedang diambil dan sebagaimana kata Yang Berhormat bagi Larut sebentar tadi, kita tidak berhasrat menyorok soal ini jika berlaku kecuai dan kecuai itu dilakukan dengan hasrat, saya kata tadi, kita akan dedahkan dan kita akan pastikan sistem kewangan Islam ini yang baik. Terima kasih Yang Berhormat kata tadi sebab Yang Berhormat dokong. Saya tidak tahulah Yang Berhormat buka akaun ke tidak, tetapi Yang Berhormat dokong. Kita akan dokong perkara ini untuk memastikan negara kita akan menjadi pusat kewangan Islam sebagaimana yang kita cita-citakan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sedikit sahaja.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya bagi Yang Berhormat bagi Bera dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, saya hendak tahu sehingga ke hari ini adakah pihak BPR mula menyasat tentang perkara yang berlaku ini?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Minta maaf, Yang Berhormat, saya tidak dapat pasti soal peranan BPR tetapi siasatan terperinci sedang berjalan.

Tuan Lim Kit Siang: Timbalan Menteri kata “kalau ada kecuaiian”. Kenapa sampai sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh beritahu sama ada ada kecuaiian oleh kerana bukannya benar bahawa perkara ini sudah ada sejarah sekurang-kurangnya 7 atau 8 tahun. 7 atau 8 tahun, sekarang masih “kalau ada kecuaiian”, bagaimana? Bukankah ada satu laporan siasatan dalaman yang sudah diberitahu kepada Kementerian Kewangan? Bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada laporan itu? Kenapa tidak didedahkan dalam Dewan yang mulia ini?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, saya ingat saya baru di sini. Saya yang sepatutnya.... Yang Berhormat, saya ingin jelaskan sebagaimana rakan kita, Yang Berhormat bagi Pulau sebentar tadi. Yang Berhormat bagi Pulau mencelah sebentar tadi bahawa ini perniagaan bank dan dalam perniagaan kita mesti menanggung risiko sama ada untung ataupun rugi. Ini yang saya katakan tadi...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, saya faham, Yang Berhormat. Sebab itulah soal ini, selagi siasatan terperinci, siasatan sepenuhnya tidak dapat kita pastikan, maka saya tidak boleh beritahu Yang Berhormat di Dewan ini. Jadi, saya ingat jelas.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Okey, saya ingat saya beralih kepada rakan-rakan yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi, dalam masa yang singkat ini, Yang Berhormat bagi Kota Belud ingin penjelasan soal dalam Perlembagaan yang memperuntukkan bahawa kutipan duti eksais atas petroleum bagi Sabah dan Sarawak yang selama ini diserahkan kepada negeri tersebut memandangkan duti eksais petroleum telah dimasukkan mulai 1.1.2000 dan produk tersebut dikenakan cukai jualan.

Bagaimana kementerian meluluskan hasil petroleum kepada kedua-dua negeri ini dan bagaimana pula cara perkiraannya. Untuk menjelaskan soal ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, duti eksais tidak lagi dikenakan atas petroleum. Ini bermakna tiada lagi peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan supaya kementerian menyerahkan kutipan hasil cukai jualan atas petroleum kepada kedua-dua kerajaan negeri berkenaan.

Walau bagaimanapun, kementerian masih lagi menyerahkan kutipan cukai jualan atas petroleum kepada kedua-dua negeri ini sehingga kini, asas perkiraannya tidak ada. Cuma apa yang kita kutip pada hari ini agak kecil, maka apa yang kita dapat, kita serahkan setakat yang kita dapat.

Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut mengenai Kumpulan Wang Tabung Biasiswa Sukan Persekutuan, Yang Berhormat ingin tahu mengapa peruntukan kepada tabung biasiswa ini kecil sebanyak RM700 ribu sahaja. Untuk makluman rakan-rakan dan Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan ini walaupun kecil, namun kedudukan sebenarnya pada setakat 31 Januari tahun ini, baki dalam tabung ini masih berbaki

RM1,469,042.00. Dari tahun 1993-2004, sebanyak 286 biasiswa sukan Persekutuan telah dikeluarkan. Daripada jumlah ini, 101 orang pemegang biasiswa telah menamatkan pengajiannya, manakala 187 orang masih meneruskan pengajian. Oleh itu peruntukan ini kita rasa berpadanan dan kerajaan bersedia menambah dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, oleh kerana sudah singkat boleh kita tumpukan kepada Hong Leong dan Financial Services Resource Center (FSRC), kita semua tunggu.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Banyak lagi, Tuan Pengerusi. Walau bagaimanapun, kepada perkara-perkara yang tidak dibangkitkan ini, saya ingat saya boleh mengemukakan jawapan secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang: Ini adalah *public interest* oleh kerana Perdana Menteri ada umum.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya ingin jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, soal pelaksanaan Sistem Taksiran Sendiri (STS), terutamanya untuk individu yang agak terbukti, katanya terburu-buru menggunakan STS ini. Sebenarnya skim ini telah kita laksanakan secara berperingkat iaitu bermula dengan bayaran cukai kategori syarikat mulai tahun 2001, pelaksanaan STS di atas pembayar cukai selain syarikat hanya bermula dalam tahun 2004.

Kita telah mengadakan ceramah, kempen dan macam-macam edaran kepada orang ramai, khususnya kepada pembayar-pembayar cukai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kita memberi buku yang khusus secara percuma untuk memahami dengan lebih lanjut soal STS ini dan kita harap Yang Berhormat bagi Seputeh juga boleh memainkan peranan. Sebenarnya tanggungjawab kepada STS ini, ia sangat baik kepada pembayar cukai, mereka tahu peranan mereka sendiri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa minit diperlukan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya sudahlah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah ya?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya ingat saya akan kemukakan jawapan bertulis kepada Dewan, Tuan Pengerusi, dan....

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada *leeway* 15 minit, ini *public interest*, kita tunggu selama dua hari, saya harap ada 15 minit, kita harap perkara-perkara penting, bukan sahaja kita tunggu, rakyat pun tunggu, negara pun tunggu.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya ucap terima kasih, Yang Berhormat, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,870,177,800 untuk Maksud B.10; RM17,462,000,000 untuk Maksud

B.11; dan RM2,392,600,030 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,870,177,800 untuk Maksud B.10; RM17,462,000,000 untuk Maksud B.11 dan RM2,392,600,030 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,302,387,400 untuk Maksud P.10; dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,302,387,400 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai minggu depan Dewan yang mulia ini akan rehat selama dua minggu bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat pulang ke kawasan masing-masing bertemu dengan rakyat di samping menyambut Hari Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri. Saya selaku Timbalan Speaker dan juga bagi pihak Tan Sri Speaker dan rakan sejawat saya ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan ucapan "Selamat Hari Raya Aidilfitri" kami kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang beragama Islam. Kepada mereka yang beragama Hindu, "Selamat Menyambut Deepavali" diucapkan. Dengan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi, 14 November 2005.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.